

ANALISIS TERJEMAHAN FITUR PARATAKSIS ARAB-
MELAYU DALAM NOVEL *KALILAH DAN DIMNAH*
BERDASARKAN LINGUISTIK FUNGSIONAL SISTEMIK

ABDUL HADI BIN MAROSADEE

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2021

**ANALISIS TERJEMAHAN FITUR PARATAKSIS ARAB-
MELAYU DALAM NOVEL *KALILAH DAN DIMNAH*
BERDASARKAN LINGUISTIK FUNGSIONAL SISTEMIK**

ABDUL HADI BIN MAROSADEE

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ABDUL HADI BIN MAROSADEE

No. Matrik: TOA180012/17051461

Nama Ijazah: Sarjana Linguistik (Sastera)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Analisis Terjemahan Fitur Parataksis Arab-Melayu Dalam Novel *Kalilah Dan Dimnah* Berdasarkan Linguistik Fungsional Sistemik

Bidang Penyelidikan: Terjemahan/Linguistik Fungsional

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**ANALISIS TERJEMAHAN FITUR PARATAKSIS ARAB-MELAYU
DALAM NOVEL *KALILAH DAN DIMNAH* BERDASARKAN LINGUISTIK
FUNGSIONAL SISTEMIK**

ABSTRAK

Binaan ayat bahasa Arab seringkali terbentuk melalui cantuman sejumlah klausa dalam satu ayat yang dihubungkan oleh *waw al-‘atf* (kata hubung *waw*). Majoriti sarjana bahasa Arab menakrifkan kata hubung *waw* ini dengan makna penggabungan antara klausa. Penggunaan kata hubung *waw* yang berlebihan boleh menimbulkan kekeliruan dalam memahami makna dan fungsi yang disebabkan oleh pertindihan makna. Kajian ini meneliti makna-makna bagi kata hubung *waw* yang terdapat dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* dengan membandingkan teks sumber (TS) dengan teks terjemahan (TT). Novel ini merupakan novel bahasa Arab yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu terbitan syarikat Alasfiyaa, Malaysia. Bagi meneliti makna kata hubung *waw*, teori klausa kompleks daripada Linguistik Fungsional Sistemik (LFS) oleh Halliday & Matthiessen (2014) diaplikasi bersesuaian dengan fungsi asal kata hubung *waw* yang berperanan untuk membentuk klausa kompleks. Hasil kajian mendapati majoriti kata hubung *waw* dalam TS memberi makna peluasan sebanyak 66%, diikuti makna peningkatan untuk menerangkan alur cerita sebanyak 28.6% dan makna perincian sebanyak 5.4%. Penterjemahan kata hubung *waw* didapati tidak terhad kepada “dan”, tetapi terjemahan seperti “kerana” dan “tetapi” juga digunakan oleh penterjemah. Hasil kajian mendapati bahawa penterjemah menggunakan strategi tertentu dalam menterjemahkan klausa kompleks melalui kata hubung *waw* seperti pengguguran dan penambahan klausa, mengalih makna dan keterikatan klausa melalui strategi peralihan taksis, makna dan jumlah klausa. Kesimpulannya, teori LFS sesuai diaplikasi untuk meneroka kajian terjemahan Arab-Melayu secara lebih luas lagi dan tidak terhad kepada peringkat klausa semata-mata.

Kata Kunci: LFS, Taksis, Waw, Klausa Kompleks, Terjemahan, Arab, Melayu

ANALYSIS OF PARATACTIC FEATURES OF ARABIC-MALAY TRANSLATION IN NOVEL KALILAH AND DIMNAH BASED ON SYSTEMIC FUNCTIONAL LINGUISTICS

ABSTRACT

Arabic sentences structures are formed by a group of many clauses in a sentence. These chain of clauses are connected by *waw al-‘atf*. Most of the prominent Arabic grammarians defined this *waw* with a combining function between the clauses. The overuse of *waw* and overlap in its meaning sometimes triggers confusion in grasping and determining its suitable function in given context. This research probes the underlying meanings of *waw* in the novel *Kalilah and Dimnah* by comparing the source texts (ST) and translated texts (TT). Systemic Functional Linguistics (SFL) theory which was introduced by Halliday & Matthiessen (2014) is adopted as the research framework to examine the meanings as it defines the meaning of cohesive devices in clause complexes by analyzing the interdependency between clauses. Most of the *waw* are functioning as extension with 66% repetition, followed by enhancement with 28.6% and elaboration with 5.4%. The translations of *waw* however, do not limit to “dan” alone in Malay, but adapt other translations as well as “tetapi” and “kerana”. This finding shows that the translator employs a particular method in translating the clause complexes connected by *waw* such omission and addition of clauses, change the meaning and status of the clauses by altering the taxis status, meaning and total of clauses. In conclusion, researcher finds that Arabic-Malay translation research using the SFL theory can be expanded more and not limit to the clause levels alone.

Keywords: SFL, taxis, *waw*, clause complexes, translation, Arab, Malay

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT. Selawat dan salam kepada junjung besar, Nabi Muhammad SAW, utusan terakhir buat umat akhir zaman. Hanya pada Allah, rasa syukur ini dirafakkan kerana telah berjaya menyempurnakan disertasi ini.

Awal bicara, penulis ingin menzahirkan rasa sukacita dan sujud syukur kerana mampu menyiapkan disertasi ini. Kelompangan dan kekurangan pasti ada. Walau bagaimanapun, penulis telah berusaha sedaya upaya untuk mengharungi cabaran suka duka dalam menyelesaikan hasil tulisan ini.

Setinggi-tinggi dan ribuan penghargaan dikalungkan kepada semua panyarah di Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya atas tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan. Ucapan “Jazakallahu Khayran” ditujukan buat Dr. Mohamad bin Hussin selaku penyelia yang telah banyak membantu dan membimbing kepada penulis sepanjang perjalanan yang panjang ini.

Tidak dilupakan, buat isteri dan anak, Hanani dan Hasan kerana sentiasa memahami dan memberikan sokongan sepanjang waktu kita bersama sekeluarga. Buat mak ayah, Rawiah dan Mohd Salleh kerana memberikan dorongan dan sokongan untuk menyambung pelajaran di peringkat sarjana.

Akhir sekali, buat teman-teman yang sentiasa menjadi penghibur dan peleraai duka saat-saat terasa ingin berputus asa. Moga syurga buat kalian semua!

Sekian. Terima kasih.

Abdul Hadi bin Marosadee
Abu Hasan al-Basri

SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
BAB 1 :PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Batasan Kajian	6
1.7 Sebab Pemilihan Novel	8
1.8 Rangka Kajian	9
1.9 Definisi Operasional	11
1.10 Kesimpulan.....	13
BAB 2 :SOROTAN LITERATUR.....	14

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Linguistik Fungsional Sistemik	14
2.3	Linguistik Fungsional Sistemik dan Terjemahan	15
2.4	Kajian LFS Bahasa Melayu	18
2.5	Klausa Kompleks	19
2.5.1	Klausa Kompleks dan Linguistik Fungsional Sistemik	20
2.5.2	Klausa Kompleks Bahasa Arab	21
2.6	Kata Hubung <i>Waw</i>	21
2.7	Terjemahan Kata Hubung <i>Waw</i>	25
2.8	Kajian Novel <i>Kalilah Dan Dimnah</i>	28
2.8.1	Ibn al-Muqaffa'	28
2.8.2	Kajian Aspek Bahasa Novel <i>Kalilah Dan Dimnah</i>	29
2.8.3	Kajian Terjemahan Arab-Melayu Novel <i>Kalilah Dan Dimnah</i>	31
2.9	Rumusan Kajian Literatur	34
BAB 3	:METODOLOGI KAJIAN	35
3.1	Pendahuluan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	35
3.4	Konsep Kajian	36
3.4.1	Taksis: Parataksis dan Hipotaksis	37
3.4.2	Makna-makna Taksis	40
3.4.2.1	Parataksis Perincian	42

3.4.2.2	Hipotaksis Perincian.....	45
3.4.2.3	Parataksis Peluasan.....	47
3.4.2.4	Hipotaksis Peluasan.....	50
3.4.2.5	Parataksis Peningkatan	51
3.4.3	Kesimpulan.....	52
3.5	Kaedah Analisis Data	53
3.6	Kerangka Konseptual Kajian.....	58
3.7	Pengenalan Data Kajian.....	60
3.8	Kesimpulan.....	61
BAB 4	:DAPATAN KAJIAN	62
4.1	Pendahuluan	62
4.2	Mengenal Pasti Fitur Parataksis Teks Sumber	62
4.2.1	Parataksis Perincian.....	63
4.2.2	Parataksis Peluasan	65
4.2.3	Parataksis Peningkatan.....	68
4.2.4	Kesimpulan.....	71
4.3	Mengenal Pasti Terjemahan Fitur Parataksis Teks Sumber	71
4.3.1	Terjemahan Kata Hubung <i>Waw</i>	72
4.3.1.1	Parataksis Perincian.....	72
4.3.1.2	Parataksis Peluasan.....	76
4.3.1.3	Parataksis Peningkatan	81
4.3.1.4	Kesimpulan.....	83

4.4	Merumuskan Strategi Terjemahan Fitur Parataksis.....	85
4.4.1	Strategi Pengekalan Fitur Parataksis	86
4.4.2	Strategi Peralihan Terjemahan Fitur Parataksis	89
4.4.2.1	Strategi Peralihan Jenis Taksis	90
4.4.2.2	Strategi Peralihan Makna Klausa	92
4.4.2.3	Strategi Peralihan Jumlah Klausa	94
4.5	Kesimpulan.....	103
BAB 5	:RUMUSAN.....	104
5.1	Pendahuluan	104
5.2	Rumusan	104
5.2.1	Rumusan Fitur Parataksis Teks Sumber.....	104
5.2.2	Rumusan Terjemahan Fitur Parataksis Teks Sumber	106
5.2.3	Rumusan Strategi Terjemahan Fitur Parataksis	110
5.3	Cadangan	114
	Penutup	116
	BIBLIOGRAFI.....	117
	LAMPIRAN A.....	123

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 Kriteria Penentuan Ayat Bahasa Arab (Fatima Alkohlani, 2015)	22
Rajah 2.2 Makna-Makna Insyā' Ṭalabīy Novel Kalilah Dan Dimnah	30
Rajah 2.3 Teknik Terjemahan Modulasi oleh Wahida, Ardina & Lubna (2019).....	33
Rajah 3.1 Hubungan dan Makna Taksis.....	36
Rajah 3.2 Tatatanda Konstituen Tatabahasa Halliday & Matthiessen (2014)	38
Rajah 3.3 Pembahagian Hubungan Logik-Semantik	40
Rajah 3.4 Pecahan Makna Perincian	43
Rajah 3.5 Pecahan Makna Peluasan	47
Rajah 3.6 Perincian Makna Penambahan	48
Rajah 3.7 Kategori Makna Variasi	49
Rajah 3.8 Peringkat Analisis Klausa Kompleks Berdasarkan Halliday (Sridevi, 2009).53	
Rajah 3.9 Kerangka Konseptual Kajian	59
Rajah 4.1 Proses Merumuskan Strategi Terjemahan	72
Rajah 4.2 Kaedah Terjemahan Menggunakan Ayat.....	84
Rajah 4.3 Jenis Peralihan Fitur Parataksis	86
Rajah 4.4 Strategi Pengekalan Fitur Parataksis.....	87
Rajah 4.5 Strategi Peralihan Jenis Taksis	89
Rajah 4.6 Strategi Peralihan Jumlah Klausa	94
Rajah 5.1 Makna Kata Hubung Waw Berdasarkan Quirk Et. Al (1985) dan Saeed & Fareh (2006) oleh Dickins (2017).....	105

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 Strategi Pendekatan Terjemahan Kata Hubung Waw (Dickins, 2017).....	27
Jadual 2.2 Sedutan Data Kajian Ardina, Lubna & Nurhasma (2018).....	31
Jadual 3.1 Kata Hubung Berdasarkan Taksis.....	52
Jadual 3.2 Langkah Pengekodan dan Analisis Data.....	57
Jadual 4.1 Kekerapan Klausa Pengembangan.....	63
Jadual 4.2 Jenis Terjemahan Kata Hubung Waw.....	84
Jadual 4.3 Kekerapan Jenis Terjemahan Kata Hubung Waw	85

Universiti Malaya

SENARAI SINGKATAN

TS	Teks Sumber
TT	Teks terjemahan
BA	Bahasa Arab
t.t	tanpa tarikh
SAW	<i>Ṣallahu alayh wasallam</i>
SWT	<i>Subḥānah wa Ta'āla</i>
LFS	Linguistik Fungsional Sistemik
KS	Klausa Sematan

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi huruf-huruf Arab ke huruf-huruf rumi ini berdasarkan pedoman yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2008):

a) Konsonan

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ء	<i>hamzah</i>	,	رأى <i>ra'ā</i>
ب	<i>ba'</i>	<i>b</i>	بيدبا <i>baydabā</i>
ت	<i>ta'</i>	<i>t</i>	تغلب <i>taghallab</i>
ث	<i>tha'</i>	<i>th</i>	تماثيل <i>tamāthīl</i>
ج	<i>jim'</i>	<i>j</i>	جامع <i>jāmi'</i>
ح	<i>ha'</i>	<i>ḥ</i>	تحت <i>taḥt</i>
خ	<i>kha'</i>	<i>kh</i>	خييل <i>khayl</i>
د	<i>dal</i>	<i>d</i>	الهند <i>al-hind</i>
ذ	<i>dhal</i>	<i>dh</i>	ذکر <i>dhakara</i>
ر	<i>ra'</i>	<i>r</i>	فور <i>fūr</i>
ز	<i>zay</i>	<i>z</i>	عزيمته <i>azīmatah</i>
س	<i>sin</i>	<i>s</i>	فرسان <i>fursān</i>
ش	<i>shin</i>	<i>sh</i>	شکی <i>shakā</i>
ص	<i>sad</i>	<i>ṣ</i>	استصغر <i>istaṣghar</i>
ض	<i>dad</i>	<i>ḍ</i>	ضيف <i>ḍayf</i>
ط	<i>ta'</i>	<i>ṭ</i>	طغی <i>taghā</i>

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ظ	<i>za'</i>	<i>z</i>	ظالم <i>zālim</i>
ع	<i>'ayn</i>	<i>'</i>	سمع <i>sami'a</i>
غ	<i>ghayn</i>	<i>gh</i>	بغى <i>baghā</i>
ف	<i>fa'</i>	<i>f</i>	فراخي <i>firākhī</i>
ق	<i>qaf</i>	<i>q</i>	قنبرة <i>qunburah</i>
ك	<i>kaf</i>	<i>k</i>	كفر <i>kaffara</i>
ل	<i>lam</i>	<i>l</i>	لباس <i>libās</i>
م	<i>mim</i>	<i>m</i>	البراهمة <i>al-barāhimah</i>
ن	<i>nun</i>	<i>n</i>	بين <i>bayna</i>
هـ	<i>ha'</i>	<i>h</i>	جهال <i>juhhāl</i>
و	<i>waw</i>	<i>w</i>	أول <i>awwal</i>
ي	<i>ya'</i>	<i>y</i>	يَدُّ <i>yadun</i>
ة	<i>ta' marbutah</i>	<i>ṭ</i>	مَعْرِفَةٌ <i>ma'rifaṭ</i>

b) Vokal

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
اَ	Vokal Pendek	<i>a</i>	عَزَمْتُ <i>azamtu</i>
اِ	“	<i>i</i>	مَنْزِلَةٌ <i>manzilah</i>
اُ	“	<i>u</i>	هُمْ <i>hum</i>
آ	Vokal Panjang	<i>ā</i>	السَّلَامَةُ <i>salāmah</i>
يِ	“	<i>ī</i>	تَشْرِيفٌ <i>tasyrīf</i>
يُ	“	<i>ū</i>	يَنْقَادُوا <i>yanqādū</i>

c) Diftong

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
أَيُّ	Diftong	<i>ay</i>	رَأَيْتُ <i>ra'aytu</i>
أَوْ	Diftong	<i>aw</i>	فَوْقَهُ <i>fawq</i>

e) Tashdid Ya'

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
يِّ	Tashdid ya'	<i>iy</i>	الْجُرْجَانِيَّ <i>Al-Jurjāniy</i>

BAB 1 :PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang menghubungkan manusia setiap hari. Bahasa boleh dimanifestasikan dalam bentuk ucapan dan tulisan. Disebabkan oleh perbezaan bahasa, komunikasi akan terhalang. Oleh itu, terjemahan wujud untuk memahami apa yang disampaikan oleh pengucap atau penulis kepada pendengar dan pembaca dalam medium bahasa yang berlainan.

Terjemahan sumber primer berbahasa Arab ke bahasa Melayu mempunyai sejarah yang panjang. Ia mempunyai kaitan dengan aktiviti penterjemahan al-Quran selepas tersebarnya Islam di Nusantara. Menurut kajian, al-Quran terawal yang lengkap diterjemahkan ke bahasa Melayu ialah terjemahan Abd Rauf Singkel pada tahun 1675 (Hussin & Kamal, 2021). Sumber rujukan utama umat Islam ini terus diterjemah sehingga kini dengan berbagai versi telah diterbitkan di serata Nusantara termasuk di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand. Adalah dianggarkan sejumlah 21 versi terjemahan al-Quran telah muncul di Nusantara sejak dahulu lagi (Hussin & Kamal, 2021) yang membuktikan bahawa aktiviti terjemahan sumber berbahasa Arab ke bahasa Melayu telah dipraktikkan sejak sekian lama. Aktiviti terjemahan teks Arab tidak terbatas kepada teks kudus al-Quran sahaja malah melibatkan pelbagai genre termasuk agama, sejarah dan karya prosa sastera (Azman Che Mat, 2016).

Namun, disebabkan oleh jurang budaya, struktur bahasa dan pandangan hidup yang berbeza telah menimbulkan pelbagai kesukaran dalam proses terjemahan antara dua bahasa ini. Situasi ini menuntut penterjemah memilih strategi tertentu dalam menterjemah sama ada mengekalkan imej asal bahasa sumber atau makna semantik (Hussin & Mansor, 2020). Struktur bahasa Arab yang sering mendahulukan kata kerja dalam berkomunikasi adalah bukan satu kebiasaan dalam bahasa Melayu. Dalam

penulisan seperti novel, buku cerita dan syair, klausa bahasa Arab selalunya lebih kompleks disebabkan penulis Arab kurang bergantung pada tanda baca (Fatimah Alkohlani, 2015).

Fenomena ini tidak hanya mendatangkan kesukaran dalam penterjemahan semata-mata, malah turut berlaku pada proses memahami teks itu sendiri. Oleh itu, kesukaran ini menarik perhatian banyak pihak termasuklah ahli bahasa Arab dan juga pengkaji yang bukan penutur jati bahasa Arab. Strategi yang dipraktikkan oleh penterjemah dalam usaha merapatkan jurang makna antara dua bahasa yang berlainan rumpun, budaya dan sistem bahasa ini merupakan sesuatu yang menarik untuk diteliti dan dikaji agar boleh menjadi panduan dan pedoman dalam memantapkan terjemahan teks antara dua bahasa ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Ayat dalam bahasa Arab tidak mempunyai bentuk yang sistematik dari sudut penggunaan tanda baca seperti noktah dan koma yang seringkali diletakkan berdasarkan pandangan peribadi atau idiosinkratik (Ditters 1991; Meiseles 1979; Stetkevych 2006). Sekalipun digunakan, penggunaan adalah berbeza antara setiap penulis dan tanda baca diletakkan secara sambalewa serta sekadarnya (Ghazala, 2004, hlm. 230). Baker (2001) menyatakan bahawa bahasa Inggeris lebih bergantung kepada sistem tanda baca yang terbina rapi untuk memisahkan ayat dan mengaitkan informasi. Perkara ini adalah sama seperti kaedah bahasa Melayu.

Sebaliknya bagi bahasa Arab, kewujudan tiga hingga empat ayat lengkap dalam satu ayat yang sama adalah satu perkara biasa. Ayat-ayat ini digabungkan melalui kata hubung *waw* yang mempunyai padanan terjemahan “dan” dalam bahasa Melayu.

Ringkasnya, tanda baca adalah janggal tetapi penggunaan kata hubung *waw* adalah diterima umum.

Walau bagaimanapun, sekiranya semua fungsi kata hubung *waw* dinilai sama dari aspek makna, masalah akan timbul pada sudut pemahaman teks. Secara zahir, kata hubung *waw* dilihat sekadar peranti penghubung klausa, tetapi sebenarnya mempunyai fungsi yang pelbagai (Williams, 1989).

Dari sudut teori Linguistik Fungsional Sistemik (LFS), Fareed & Hani (2016) menyenaraikan kata hubung *waw* di bawah penanda kata bagi klausa parataksis. Parataksis merupakan salah satu bahagian taksis yang diperkenalkan oleh Halliday & Matthiessen (2014) yang meneliti hubungan dan makna antara klausa. Oleh itu, pengkaji cuba untuk menganalisis makna-makna yang diwakili oleh kata hubung *waw* melalui teori taksis LFS berpandukan data yang diperolehi daripada teks bahasa Arab dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* serta teks terjemahannya dalam bahasa Melayu.

Dalam pembahagian makna pengembangan klausa oleh Halliday & Matthiessen (2014), setiap klausa boleh dimanifestasikan oleh tiga fitur makna yang berbeza iaitu perincian, peluasan dan peningkatan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Fareed dan Hani (2016) bahawa kata hubung *waw* mewakili hubungan parataksis antara klausa, persoalan mengenai makna yang terkandung pada kata hubung *waw* tersebut akan timbul iaitu adakah kata hubung *waw* hanya mewakili satu fitur makna atau boleh berfungsi dengan ketiga-tiga fitur makna?

Fitur bagi tiga makna yang diperkenalkan oleh Halliday dalam teori taksis LFS adalah diwakili oleh kata hubung yang berfungsi untuk menghimpunkan dua klausa dan ke atas dalam satu ayat. Klausa-klausa yang terdapat dalam ayat ini akan disebut sebagai klausa kompleks. Justeru itu, bagi kata hubung *waw* yang mempunyai

keraguan makna perlulah diidentifikasi menurut konteks ayat bagi menentukan fitur parataksis yang tepat.

Sarjana tatabahasa Arab seperti Ibn Mālik secara umumnya berpendapat bahawa kata hubung *waw* mempunyai makna fitur penggabungan antara elemen sama ada elemen ini ialah klausa, frasa, atau perkataan. Fitur penggabungan ini boleh disamakan dengan fitur makna peluasan dari sudut makna pengembangan klausa Halliday. Sekiranya makna kata hubung *waw* hanya terhad pada fitur makna penggabungan semata-mata, bagaimanakah dengan penggunaannya dalam penulisan kreatif seperti novel? Sebagaimana yang kita ketahui, penulisan novel akan mempunyai alur cerita yang menaik menurun untuk menggambarkan perkembangan watak dan juga latar belakang cerita dari satu babak ke satu babak. Namun, penggunaan kata hubung *waw* yang kerap kali berulang dalam novel bahasa Arab tidak memungkinkan ia mempunyai hanya satu makna. Hal ini kerana terdapat sarjana tatabahasa Arab lain seperti al-Farrā' (Ibn Qāsim, t.t.) yang menunjukkan kemungkinan fitur makna perturutan yang dibawa oleh kata hubung *waw* jika fitur makna penggabungan tidak dapat dikenali melalui konteks.

Oleh itu, kajian ini cuba untuk meneliti fitur makna-makna kata hubung *waw* yang digunakan untuk menghubungkan klausa-klausa yang terdapat novel *Kalilah Dan Dimnah* berpandukan makna pengembangan klausa oleh Halliday & Matthiessen (2014).

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji, objektif kajian ialah seperti berikut:

1. Mengenal pasti fitur parataksis dalam teks sumber.
2. Mengenal pasti terjemahan fitur parataksis dalam teks sumber.
3. Merumuskan strategi terjemahan fitur parataksis yang digunakan oleh penterjemah.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mewujudkan kajian yang lebih berpandu, pengkaji mengutarakan persoalan berikut dalam kajian ini:

1. Apakah fitur parataksis yang terdapat dalam teks sumber?
2. Apakah terjemahan fitur parataksis dalam teks sumber?
3. Bagaimanakah strategi terjemahan fitur parataksis yang digunakan oleh penterjemah?

1.5 Kepentingan Kajian

Pemfokusan kajian ini pada hubungan parataksis yang dizahirkan oleh kata hubung *waw* merupakan satu kajian yang penting memandangkan kadar penggunaan kata hubung *waw* yang meluas dalam penulisan bahasa Arab. Dapatan kajian ini akan membantu para pelajar meneroka lebih lanjut makna-makna kata hubung *waw* tanpa terikat pada makna penggabungan semata-mata.

Selain itu, pemilihan teks novel bahasa Arab sebagai data kajian merupakan satu usaha untuk memberi galakan kepada para pelajar agar lebih mendalami teks sastera

Arab yang kaya dengan kosa kata dan gaya bahasa. Teks sastra seperti novel adalah lebih ringan dan dekat dengan jiwa kerana menyentuh isu-isu sosiobudaya melalui emosi dan unsur realiti di samping dialog-dialog ringkas antara watak dalam sesebuah karya yang boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar bahasa Arab bagi mengasah keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Novel terjemahan *Kalilah Dan Dimnah* yang diterjemahkan oleh Sitti Hadijah mula mendapat tempat dalam kalangan pelajar bahasa Arab disebabkan oleh usaha murni beliau untuk memfokuskan terjemahan dengan meletakkan teks sumber dan teks terjemah sebelah-menyebelah pada dua halaman berbeza. Oleh itu, usaha ini sedikit sebanyak membantu pembaca untuk memahami teks dengan lebih terperinci. Kajian ini akan membantu untuk memperincikan lagi makna-makna teks dengan menonjolkan strategi penterjemah dalam menterjemahkan teks sumber.

Dalam bidang terjemahan pula, teori LFS digunakan untuk menilai terjemahan melalui pemilihan perkataan, struktur ayat dan gaya bahasa. Teori LFS merupakan satu teori yang melihat segenap aspek pada sesuatu teks. Oleh itu, penggunaan teori ini dalam meneliti perbandingan terjemahan antara teks sumber dan teks terjemahan dapat membantu para pelajar untuk melihat teks dengan lebih mendalam.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan dibataskan kepada teks sumber (TS) dan teks terjemahan (TT) yang terdapat di dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* terbitan Alasfiyaa Sendirian Berhad, cetakan pertama pada Mac 2017.

Buku ini telah dibahagikan kepada beberapa bab dan subcerita bawah bab tersebut. Kapanjangan setiap bab dan subcerita adalah berbeza. Oleh itu, bagi tujuan pengumpulan data dan analisis, penulis akan mengumpulkan 100 ayat pertama

daripada teks Arab novel *Kalilah Dan Dimnah* yang mengandungi kata hubung *waw* dan memiliki fitur parataksis. Tujuan persampelan ini dilakukan adalah untuk mengelakkan sifat data yang terlalu rawak.

Teori kebergantungan dan hubungan logik-semantik yang diperkenalkan oleh Halliday merupakan teori yang memfokuskan hubungan antara klausa dengan klausa. Gabungan klausa ini dikenali sebagai klausa kompleks. Justeru itu, mana-mana kata hubung *waw* yang berfungsi sebagai penghubung antara perkataan, data tersebut tidak akan diambil kira. Antara kata hubung *waw* yang menghubungkan gabungan klausa ialah *waw al-‘atf* dan *waw al-hāl*.

Jadual 1.1 Contoh Penggunaan Kata Hubung Waw

Bil	Teks Sumber	Jenis <i>Waw</i>	Terjemahan
1	واجتمع ملوك الأقاليم من الصين والهند	<i>waw al-‘atf</i>	...daripada China dan India .
2	قتلت فراخي وأنا في جوارك؟	<i>waw al-hāl</i>	...membunuh anak-anak eramanku sedang aku masih di kejiranan ini?
3	فتنققنَ فيها وتضججنَ	<i>waw al-‘atf</i>	Di situ kamu berdengkang dan tingkah-meningkahlah ramai-ramai.

Dalam Jadual 1.1 di atas, Contoh 1 adalah tidak diterima sebagai data kajian disebabkan oleh kata hubung *waw al-‘atf* yang terdapat dalam ayat hanya menggabungkan dua kata nama. Penggabungan dua perkataan ini tidak membentuk satu klausa kompleks.

Bagi Contoh 2, klausa tersebut dihubungkan oleh *waw al-hāl* yang menunjukkan makna sifat atau kelakuan yang berlaku serentak. Unsur yang hadir selepas *waw al-hāl* dalam contoh tersebut merupakan satu klausa lengkap yang gramatis. Kata hubung

waw al-hāl pada situasi ini menggabungkan dua klausa dan membentuk satu klausa kompleks. Oleh itu, Contoh 2 adalah diterima sebagai data kajian.

Manakala Contoh 3 pula, penggunaan *waw al-'atf* adalah bertujuan untuk menghubungkan dua perlakuan daripada kata kerja yang berbeza. Kedua-dua kata kerja ini boleh dipisahkan menjadi dua klausa yang tersendiri iaitu (i) kamu berdenggang dan (ii) kamu bertingkah-tingkah. Oleh itu, gabungan ini membina satu klausa kompleks yang layak diterima sebagai data kajian.

Teori ini juga turut membezakan antara ayat yang berbentuk projeksi dan pengembangan. Ayat projeksi ialah ayat yang berbentuk sama ada dialog, monolog, cakap ajuk, cakap pindah atau ayat yang didahului oleh kata kerja yang melibatkan pemikiran dan percakapan seperti “rasa”, “tahu”, “fikir”, “kata”, “beritahu” dan sebagainya. Ayat pengembangan pula secara mudahnya, berlawanan dengan takrif ringkas ayat projeksi iaitu tidak mempunyai kata kerja tadi sebagai pangkal ayat. Penulis akan mengambil kedua-dua jenis ayat tersebut tetapi hanya akan memfokuskan fitur parataksis dalam ayat sahaja untuk tidak menimbulkan kecelaruan kajian.

1.7 Sebab Pemilihan Novel

Novel *Kalilah Dan Dimnah* terjemahan Arab-Melayu telah dipilih oleh pengkaji sebagai data kajian kerana novel ini telah diterjemahkan oleh seorang penterjemah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang terjemahan. Sitti Hadijah telah berkecimpung dalam bidang ini selama lebih 12 tahun.

Selain itu, teks sumber dan teks terjemahan yang diletakkan sebelah-menyebelah akan memudahkan perbandingan teks dilakukan. Kaedah cetakan teks seperti ini

bertepatan dengan hasrat penterjemah yang ingin menjadikan terjemahan beliau sebagai sebuah model “kamus padanan kata dalam bentuk penceritaan”.

Di samping itu, novel ini juga penuh dengan naratif dan dialog-dialog yang bersesuaian dengan sifat teks yang lebih santai dan tidak terlalu formal. Oleh itu, gaya bahasa teks boleh diperhatikan dari spektrum yang lebih pelbagai.

Novel ini merupakan novel terjemahan Ibn al-Muqaffa‘ dan dianggap sebagai salah satu buku yang mendapat tempat yang tinggi dan terulung dalam bidang sastera Arab. Novel yang berasal daripada bahasa Sanskrit ini telah diterjemahkan kepada bahasa Fahlawi, satu bahasa Parsi Tengah dan kemudian dibaca oleh Ibn al-Muqaffa‘ dalam bahasa Parsi pada kurun kelapan Masihi. Kemudian beliau telah diarahkan agar menterjemahkan novel tersebut ke bahasa Arab dan apa yang menarik ini, penterjemahan kepada bahasa Arab ini merupakan penterjemahan pada lapisan ketiga dan menjadi sumber utama rujukan bagi diterjemahkan ke bahasa-bahasa asing yang lain seperti bahasa Inggeris, Turki, Itali dan Hebrew (Mohd Nizwan, 2014).

Terjemahan Ibn al-Muqaffa‘ ke bahasa Arab mendapat pengiktirafan ramai kerana bahasanya yang halus dan tidak kedengaran aneh meskipun beliau merupakan kelahiran Parsi. Selain itu, terjemahan beliau turut dibaluti dengan keindahan agama Islam kerana beliau turut menyentuh perihal qada qadar, keagamaan dan keduniaan serta hidup di dunia dan di akhirat (Mohd Nizwan, 2014)

1.8 Rangka Kajian

Penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab. Dalam bab satu, penulis menjelaskan secara ringkas pengenalan novel dan gaya bahasa teks serta masalah penterjemahan pada terjemahan fitur parataksis. Dalam pernyataan masalah pula, penulis menyenaraikan permasalahan yang menjadi topik utama kajian dan dikuatkan

lagi dengan pernyataan objektif dan soalan kajian. Seterusnya, penulis mengemukakan sebab-sebab pemilihan novel sebagai data kajian dan sempadan yang akan membataskan pemilihan data daripada novel. Satu senarai definisi operasional turut dimuatkan pada bab ini bagi memudahkan pembaca untuk memahami istilah-istilah penting yang kerap digunakan dalam kajian ini.

Dalam bab dua, penulis menerangkan kajian-kajian yang dijalankan menggunakan teori Linguistik Fungsional Sistemik. Kajian yang dijadikan landasan kepada penulis diambil daripada kajian yang memfokuskan pada aplikasi teori pada sudut terjemahan dan juga kajian klausa kompleks. Penulis juga menerangkan beberapa pandangan sarjana tatabahasa Arab masa silam dan sarjana fonetik Arab moden mengenai takrif klausa kompleks bahasa Arab dan kata hubung *waw*. Pada bab ini juga penulis memperincikan kajian lepas yang telah menggunakan novel *Kalilah Dan Dimnah* sebagai data kajian, terutamanya dalam bidang terjemahan.

Seterusnya dalam bab tiga, penulis menjelaskan metodologi yang digunakan dan bagaimana metodologi ini diaplikasikan dalam kajian. Reka bentuk kajian, pemilihan data, konsep kajian dan kaedah analisis data dijelaskan secara mendalam pada bab ini.

Pada bab empat, data-data yang telah diekstrak daripada novel dianalisis secara manual dan terperinci berdasarkan teori LFS dengan menentukan makna setiap satu klausa berpandukan teori makna pengembangan klausa. Setelah penentuan ini dilakukan, perbandingan antara TS dan TT dijalankan bagi mendapatkan kaedah terjemahan kata hubung *waw* yang membentuk fitur parataksis. Akhir sekali, kaedah terjemahan yang diperoleh tadi akan dinilai untuk merumuskan strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan fitur parataksis.

Akhir sekali, dalam bab lima, penulis merumuskan semua dapatan yang diperoleh daripada kajian ini, dan mengemukakan pendapat penulis berserta cadangan untuk kajian akan datang.

1.9 Definisi Operasional

Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, penulis telah menggunakan definisi operasional seperti berikut:

- a) **Taksis:** ialah hubungan kebergantungan yang terhasil daripada gabungan klausa-klausa. Gabungan ini akan membentuk klausa kompleks dan biasanya dihubungkan oleh kata hubung tertentu. Kata hubung ini akan menjadi penentu kepada hubung yang lebih terperinci, iaitu parataksis atau hipotaksis. Selain daripada kata hubung, taksis juga terhasil dengan penggunaan kata kerja verbal (melibatkan ucapan) dan mental (melibatkan fikiran). Penggunaan kata hubung akan melahirkan makna pengembangan manakala penggunaan kata kerja verbal atau mental akan membentuk makna projeksi.
- b) **Parataksis:** merujuk kepada hubungan kebergantungan antara klausa yang mempunyai status setara. Kesetaraan ini menunjukkan bahawa klausa-klausa tersebut tidak terikat pada mana-mana klausa dan ditandai oleh nombor (1, 2, 3...) mengikut turutan klausa.
- c) **Parataksis perincian:** ialah klausa yang memperincikan makna klausa [1] bertujuan untuk memberi penerangan, penegasan dan penjelasan. Klausa perincian tidak akan memberi satu informasi baharu tetapi lebih berfungsi untuk menerangkan makna dengan ujaran klausa yang berbeza.
- d) **Parataksis peluasan:** merujuk kepada klausa yang menambah makna klausa [1] dan penambahan makna ini dianggap sebagai peluasan. Kata hubung yang sering

dikaitkan dengan makna peluasan ialah kata hubung “dan”. Kata hubung “tetapi” turut dikategorikan bawah parataksis peluasan walaupun kata hubung ini memberi makna pertentangan. Penggunaan makna peluasan pada hubung klausa kompleks akan menambah lagi informasi baharu kepada ayat.

- e) **Parataksis peningkatan:** ialah klausa yang meningkatkan lagi makna klausa melalui aspek masa, sebab-akibat, sifat dan keadaan. Penggunaan makna peningkatan adalah sangat penting dalam teks naratif kerana dapat menunjukkan pergerakan cerita dari satu babak ke satu babak. Selain itu, makna peningkatan turut memainkan peranan dalam membentangkan hujah dan perkara ini dapat dilihat pada aspek sebab-akibat.
- f) **Hipotaksis:** merujuk kepada hubungan klausa yang tidak bebas kerana terikat kepada sesuatu klausa dalam pembentukan klausa kompleks. Klausa utama ditandai oleh huruf Greek α (alfa) dan klausa terikat kepada klausa tersebut ditandai oleh huruf Greek β (beta). Walaupun klausa β diletakkan di hadapan ayat, sifat klausa tersebut tidak berubah dan masih terikat kepada klausa utama α . Hipotaksis turut mempunyai makna perincian, peluasan dan peningkatan seperti parataksis.
- g) **Fitur parataksis:** merupakan ciri-ciri parataksis yang digunakan oleh penterjemah dalam proses penterjemahan novel *Kalilah* dan *Dimnah*. Ciri-ciri ini boleh diperhatikan melalui strategi yang digunakan dalam terjemahan. Pengkaji meneliti fitur parataksis kedua-dua bahasa Arab dan Melayu dari sudut makna pengembangan taksis iaitu perincian, peluasan dan peningkatan. Perbincangan mengenai fitur ini dimanifestasikan pada analisis penggunaan kata hubung yang sepadan dan sesuai mengikut konteks ayat.

1.10 Kesimpulan

Kata hubung *waw* merupakan satu perkara yang tidak asing bagi pelajar bahasa Arab dan turut mempunyai pelbagai fungsi dan makna. Dalam bab ini, pengenalan asas telah diterangkan mencakupi permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian. Penerangan ini kemudian diikuti oleh batasan kajian dan sebab pemilihan novel sebagai data kajian. Pengkaji berharap objektif kajian dapat tercapai dan seterusnya memberi sumbangan kepada bidang linguistik dan terjemahan dengan memberi dapatan baharu.

Universiti Malaya

BAB 2 :SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan sorotan literatur yang melibatkan teori Linguistik Fungsional Sistemik, kata hubung *waw* dan strategi terjemahan Arab-Melayu.

2.2 Linguistik Fungsional Sistemik

LFS merupakan satu teori yang berasaskan bahasa sebagai sumber dalam membentuk makna. Teori ini adalah berpaksikan aspek sosio-semantik, bersifat tersusun (*systemic*), dan menilai fungsi dan konteks bahasa.

Unsur sistemik yang dimaksudkan pada teori ini ialah bahasa dilihat sebagai satu sistem yang mempunyai jaringan makna yang sepadu. Jaringan ini terdiri daripada pilihan-pilihan bersistem tidak terbatas untuk membentuk makna yang dipilih oleh penutur atau penulis.

Manakala fungsional merujuk kepada tabiat asal bahasa yang berkait rapat dengan keperluan yang diciptakan oleh manusia. Keperluan ini dapat diperincikan sebagai fungsi penggunaan bahasa untuk menyusun atur individu lain dan memandu perlakuan mereka (Halliday, 2002). Justeru itu, dapat kita perhatikan bahawa teori LFS adalah sangat berkait rapat dengan kehidupan sosial dan keperluan peribadi yang dapat dipenuhi melalui penggunaan bahasa. Halliday (2002) sendiri menyatakan bahawa bahasa itu terdiri daripada fungsi dan keupayaan makna dan bahasa akan sentiasa berada dalam lingkungan konteks sosial keadaan. Dalam kata lain, setiap perlakuan makna sama ada teks, ucapan atau tulisan pasti mempunyai konteks yang mengandungi makna tertentu.

Teori LFS yang diperkenalkan oleh Halliday ini telah dibukukan dalam sebuah buku yang dinamakan sebagai *Introduction to Functional Grammar* dengan terbitan pertama pada tahun 1985. Teori ini telah ditambah baik lagi seiring dengan penerbitan baharu pada tahun 1994, 2004, dan 2014, masing-masing mewakili edisi kedua, ketiga dan yang terkini, edisi keempat.

Gagasan ini dibentuk dengan menjadikan klausa sebagai paksi analisis ayat (Asmah Haji Omar, 2015). Hasil daripada paksi ini, hubungan antara klausa turut diteliti oleh Halliday dan juga sarjana-sarjana linguistik yang mengikuti jejak langkah beliau. Daripada pembentukan hubungan-hubungan tersebut, fitur-fitur yang mendukung makna dalaman klausa turut terbentuk. Fitur makna ini memberi gambaran kepada kita bagaimana manusia memilih perkataan-perkataan bagi membina satu ayat yang bersambung dari sudut idea dan maklumat. Dapat kita perhatikan bahawa teori LFS ini menilai dari segenap sudut dan tidak terhad kepada struktur semata-mata, bahkan dari sudut penutur dan pendengar, pemilihan kata dan juga susun atur perkataan.

2.3 Linguistik Fungsional Sistemik dan Terjemahan

Bertitik tolak dari perkembangan teori LFS dari bahasa Inggeris kepada bahasa-bahasa lain, ramai pengkaji menggunakan teori LFS dalam meneliti pelbagai aspek antara dua bahasa, antaranya ialah bidang terjemahan. Kajian terjemahan melalui teori ini tidak terhad kepada ketepatan terjemahan semata-mata tetapi elemen-elemen seperti teknik terjemahan, pemilihan perkataan, dan penyusunan klausa.

Marina Manfredi (2008) telah mengumpulkan pendapat ahli akademik yang membuktikan kesesuaian penggunaan teori LFS dalam menangani isu terjemahan. Salah satunya ialah Taylor Torsello (1996) yang menyatakan bahawa LFS berfokus

pada teks dan konteks serta penggunaan sebenar dan tepat pada sudut bahasa, bukannya sekadar teori yang hanya membincangkan sudut perspektif tatabahasa semata-mata.

Berbeza dengan kaedah analisis kesalahan terjemahan yang menggunakan kaedah tradisional, kajian analisis terjemahan yang menggunakan teori LFS memberikan analisis yang lebih sistematik dan deskriptif mengenai masalah terjemahan. Pemerhatian ini dapat membantu untuk melihat struktur teks yang sejadi dan alami agar boleh membezakan teks yang kedengaran kaku dan pelik (Kim, 2007).

Oleh itu, Tawfeek (2011) telah menjalankan kajian untuk meneliti kesalahan terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah amatir melibatkan teks Arab-Inggeris daripada novel, brosur, editorial dan tiga abstrak kajian. Tawfeek (2011) telah melihat analisis ketepatan terjemahan dari setiap sudut teori LFS meliputi perkara di bawah dan di atas konstituen klausa.

Bagi terjemahan yang melibatkan klausa kompleks, hubungan kebergantungan dan makna logik-semantik, Tawfeek (2011) mendapati unsur parataksis telah digugurkan dalam teks terjemahan dan kata hubung jarang digunakan. Pengguguran ini telah menyebabkan makna teks asal tidak tercapai. Di samping itu, kuantiti kata hubung waw yang terlalu banyak dalam teks bahasa Arab juga menimbulkan permasalahan kepada penterjemah memandangkan bahasa Arab dan bahasa Inggeris menggunakan kata hubung dengan cara yang berbeza. Klausa dan ayat panjang yang dihubungkan oleh kata hubung ini telah diterjemahkan secara literal oleh penterjemah lalu mengakibatkan teks terjemahan kelihatan janggal bagi pembaca sasaran. Tawfeek bagaimanapun meletakkan terjemahan cadangan yang lebih baik pada setiap komentar kesalahan terjemahan dengan mengekalkan makna asal teks sumber.

Dalam sebuah kajian yang meneliti parataksis dan hipotaksis pada terjemahan teks Arab-Inggeris, Ghusoon Subhi Khalil (2011) telah melihat kecenderungan kedua-dua bahasa dalam menyampaikan maklumat melibatkan klausa kompleks dan peranti penghubung yang berfungsi untuk memberi makna tertentu. Kajian ini seterusnya dinilai melalui kaca mata perbandingan terjemahan Arab-Inggeris dan didapati bahawa perubahan pada hubungan taksis perlu dilakukan agar makna lebih sejadi dan tidak kedengaran kekok. Ghusoon (2011) turut menyentuh mengenai penggunaan kata hubung *waw* yang terlalu kerap dalam bahasa Arab sehingga menyebabkan kesukaran untuk diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Proses terjemahan ini memerlukan kreativiti dan kemahiran penterjemah dalam memilih perkataan yang diterima oleh pembaca sasaran.

Kajian lain yang melibatkan teori LFS dalam terjemahan Arab-Inggeris turut dijalankan oleh Fahd Mohammed (2017). Data kajian tersebut diambil daripada tajuk utama akhbar al-Jazeera versi bahasa Arab dan Inggeris dan perbandingan terjemahan dilakukan untuk melihat bagaimana perspektif penulis dalam mengekspresikan pendirian dalam melaporkan berita. Berdasarkan tajuk utama versi Arab, Fahd telah menggunakan kaedah terjemahan semula (*back translation*) untuk membandingkan tajuk utama Arab dan Inggeris dari sudut dimensi pragmatik. Hasil kajian mendapati ideologi yang terzahir daripada tajuk utama dipaparkan melalui pelbagai teknik seperti penambahan, pengguguran, pemilihan perkataan tertentu dan pengolahan. Kajian dirumuskan bahawa tajuk utama akhbar al-Jazeera versi bahasa Arab adalah lebih berinformasi dan deskriptif berbanding bahasa Inggeris.

2.4 Kajian LFS Bahasa Melayu

Bagi meluaskan lagi ruang lingkup sorotan literatur, penulis akan turut mengambil kira kajian LFS yang dijalankan dalam bahasa Indonesia kerana mempunyai kesamaan dengan bahasa Melayu dan merupakan bahasa serumpun.

Kajian mengenai klausa kompleks bahasa Melayu telah dijalankan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2006) dengan mengambil data daripada novel “Sungai Mengalir Lesu” karangan A. Samad Said. Kajian tersebut memfokuskan perbincangan pilihan gaya bahasa penulis dalam menggunakan ayat berbentuk hipotaksis dan parataksis. Fadzeli (2006) merumuskan bahawa parataksis, terutamanya jenis peluasan, lebih kerap digunakan berbanding hipotaksis dan penggunaan parataksis adalah lebih kompleks iaitu klausa kompleks yang dibentuk mengandungi tiga ke empat klausa dalam satu ayat. Selain itu, Fadzeli (2006) juga telah meringkaskan kategori makna pengembangan oleh Halliday iaitu daripada tiga makna hubungan (perincian, peluasan, peningkatan) kepada dua dengan menggabungkan makna peningkatan ke dalam makna peluasan. Fadzeli (2006) berpendapat bahawa bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri khas yang tersendiri sehingga tidak memungkinkan untuk mengaplikasikan teori Halliday seratus peratus tanpa pengubahan. Fadzeli (2006) menguatkan lagi pendapatnya dengan pernyataan Halliday “...adalah berbahaya mengandaikan pelbagai kategori bahasa yang digunakan di dalam buku ini sesuai untuk mendeskripsi sebarang bahasa.”

Dari sudut makna projeksi, kajian klausa kompleks telah dikaji oleh Adika, Djatmika & Santosa (2018) dengan menjadikan 13 cerita rakyat Nusantara di Indonesia sebagai data. Hasil kajian menunjukkan bahawa klausa verbal lebih kerap digunakan berbanding klausa mental dan klausa verbal ini ditulis menggunakan kaedah petikan (*quoting*). Kajian Adika, Djatmika & Riyadi (2018) turut melihat pada sudut hubungan kebergantungan klausa iaitu parataksis dan hipotaksis. Menurut

mereka, untuk menyampaikan makna projeksi, penulis cerita rakyat cenderung untuk menggunakan klausa parataksis dan kesemua makna projeksi tersebut didatangkan dalam bentuk pernyataan dan persoalan serta arahan dan tawaran. Penemuan kajian mereka telah menyimpulkan bahawa kekerapan penggunaan klausa parataksis lokusi verbal adalah disebabkan oleh ciri-ciri teks yang bersifat naratif. Maka, kewujudan dialog dan cerita lebih membangkitkan suasana latar belakang cerita-cerita tersebut jika dibandingkan dengan klausa hipotaksis yang lebih mengacu ke arah pernyataan hujah dan alasan.

2.5 Klausa Kompleks

Subtopik ini akan menyentuh kajian-kajian lepas yang telah dijalankan melibatkan klausa kompleks yang dikaji daripada pelbagai aspek, terutamanya aspek terjemahan.

Klausa merupakan konstituen kepada ayat dan konstitut bagi frasa. Pernyataan ini bermaksud kedudukan klausa adalah di bawah ayat dan klausa akan memiliki frasa di bawahnya. Dari pengertian nahu Transformasi Generatif (TG), klausa tidak mempunyai tempat kerana pemfokusan nahu TG adalah kepada ayat semata-mata. Sesuai dengan gelaran “nahu minimalis”, tatatingkat unit nahu yang terdapat dalam nahu TG hanya ayat dan frasa. Oleh itu, definisi klausa kompleks adalah tidak wujud dalam nahu TG.

Berbeza dengan LFS, klausa merupakan asas analisis sintaksis dan dianggap sebagai sistem yang penting (Asmah Haji Omar, 2015). Disebabkan itu, Halliday memfokuskan makna-makna yang didukung oleh klausa dari tiga aspek dalam buku beliau iaitu klausa sebagai mesej (*clause as a message*), klausa sebagai pengucapan dua hala (*clause as an exchange*) dan klausa sebagai representasi (*clause as a*

representation). Ketiga-tiga aspek ini menilai klausa dari sudut fungsi dalam percakapan dan penulisan.

Selain daripada menilai fungsi, Halliday turut melihat klausa dari aspek struktur melalui tiga sudut yang berbeza iaitu bawah, atas dan sekeliling klausa. Apa yang dimaksudkan dengan sudut bawah ialah klausa dinilai pada sudut tatatingkat frasa kerana frasa berada di bawah klausa. Klausa kompleks pula dilihat pada sudut atas klausa kerana klausa kompleks membincangkan pengembangan yang berlaku pada klausa. Manakala dari sudut sekeliling klausa, aspek tautan antara klausa diperhatikan untuk melihat kesinambungan makna antara sebelum dan selepas klausa. Oleh itu, definisi klausa kompleks perlu diperhalus melalui kaca mata LFS kerana nahu TG tidak menitikberatkan elemen klausa kompleks.

2.5.1 Klausa Kompleks dan Linguistik Fungsional Sistemik

Setyaji, Tarjana, Nababan & Tri Wiratno (2019) telah melihat aspek klausa kompleks dalam teks sumber menimbulkan masalah dalam proses penterjemahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Indonesia. Novel "*The Old Man and The Sea*" yang dikarang oleh Ernest Hemingway cenderung menggunakan klausa kompleks yang meleret sehingga menyukarkan penterjemahan dilakukan.

Kajian Setyaji et. al (2019) cuba untuk meneliti bagaimana terjemahan hubungan kebergantungan dan makna logik-semantik dalam teks sumber dapat dialihkan ke teks terjemahan dengan baik. Setyaji et. al (2019) mendapati penterjemah menggunakan kaedah cerakinan ayat untuk memendekkan gabungan klausa kompleks Inggeris yang terlalu panjang. Selain itu, kajian tersebut juga mengkaji strategi terjemahan penanda taksis (*taxis markers*) yang dilakukan oleh penterjemah. Terdapat lapan strategi terjemahan disenaraikan pada dapatan kajian iaitu padanan mantap (*establish*

equivalent), lencongan (*discursive*), eksplisit, implisit, modulasi, transposisi, pengguguran, dan literal.

Pada aspek terjemahan hubungan taksis, Li & Yu (2021) meneliti pemilihan taksis dalam penterjemahan artikel Cina-Inggeris. Dua persoalan yang dikemukakan ialah bagaimana penterjemah Cina menterjemahkan klausa parataksis dan hipotaksis ke bahasa Inggeris. Kajian mendapati peralihan terjemahan taksis dilakukan pada jenis dan jumlah hubungan taksis. Terjemahan telah dialih daripada parataksis ke hipotaksis, manakala jumlah klausa pula dikurangkan atau ditambah. Li & Yu (2021) memperincikan proses peralihan jumlah klausa dengan menyatakan empat strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Bagi pengurangan klausa, strategi yang digunakan ialah penurunan tingkat (*downgrade*) dan pencerakinan (*segmenting*). Manakala penambahan klausa pula melibatkan proses penaikan tingkat (*upgrade*) dan penggabungan (*combining*). Tingkat di sini merujuk kepada tingkat unsur bahasa iaitu klausa dan frasa.


Li & Yu (2021) menerangkan bahawa faktor yang mendorong peralihan terjemahan dilakukan, terutamanya perubahan pada jumlah klausa adalah berpunca daripada kecelaruan tatabahasa (*grammatical intricacy*) dan perbezaan struktur bahasa sehingga membentuk klausa bahasa Cina yang terlalu kompleks.

2.5.2 Klausa Kompleks Bahasa Arab

Polemik mengenai penentuan sempadan ayat dalam bahasa Arab sering dibahaskan oleh sarjana tradisional dan moden. Konsep ayat yang paling dekat dapat dibincangkan melalui kaca mata sarjana tradisional ialah istilah *jumlah* (ayat) dan *kalām* (pertuturan). Ibn Hishām (1964) merujuk istilah *jumlah* kepada klausa-klausa terikat yang tidak mampu memberikan informasi lengkap seperti ayat syarat dan ayat

pancangan. *Kalām* bagaimanapun ditakrifkan sebagai klausa bebas, bermaklumat dan boleh berdiri sendiri (Ibn Jinnī, 1983). Kedua-dua istilah ini masih diguna pakai dalam perbahasan moden bahasa Arab.

Sarjana moden bahasa Arab mendapati bahawa penentuan unsur-unsur yang mencakupi satu ayat lengkap dalam tulisan adalah agak sukar dalam linguistik Arab moden. Kesukaran ini berpunca daripada penggunaan tanda baca yang tidak sekata dalam kalangan penutur jati Arab (Fatima, 2015). El-Shiyab (1990) juga menyatakan hal yang di sama dan faktor yang menimbulkan permasalahan ini ialah sifat ayat bahasa Arab yang terlalu panjang dan mengandungi konstitusi klausa adverba yang pelbagai. Justeru itu, Fatima (2015) mencadangkan dua kriteria utama untuk menentukan sempadan ayat dan klausa bahasa Arab iaitu sudut sintaksis dan semantik.



Rajah 2.1 Kriteria Penentuan Ayat Bahasa Arab (Fatima Alkohlani, 2015)

Kriteria ini dicetuskan daripada teori Halliday mengenai hubungan kebergantungan (*interdependency*). Berdasarkan jadual di atas, ayat yang dinilai dari sudut sintaksis akan memiliki hubungan kebergantungan antara klausa. Klausa-klausa ini dibentuk melalui struktur tatabahasa yang menggabungkan klausa dan pengecaman struktur tatabahasa ini akan memudahkan penentuan sempadan unit ayat. Selain itu, Fatima (2015) turut membahagikan ayat bahasa Arab kepada tiga jenis (i) ayat mudah, (ii) ayat majmuk dan (iii) ayat kompleks.

Ayat mudah merupakan ayat gramatis yang paling ringkas dalam pembentukan ayat. Subjek dan predikat dalam ayat mudah boleh terdiri daripada kata nama dan kata

kerja. Sekiranya kata nama berada pada pangkal ayat dan diikuti oleh sama ada kata nama, kata kerja atau kata sendi, ayat ini dinamakan sebagai ayat nominal/*jumlat ismiyyat* (جملة اسمية). Berbeza pula sekiranya ayat dimulai oleh kata kerja, ayat tersebut dikenali sebagai ayat verbal (جملة فعلية). Kedua-dua jenis ayat ini boleh dikembangkan lagi dengan menambah elemen tambahan yang dikenali sebagai *fudlat* (فضلة) yang berfungsi sebagai kata penerang kepada subjek atau perlakuan subjek (Ryding, 2005).

Bagi ayat majmuk, Fatima (2015) menerangkan bahawa satu ayat boleh mempunyai dua predikat atau lebih dan gabungan antara predikat ini tidak semestinya dihubungkan oleh kata hubung.

Manakala ayat kompleks menurut Fatima (2015) ialah ayat yang mempunyai klausa utama dan diikuti oleh satu klausa terikat atau lebih. Klausa terikat tidak akan mampu untuk berfungsi tanpa kewujudan klausa utama. Klausa terikat juga dikategorikan kepada empat bahagian: (i) nominal, (ii) relatif, (iii) adverba dan (iv) syarat.

Kriteria semantik pula menggariskan sempadan unit ayat melalui penggunaan kata kerja kerana Chafé (1979) menerangkan bahawa kata kerja akan menarik perhatian pendengar atau pembaca pada satu-satu masa. Pendapat ini adalah selari dengan pendapat sarjana tradisional Arab yang menentukan nilai ayat melalui sifat informatif iaitu *ifadat* yang terdapat dalam sesebuah ayat. Di samping itu, tujuan utama berkomunikasi adalah untuk mencapai kesefahaman antara penutur dengan pendengar. Kefahaman pendengar ditentukan oleh kata kerja yang terkandung dalam ayat kerana kata kerja tersebut boleh berfungsi sebagai ayat perincian, perbandingan, pernyataan alasan dan penerangan.

Secara kesimpulan, perlu difahami bahawa struktur ayat kompleks yang dibincangkan oleh Fatima (2015) adalah berbeza dengan fitur ayat kompleks yang dikaji dalam kajian ini. Fatima (2015) telah mengasingkan ayat kompleks kepada dua kategori berlainan yang bergantung kepada hubungan kebergantungan antara klausa iaitu terikat dan tidak terikat. Hanya ayat terikat dikategorikan sebagai ayat kompleks. Pengkaji memilih untuk tidak mengikut pengkategorian ini kerana Halliday telah menggabungkan kedua-dua kategori tersebut bawah kategori ayat kompleks.

2.6 Kata Hubung *Waw*

Menurut pandangan ahli bahasa, kata hubung *waw* merupakan kata hubung asas dalam bahasa Arab dan digelar sebagai kata hubung induk. Penggunaan kata hubung *waw* yang kerap antara sebab utama yang mencetuskan perbincangan dalam kalangan sarjana.

Majoriti sarjana tatabahasa Arab seperti Quṭrub, al-Farrā', Tha'lab, Ibn Mālik, Abū 'Umar al-Zāhid berpendapat fungsi kata hubung *waw* adalah untuk menggabungkan elemen yang mengikuti elemen pertama. Namun al-Farrā' (Ibn Qāsim, t.t.) menyatakan sekiranya fungsi penggabungan tersebut tiada, ia boleh berubah kepada makna perturutan. Ibn Mālik (Ibn Hisyām, t.t.) menerangkan makna penggabungan melalui kata hubung *waw* adalah yang tepat, tetapi makna perturutan juga perkara biasa. Daripada khilaf fahaman sarjana ini, Tariq Quraisy (2018) menolak kenyataan bahawa majoriti ahli sarjana mendefinisikan kata hubung *waw* dengan makna penggabungan.

Masalah perbezaan fahaman ini timbul ketara dalam memahami hukum-hukum yang terdapat di dalam al-Quran.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ
وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ۚ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadad kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali .. al-Mā'idah: 6*

Ayat di atas adalah berkenaan perintah mengambil wuduk difahami oleh ulama mazhab Syafie dan Hambali dengan makna perturutan lalu mereka mewajibkan tertib ketika mengambil wuduk bermula dari wajah, tangan, kepala dan kaki. Berlainan dengan ulama mazhab Hanafi, mereka berpegang bahawa perturutan tersebut hanya dihukum sunat disebabkan pemahaman kata hubung *waw* yang berfungsi untuk menggabungkan perlakuan membasuh wajah, tangan, kepala dan kaki tanpa turutan.

Tariq Quraisy (2018) telah menyenaraikan tiga lagi makna sampingan kata hubung *waw* selain daripada makna penggabungan dan perturutan iaitu (i) pilihan (atau), (ii) sebab-akibat (kerana/lalu) dan (iii) keadaan. Apa yang menarik ialah kesemua makna yang disenaraikan ini mempunyai persamaan dengan teori taksis yang diperkenalkan oleh Halliday. Kesimpulan kajian Tariq (2018) menyatakan bahawa makna asal kata hubung *waw* ialah penggabungan tetapi konteks ayat boleh mengubah makna kata hubung *waw*.

2.7 Terjemahan Kata Hubung *Waw*

Disebabkan oleh kata hubung *waw* mengandungi pelbagai makna yang sering bertindan, kajian mengenai terjemahan kata hubung ini mendapat banyak perhatian pengkaji. Khairul Amin (2011) telah mengkaji fungsi kata hubung *waw* pada terjemahan surah al-Mulk. Permasalahan yang dikemukakan pada kajian beliau bertitik-tolak daripada terjemahan kata hubung *waw* yang seringkali diterjemahkan

kepada padanan “dan” semata-mata. Kesalahan pada terjemahan ini akan memberi kesan kepada kesinambungan teks. Dengan mengaplikasikan teori wacana Halliday dan Hasan (1976), beliau menumpukan kajian kepada terjemahan tiga jenis *waw*, iaitu *waw al-‘atf*, *waw al-ḥāl* dan *waw al-isti’nāf*. Bagi mencari padanan terjemahan *waw* yang secocok, beliau menggunakan empat maksud penanda wacana Halliday dan Hasan (1976) iaitu tambahan, pertentangan, masa-ketika dan sebab musabab. Hasil mendapati *waw al-‘atf* mempunyai makna tambahan dan pertentangan, manakala *waw al-ḥāl* pula memberi makna masa-ketika dan pertentangan. Bagi *waw al-isti’nāf*, tiada terjemahan sepadan yang dapat mewakili penanda wacana tersebut.

Mohd Khairuddin (2011) telah memfokuskan kajian beliau pada sudut retorik terjemahan kata hubung *waw* di dalam al-Quran. Data teks terjemahan telah diperoleh melalui dua versi terjemahan al-Quran yang terkemuka di Malaysia iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman karangan Abdullah Basmeih dan Tafsir Quran Karim oleh Mahmud Yunus. Perbandingan terjemahan ini mendapati bahawa aspek retorik pada kata hubung *waw* tidak begitu ditekankan sehingga mengakibatkan makna terjemahan yang kurang tepat.

Dalam satu kajian yang meneliti penggunaan persetaraan (*coordination*) dalam bahasa Arab, Dickins (2017) merumuskan bahawa bahasa Arab lebih kerap menggunakan persetaraan jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Kekekapan ini dapat diperhatikan lebih jelas pada bahasa Arab klasik. Menurut Dickins (2017), penulisan Bahasa Arab Moden Standard (Modern Standard Arabic) telah banyak dipengaruhi unsur bahasa Inggeris namun ramai penulis dan editorial masih lagi mengekalkan penggunaan kata hubung *waw* dan *fā’* dan faktor utama yang dikemukakan adalah disebabkan oleh perbezaan laras bahasa.

Kajian Dickins (2017) melakukan perbandingan pada penggunaan persetaraan dalam bahasa Arab dan Inggeris melalui kaedah terjemahan. Antara gaya bahasa utama yang sering digunakan oleh penulis teks Arab ialah menggunakan beberapa perkataan atau frasa yang mempunyai sama makna dan menghubungkannya melalui kata hubung *waw*. Oleh itu, bagi menangani penggunaan kata hubung yang berlebihan, Dickins (2017) menyenaraikan beberapa pendekatan yang boleh dilakukan untuk iaitu:

Jadual 2.1 Strategi Pendekatan Terjemahan Kata Hubung Waw (Dickins, 2017)

Strategi Terjemahan	Teks Sumber	Teks Terjemahan
Gabung Kata	تدابير صارمة وقاسية Literal: <i>stern and severe measures</i>	<i>severe measures</i>
Transposisi Tatabahasa	تحلل القيم والأخلاق Literal: <i>the collapse of values and moral</i>	<i>the collapse of all moral values</i>
Perbezaan Semantik	وكان منظرها يدهشه ويذهله Literal: <i>her appearance astonished and baffled him</i>	<i>Her appearance had both astonished and alarmed him.</i>
Pengekalan	من حرك علينا الثقة الكاملة والطمأنينة الشاملة ¹ وعلى هذا بايعنا وعاهدنا ² Literal: <i>Of your right against us is obedience, complete trust and total confidence, and on this we pledged and committed.</i>	<i>You have the right to our unquestioning obedience, <u>complete trust, and total confidence.</u>¹ This is <u>the oath which we have taken and the pledge which we have made.</u>²</i>

Pada strategi gabung kata, salah satu perkataan telah digugurkan kerana keduanya mempunyai makna yang seerti. Kaedah ini digunakan kerana tiada perbezaan yang ketara yang kedua-dua perkataan tersebut dan strategi ini adalah lebih kurang sama dengan strategi transposisi tatabahasa. Apa yang berbeza ialah strategi

transposisi tatabahasa menukarkan struktur Kata Nama + Kata Nama kepada Kata Adjektif (semua/*all*) + Kata Nama (nilai moral/*moral values*).

Bagi strategi perbezaan semantik, penterjemah telah mendatangkan satu perkataan baharu setelah menggugurkan salah satu frasa kerja dalam TS. Perkataan baharu ini mempunyai makna semantik yang berbeza dengan frasa kerja yang dikekalkan dan strategi ini seolah-olah memberikan dua informasi yang berbeza kepada pembaca. Manakala strategi pengejalan, setiap unsur dalam TS telah dikekalkan bagi mengelakkan emosi dan perasaan asal yang ingin disampaikan tercicir dan makna tidak sampai.

2.8 Kajian Novel *Kalilah Dan Dimnah*

Novel *Kalilah Dan Dimnah* merupakan novel yang berasal daripada sastera Hindu ditulis dalam bahasa Sanskrit karangan Baidaba. Novel ini telah diterjemahkan oleh Ibn al-Muqaffa' (730M) ke dalam bahasa Arab. Karya terjemahan ini dianggap sebagai karya agung kerana menjadi perantara penterjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain seperti Parsi, Georgia dan bahasa Eropah lain (Puriyadi, 2010). Hasil daripada terjemahan Ibn al-Muqaffa' ini juga telah dikaji oleh Puriyadi (2010) mengenai nilai-nilai etika dalam novel *Kalilah Dan Dimnah*, terutamanya dari sudut nilai-nilai Islam.

2.8.1 Ibn al-Muqaffa'

Sejarah mencatatkan bahawa Ibn al-Muqaffa' telah dilahirkan di sebuah negeri di Parsi pada tahun 762 Masihi walaupun ura-ura mengenai tarikh dan tempat kelahiran secara tepat masih diperdebatkan oleh ramai sejarawan seperti Nicholson, al-Jāhiz

dan Ahmad Amīn (Delara Singh, 1956). Nama kelahiran Parsi beliau ialah Rouzbeh dan peristiwa yang membawa kepada gelaran “al-Muqaffa’” kepada ayah beliau iaitu Ibn al-Mubārak adalah dipercayai kerana ditampar oleh al-Ḥajjāj bin Yūsuf semasa di Basrah, Iraq. Tamparan yang cukup deras ini telah mengeluarkan bunyi kuat yang terhasil daripada tangan bertemu pipi dan bunyi yang terhasil ini disebut oleh orang Arab sebagai (تففع). Kisah tamparan ini turut disokong oleh penulis kitab Tāj al-‘Arūs iaitu Muḥibbudīn al-Fayḍ.

Semenjak usia kecil lagi, Ibn al-Muqaffa’ sentiasa mendampingi ayah beliau dalam menuntut dan menjaga tradisi ilmu keluarga sehingga membolehkan beliau menguasai bahasa Parsi dan bahasa Arab pada tahap yang tertinggi. Penguasaan bahasa beliau dibuktikan melalui karya-karya tulisan dan terjemahan beliau dalam bidang sastera dan cukup dikenali ramai seperti *Kalilah Wa Dimnah*, *al-Adab al-Kabīr*, *al-Adab al-Saghīr*, *al-Durrah al-Yatīmah* dan *al-Ḥikam li Ibn al-Muqaffa’* (Abdullah bin al-Muqaffa’, 1989).

Martabat kedudukan Ibn al-Muqaffa’ adalah sangat tinggi dalam kalangan sasterawan sehingga Ibn al-Nadīm menyebut: “Ahli bahasa dan sasterawan untuk manusia ada sepuluh orang, yang terutama dan pertama ialah Ibn al-Muqaffa’.” Tidak hanya sasterawan klasik, malah sasterawan moden di Syria, Khalil Mardam Bey turut mengangkat darjat Ibn al-Muqaffa’ dengan menganggap bahawa beliau seorang imam di tingkat atas dalam kalangan penulis pada zaman Abbasi (Delara Singh, 1956).

2.8.2 Kajian Aspek Bahasa Novel *Kalilah Dan Dimnah*


Kajian yang menyentuh aspek bahasa pada teks novel *Kalilah Dan Dimnah* telah banyak dijalankan, terutamanya ahli akademi di negara Arab. Mesouda Sulaimani (2020) telah meneliti teknik konsistensi pada teks novel dari beberapa sudut antaranya

rujukan, pengguguran dan penggantian dan perlu dinyatakan di sini bahawa teori yang dilandasi oleh kajian ini diadaptasi daripada teori Koheren dan Kohesi oleh Halliday & Hasan (1978). Berpandukan satu bab yang dipilih sebagai data kajian, didapati bahawa teks yang ditulis oleh Ibn al-Muqaffa' adalah memenuhi tujuh sifat konsistensi (Mesouda, 2020) dan salah satunya daripadanya ialah penggunaan *al- 'atf* yang merupakan sebahagian fitur utama kata hubung *waw*.

Selain daripada aspek bahasa, Karimah Sasi (2013) telah menjalankan kajian yang meneliti makna-makna simbolik yang terkandung pada teknik perlambangan dalam novel *Kalilah Dan Dimnah*. Watak-watak utama yang banyak disebut dalam novel tersebut merupakan watak haiwan yang mampu berbicara dan melalui watak haiwan ini, lima dimensi perlambangan telah dirumuskan oleh Karimah (2013). Lima dimensi tersebut ialah politik, akhlak, ideologi, agama dan falsafah.

Beralih kepada aspek retorik bahasa Arab, gaya bahasa *insyā' ṭalabīy* dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* telah dijalankan oleh Nur Latifah (2013). Kelima-lima jenis *insya' ṭalabīy* dikumpulkan daripada teks novel iaitu (i) *amr* (suruhan), (ii) *nahī* (larangan), (iii) *istifhām* (soalan), (iv) *tamanniy* (impian) dan (v) *nidā'* (seruan).

Rajah 2.2 Makna-Makna *Insyā' Ṭalabīy* Novel *Kalilah Dan Dimnah*



Berdasarkan Rajah 2.2 di atas, penggunaan gaya bahasa *insyā' ṭalabīy* yang terdapat dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* mempunyai makna yang berlainan dengan makna asal dan makna-makna ini ditentukan melalui konteks ayat. Sebagai contoh, ayat yang berbentuk *nahī* iaitu larangan boleh berdiri sebagai satu doa atau didikan, dan boleh juga menjadi satu celaan. Bagi bentuk *istifhām* iaitu pertanyaan, konteks ayat menunjukkan soalan yang dilontarkan oleh penutur boleh berfungsi sebagai larangan dan ada kalanya bermaksud satu penyesalan. Perbezaan makna yang terkandung dalam gaya bahasa *insyā' ṭalabīy* ini membuktikan bahawa gaya bahasa yang sama tetap boleh membawa makna yang berbeza dan perbezaan tersebut ditentukan melalui konteks ayat dan situasi.

2.8.3 Kajian Terjemahan Arab-Melayu Novel *Kalilah Dan Dimnah*

Antara kajian terkini yang dijalankan berpandukan teks terjemahan *Kalilah Dan Dimnah* Arab-Melayu terbitan Alasfiyaa ialah kajian mengenai analisis strategi terjemahan oleh Arnida, Lubna & Nurhasma (2018). Data kajian diekstrak daripada bab pertama novel iaitu bab Hikayat Singa dan Seladang dan majoriti daripada data yang ditunjukkan adalah tergolong dalam unit frasa serta beberapa klausa simpleks dan kompleks. Sebanyak tujuh strategi terjemahan utama telah diperoleh iaitu penambahan, pengguguran, penggantian, pengurangan, pemindahan, ringkasan dan adaptasi termasuk beberapa strategi lain seperti literal, transposisi, dan modulasi.


Tiga daripada kesemua data yang dipersembahkan merupakan klausa kompleks parataksis yang dihubungkan oleh kata hubung *waw*; iaitu:

Jadual 2.2 Sedutan Data Kajian Ardina, Lubna & Nurhasma (2018)

Bil	Teks Sumber	Teks Sasaran	Strategi Terjemahan
1	انقضت مدته وحانت منيته	Kalau sudah ajal	Pengurangan
2	...والنظر في أمورهم	Campur tangan urusannya	Penggantian
3	فلما بلغوا أشدهم أسرفوا في مال أبيهم ولم يكونوا احترفوا حرفة...	Semasa anak-anaknya sudah meningkat dewasa, seorang pun tidak pernah cuba mempelajari sebarang kemahiran. Cuma tahu berbelanja boros menghabiskan harta bapa mereka.	Transposisi

Contoh 1 menunjukkan klausa setelah kata hubung *waw* (وحانت منيته) telah dikurangkan dengan menggabungkan terjemahan kepada makna klausa sebelum bagi mengelakkan unsur lewah kerana kedua-dua klausa ini mempunyai makna yang hampir sama. Klausa kompleks pada Contoh 3 pula telah diterjemahkan dengan kaedah transposisi iaitu dengan mengubah struktur teks sumber. Klausa (ولم يكونوا) (احترفوا حرفة) yang berada pada akhir ayat dalam teks sumber telah didahulukan pada teks terjemahan iaitu “seorang pun tidak pernah cuba mempelajari sebarang kemahiran”. Selain daripada strategi terjemahan yang disenaraikan, Ardina dan kawan-kawan juga menyatakan bahawa penterjemah telah menggunakan teknik membuat perenggan dan menambah tanda bacaan noktah sekiranya teks sumber terlalu panjang bagi memudahkan pembaca bahasa Melayu. Dengan menggunakan data kajian yang sama daripada novel *Kalilah Dan Dimnah*, Wahida, Arnida dan Lubna (2019) telah memilih strategi modulasi pada terjemahan sebagai perbincangan utama berpandukan prosedur terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995). Strategi modulasi telah diperincikan lagi kepada tiga bentuk iaitu (i) peralihan struktur ayat

nafi, (ii) peralihan struktur ayat aktif kepada ayat pasif, atau sebaliknya dan (iii) peralihan struktur ayat asal tetapi menyampaikan makna yang sama.



Rajah 2.3 Teknik Terjemahan Modulasi oleh Wahida, Ardina & Lubna (2019)

Berbeza dengan kajian sebelum, kajian ini lebih memfokuskan kepada analisis struktur ayat. Kesimpulan yang diperoleh menunjukkan penterjemah kerap menggunakan strategi modulasi bagi mengelakkan ayat terjemahan kedengaran janggal dan untuk menimbulkan kesan naratif yang lebih santai sesuai dengan sifat novel.

Novel terjemahan Sitti Hadijah ini juga dijadikan kajian dari sudut terjemahan kolokasi Arab oleh Norsyazwan, Syed Nurulakla & Zulkifli (2021). Kolokasi Arab yang terdapat dalam novel telah dikumpulkan menurut struktur kolokasi Arab oleh Ghazala (2004) dan masalah terjemahan kolokasi tersebut dibincangkan melalui teori Baker (1992). Empat sampel yang melibatkan kolokasi daripada struktur bahasa telah dianalisis dan kesulitan terjemahan kolokasi yang didapati adalah berpunca daripada beberapa masalah iaitu penyerapan terhadap bentuk bahasa sumber, ketegangan antara ketepatan dan kesejadian serta kolokasi khusus budaya.

Sejajar dengan nilai sastera novel ini, pelbagai peribahasa telah dimuatkan dalam tulisan agung ini. Justeru itu, Salmi, Taj Rijal & Abdelmuniem (2020) telah mengkaji aspek makna eksplisit pada terjemahan peribahasa yang terdapat dalam novel ini.

Daripada sepuluh teknik eksplisit terjemahan oleh Muhammad Mostafa (2016), sebanyak tujuh teknik tersebut digunakan oleh penterjemah iaitu parafrasa eksplisit, pengkhususan, frasa dan klausa, peluasan leksikal, penggantian, kata hubung dan penjelasan. Salmi dan kawan-kawan mendapati penterjemah lebih kerap menterjemah peribahasa dengan makna berbanding menggunakan teknik terjemahan literal. Di samping itu, penterjemah turut memuatkan peribahasa Melayu yang sepadan dengan peribahasa Arab di dalam simbol kurungan setelah terjemahan makna.

2.9 Rumusan Kajian Literatur

Dapat difahami bahawa kata hubung *waw* mempunyai pelbagai makna yang akan berubah mengikut konteks ayat. Penggunaan kata hubung *waw* adalah ibaratnya satu kemestian dalam teks Arab. Oleh itu, penterjemah teks Arab perlu memahami makna yang ingin disampaikan oleh kata hubung ini.

Walau bagaimanapun, kepelbagaian makna ini telah mencetuskan tafsiran yang pelbagai, termasuklah dalam kalangan penutur jati sendiri. Oleh itu, penulis ingin mengkaji makna kata hubung *waw* dengan menjadikan novel *Kalilah Dan Dimnah* sebagai data kajian, dengan membandingkan terjemahan Melayu dan teks Arab yang sepadan bagi meneliti makna kata hubung *waw* tersebut.

Selari dengan konsep teori LFS yang meneliti bahasa melalui konteks, penulis akan menggunakan teori LFS dan teori klausa kompleks khususnya, bagi memahami makna kata hubung *waw* yang menjadi penghubung antara klausa.

BAB 3 :METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan pada bab ini meliputi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, konsep kajian dan kaedah analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan membincangkan huruf *waw* yang berfungsi sebagai penghubung klausa dalam bahasa Arab di dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* Terjemahan Arab-Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif.

Analisis kajian ini adalah berpandukan teori Linguistik Fungsional Sistemik yang diperkenalkan oleh M. A. K. Halliday dengan memfokuskan sudut hubungan logik-semantik antara klausa dalam satu ayat yang sama yang saling berkait antara satu sama lain melalui hubungan taksis.

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian, pengkaji akan menentukan makna *waw* yang menghubungkan klausa-klausa yang membentuk klausa kompleks dalam satu ayat melalui perkaitan parataksis, kemudian mencari hubungan logik-semantik antara klausa-klausa tersebut dari aspek pengembangan makna iaitu sama ada perincian, peluasan, atau peningkatan.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian ini diperoleh daripada novel *Kalilah Dan Dimnah* terjemahan Arab-Melayu. Data akan diekstrak satu per satu daripada 100 ayat pertama yang mengandungi fitur parataksis yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* dalam novel


Kalilah Dan Dimnah secara manual. Analisis akan dilakukan pada tahap klausa manakala unit analisis ialah klausa kompleks. Klausa-klausa yang mempunyai hubungan parataksis akan diberikan kod dan dianalisis.

Daripada 100 ayat tersebut, klausa-klausa parataksis yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* akan ditanda dan dianalisis dari sudut tiga makna pengembangan daripada hubungan logik-semantik iaitu perincian, peluasan dan peningkatan.

3.4 Konsep Kajian

Konsep kajian ini akan dibentuk berdasarkan kepada teori taksis yang diperkenalkan oleh Halliday (1978) dan telah dikembangkan kepada edisi terkini oleh Halliday & Matthiessen (2014). Penggunaan teori ini adalah untuk menilai kesepadanan antara TS dan TT dari sudut hubungan taksis dan makna klausa, seterusnya merumuskan kaedah yang digunakan oleh penterjemah.

Ketiga-tiga objektif kajian akan berpandukan ringkasan teori yang dipaparkan seperti Rajah 3.1 yang berikut:



Rajah 3.1 Hubungan dan Makna Taksis

3.4.1 Taksis: Parataksis dan Hipotaksis

Klausa ditakrifkan oleh Nik Safiah (2015) sebagai cantuman perkataan yang membentuk subjek dan predikat dan menjadi unsur kepada ayat. Manakala Asmah Omar (2008) menyatakan bahawa klausa mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ayat dari aspek struktur namun dari aspek tatatingkat unit nahu, klausa berada di bawah ayat. Pernyataan ini menunjukkan bahawa kedua-dua ayat dan klausa memiliki subjek dan predikat, tetapi klausa bukanlah ayat. Pengecaman klausa dan ayat dapat ditentukan melalui intonasi yang menunjukkan selesainya ayat. Lihat contoh di bawah:

i. *Buku ini menarik, tetapi isinya kurang padat.*

Ayat (i) dapat dipisahkan menjadi dua bahagian, iaitu:

- a) Buku ini menarik (*Subjek: Buku ini; Predikat: menarik*)
- b) isinya kurang padat (*Subjek: Isinya; Predikat: kurang padat*)

Kedua-dua klausa (a) dan (b) merupakan klausa yang dihubungkan oleh kata hubung “tetapi”. Klausa ini dikenal pasti melalui intonasi yang belum selesai sekiranya klausa (a) disebut kerana penutur seolah-olah ingin menambahkan lagi maklumat. Sekiranya klausa (b) disebut bermula daripada *tetapi*, persoalan akan timbul di benak pendengar. Oleh itu, gabungan klausa (a) dan (b) hanya dianggap sebagai ayat sekiranya disebut secara penuh dengan intonasi yang sesuai.

Dalam contoh ayat (i) di atas juga, apabila klausa (a) dikembangkan lagi dengan ditambah klausa (b), gabungan ini akan membentuk sebuah klausa kompleks dan biasanya mempunyai hubungan yang jelas dengan penggunaan kata hubung. Contoh lain adalah seperti berikut:

ii. *Walaupun saya kuat berusaha, saya tetap tidak berjaya.*

Struktur ayat tersebut jika diubah dan dalam pada masa yang sama mengekalkan makna ayat akan menjadi seperti berikut:

iii. *Saya kuat berusaha tetapi saya tetap tidak berjaya.*

Makna yang diujarkan dalam kedua-dua ayat tersebut adalah sama, tetapi ayat (i) mengandungi klausa terikat manakala ayat (ii) terdiri daripada dua klausa bebas yang dihubungkan oleh perkataan “tetapi”. Perubahan yang membezakan antara kedua-dua struktur ayat tersebut ialah hubungan taksis.

Sebelum menerangkan contoh-contoh klausa kompleks dengan lebih lanjut, pengkaji akan menunjukkan tatatanda yang akan digunakan dalam kajian ini. Tatatanda ini digunakan berdasarkan apa yang telah diperkenalkan oleh Halliday & Matthiessen (2014).

	clause complex		downranked clause complex	<<< >>>	enclosed clause complex
	clause		downranked clause	<<>>	enclosed clause
	phrase or group	[]	downranked phrase/group	< >	enclosed phrase/group
# [space]	word				

Rajah 3.2 Tatatanda Konstituen Tatabahasa Halliday & Matthiessen (2014)

Taksis merujuk kepada hubungan kebergantungan antara klausa sama ada klausa-klausa tersebut bebas atau didominasi oleh salah-satu daripadanya. Sekiranya dua atau lebih klausa bebas dihubungkan, klausa tersebut adalah setara dan hubungan yang setara itu dinamakan sebagai parataksis. Sebaliknya bagi klausa yang mendominasi dan mengikat klausa-klausa lain, hubungan tersebut ialah hipotaksis.

Kesetaraan klausa diwakili oleh nombor Arab (1, 2, 3...) dan turutan klausa yang diwakili nombor ini boleh berubah-ubah memandangkan klausa tersebut bebas. Bagi klausa terikat, huruf Greek (α , β , ...) menunjukkan susunan klausa yang tidak bebas dan didominasi oleh klausa utama yang ditandai dengan huruf (α).

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Saya kuat berusaha, tetapi saya tetap tidak berjaya. $1^+ + 2$
Hipotaksis	Walaupun saya kuat berusaha, saya tetap tidak berjaya. $+ \beta^+ \alpha$

Pada contoh klausa hipotaksis, klausa α merupakan klausa utama yang berada pada akhir bahagian klausa kompleks “saya tetap tidak berjaya”. Keadaan ini menunjukkan bahawa klausa utama akan tetap mendominasi klausa kompleks meskipun didahului oleh klausa terikat. Klausa terikat iaitu klausa β biasanya dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata hubung pancangan dalam tatabahasa Melayu. Penggunaan kata hubung pancangan adalah untuk menyatukan klausa subordinat kepada klausa utama dan klausa subordinat ini berfungsi sebagai penerang atau pelengkap ayat (Ismail Dahaman, 2016). Contoh kata hubung ini ialah “walaupun”, “kerana”, “yang” dan “ketika”.

Kedua-dua klausa parataksis dan hipotaksis dalam contoh di atas boleh digabungkan dalam satu ayat dan membentuk struktur yang lebih kompleks.

Klausa Kompleks
Walaupun saya kuat berusaha, saya tetap tidak berjaya, tetapi saya tidak akan menyerah. $1(+\beta^+ \alpha)^+ + 2$

Bagi memudahkan pengurungan dalaman $1(+\beta^+ \alpha)^+ + 2$ difahami, ia boleh ditulis dalam bentuk berjadual seperti berikut:

1	β	Walaupun saya kuat berusaha,
	α	saya tetap tidak berjaya
2		tetapi saya tidak akan menyerah.

Klausa [1] mengandungi dua klausa simpleks yang membentuk klausa kompleks. Klausa kompleks tersebut merupakan klausa hipotaksis, maka kelompoknya ialah $1+\beta^+ 1\alpha$ atau boleh diringkaskan menjadi $1(+\beta^+ \alpha)$ sama seperti persamaan Matematik. Kemudian disusuli dengan klausa parataksis iaitu klausa [2] yang

dihubungkan melalui makna peluasan dengan tanda (+). Oleh itu, dapat difahami bahawa klausa [2] merupakan klausa parataksis peluasan kepada klausa [1].


Persamaan $1(+\beta^{\alpha})^+2$ dibaca sebagai ***Klausa 1 berhubungan secara parataksis peluasan dengan Klausa 2 dan Klausa 1 juga dikembangkan secara hipotaksis dengan hubungan peluasan.***

Tatatanda (||) menjadi penanda yang memisahkan antara klausa di dalam binaan klausa kompleks. Setiap permulaan klausa kompleks pula akan diawali dan diakhiri dengan tatatanda (|||).

3.4.2 Makna-makna Taksis

Apabila sesuatu klausa kompleks terbentuk, dua hubungan akan wujud daripada klausa tersebut, (i) hubungan taksis (parataksis atau hipotaksis) dan (ii) hubungan logik-semantik.

Hubungan logik-semantik merangkumi banyak makna, tetapi Halliday & Matthiessen (2014) telah mengkategorikan hubungan ini kepada dua iaitu: (i) pengembangan dan (ii) projeksi.



Rajah 3.3 Pembahagian Hubungan Logik-Semantik

Melalui projeksi, sesebuah klausa dibentuk untuk mewakili unsur linguistik tertentu. Unsur ini terdiri daripada klausa verbal yang melibatkan perkataan seperti “berkata” atau klausa mental yang melibatkan perasaan dan fikiran seperti “percaya”. Secara ringkasnya, idea merujuk kepada fikiran dan diwakili oleh tanda (‘), manakala lokusi pula ialah kata-kata dan diwakili oleh tanda (“).

iv. *Saya diberitahu bahawa dia ialah seorang baik hati.*

v. *Saya rasa lebih baik kita pergi dulu.*

Projeksi	Klausa Kompleks
Lokusi	Saya diberitahu bahawa dia ialah seorang baik hati. α “ β
Idea	Saya rasa lebih baik kita pergi dulu. 1 ‘2

Contoh (iv) merupakan ayat yang mengandungi fitur makna projeksi yang dapat dikenali melalui penggunaan kata kerja “beritahu” iaitu perlakuan yang melibatkan pertuturan. Dua klausa dalam ayat tersebut dihubungkan oleh hubungan hipotaksis kerana memiliki status yang tidak setara. Ketidaksetaraan ini berpunca daripada penggunaan kata hubung pancangan “bahawa” yang menjadikan klausa β terikat pada klausa induk α .

Manakala bagi contoh (v), kata kerja “rasa” menandakan bahawa perlakuan subjek dalam ayat tersebut melibatkan fikiran, maka ayat tersebut dikategorikan sebagai projeksi idea. Dari sudut hubung taksis pula, kedua-dua klausa membentuk satu fitur parataksis kerana klausa 1 dan klausa 2 boleh diterbalikkan menjadi “Lebih baik kita pergi dulu saya rasa”. Walaupun secara tatabahasanya ayat ini tidak gramatis, namun dari konteks percakapan, struktur ayat ini adalah diterima dan digunakan meluas. Kesimpulannya, hubungan taksis turut terbentuk dalam hubungan logik-semantik projeksi dan tidak terhad pada klausa pengembangan semata-mata.

Berbalik kepada klausa pengembangan, Halliday & Matthiessen (2014) membahagikan pengembangan kepada tiga (rujuk Rajah 3.2) iaitu (i) perincian, (ii) peluasan dan (iii) peningkatan. Bentuk asas ketiga-tiga jenis ini dapat dikenali dengan mudah melalui penggunaan kata hubung tertentu, tetapi ada keadaan yang menyukarkan perbezaan untuk dikenal pasti iaitu penggunaan kata hubung yang sama untuk makna yang berlainan (Thompson, 2013). Subtopik seterusnya akan memperincikan setiap satu hubungan logik-semantik taksis berserta pembahagiannya.


3.4.2.1 Parataksis Perincian

Halliday & Matthiessen (2014) menakrifkan perincian sebagai satu klausa menerangkan makna secara lebih terperinci. Li & Wu (2017) pula menyatakan bahawa perincian digunakan bertujuan untuk membentuk gambaran dengan menyatakan semula dengan ayat yang berbeza atau membawakan contoh. Bagi tatatanda perwakilan, simbol (=) digunakan untuk menandakan klausa perincian.

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Ahmad gemar bersukan khususnya bermain bola. $1^{\wedge}=2$
Hipotaksis	Ali melihat Hamid yang sedang datang ke mari. $\alpha^{\wedge}=\beta$

Klausa [2] merupakan klausa perincian dan ditandai oleh simbol (=) seperti dalam jadual. Klausa [2] menjelaskan lagi aktiviti sukan yang diminati oleh Ahmad. Klausa-klausa perincian parataksis telah dibahagikan kepada tiga makna yang lebih jelas iaitu eksposisi, percontohan dan penjelasan. (Rujuk Rajah 3.4)

Penerangan dan contoh-contoh bagi setiap pembahagian perincian parataksis diterangkan dengan lebih lanjut.



Rajah 3.4 Pecahan Makna Perincian

(i) Parataksis Eksposisi

Eksposisi bermaksud klausa kedua menyatakan semula idea yang disampaikan pada klausa pertama dengan ayat yang berbeza bertujuan untuk menerangkan dari sudut pandang lain atau menyatakan penegasan (Halliday & Matthiessen, 2014).

Makna	Parataksis
Eksposisi	Ampun tuanku beribu ampun, sembah patik harap diampun. $1^{\wedge}=2$

Dalam contoh di atas, parataksis perincian dikesan pada penggunaan klausa yang mempunyai makna lebih kurang sama dengan klausa pertama. Klausa 2 pada contoh tersebut menegaskan lagi permohonan ampun seorang rakyat kepada sang raja.

Halliday menerangkan lagi bahawa eksposisi dapat dibentuk secara eksplisit dengan menggunakan kata bantu atau kata hubung seperti **atau, maksud saya (I mean), dalam kata lain (in other words)** dalam penulisan.

(ii) Parataksis Percontohan

Makna percontohan dapat dikenal pasti melalui penggunaan frasa **sebagai contoh, khususnya, terutamanya** dan sebagainya dalam penulisan. Percontohan

memberikan fungsi kepada klausa untuk mengembangkan klausa sebelum bagi memberi pengkhususan, atau sekadar memberi contoh sebenar.

Makna	Parataksis
Percontohan	Memang para raja itu patut didaulat, lebih-lebih lagi kerana kedudukannya paling agung. 1^=2

Dapat diperhatikan pada contoh di dalam jadual, klausa (=2) mengkhususkan keharusan untuk menghormati institusi diraja. Makna perincian ini difahami melalui penggunaan kata “lebih-lebih lagi”.

(iii) Parataksis Penjelasan

Fungsi penjelasan adalah untuk menerangkan idea klausa pertama bagi memberi maklumat tambahan dengan perincian tertentu.

Makna	Parataksis
Penjelasan	Gajah-gajah yang tadi kepanasan terus bertempiaran, menginjak apa saja yang ada di depannya. 1^=2

Nik Safiah (2015) menamakan ayat pada contoh di atas sebagai ayat majmuk gabungan yang mempunyai sifat yang setara, tidak terikat dan boleh berdiri sendiri. Walaupun ketiadaan kata hubung, fitur parataksis masih boleh terbentuk kerana penentuan titik pemisah antara klausa dapat dikenali melalui intonasi suara yang menurun selepas tanda koma pada akhir klausa pertama (Asmah Omar, 2008). Kenyataan ini adalah selari dengan nukilan Halliday & Matthiessen (2014) yang menyatakan bahawa walaupun perincian penjelasan dapat dikenali dengan mudah melalui penggunaan **sebenarnya** (*actually*), **sekurang-kurangnya** (*at least*) dan sebagainya dalam ayat, klausa yang memberi penjelasan kadang-kadang tidak dapat dibezakan kerana sekadar disusun sebelah-menyebelah tanpa kata hubung yang jelas.

Apa yang boleh membezakannya ialah nada dan intonasi percakapan. Namun, bagi penulisan, tanda ini adalah jelas kerana diwakili oleh tanda baca iaitu tanda koma.

Selain itu, perincian penjelasan juga boleh melibatkan perubahan ayat daripada positif kepada negatif, atau sebaliknya.

Makna	Parataksis
Penjelasan	<p> Mereka berjaya menyerapkan elemen hiburan dan lelucon dalam dialog binatang, tanpa menghilangkan hikmah sebenar yang tersirat. </p> <p>$1^{\wedge}=2$</p>

Klausa pertama pada contoh diakhiri dengan perkataan “binatang” yang disebut dengan intonasi menurun dan menandakan bahawa klausa itu telah lengkap. Klausa pertama dikembangkan lagi untuk memberi makna perincian dengan meletakkan tanda koma sebagai pemisah antara dua klausa.

3.4.2.2 Hipotaksis Perincian

Bagi pembahagian makna-makna hipotaksis, Halliday & Matthiessen (2014) mengkategorikan makna hipotaksis ini kepada dua aspek dengan melihat kepada kata kerja yang digunakan iaitu (i) *finite* dan (ii) *non-finite*.

Kata kerja *finite* ialah kata kerja yang mempunyai penanda kala (*tense*) untuk menggambarkan perubahan yang berlaku pada bentuk kata kerja sama ada *akan*, *sedang* atau *sudah* berlaku.

Berbeza dengan kata kerja *non-finite*, kata kerja ini kebiasaannya tidak mempunyai penanda kala, tidak terikat dengan subjek dari sudut bilangan (*singular/plural*) dan boleh juga terbentuk sebagai kata kerja majmuk (*compound verbs*).

Taksis	Hipotaksis Perincian
Finite	<i>She told it to the baker's wife</i> <i>who told it to cook.</i> $\alpha^{\wedge} = \beta$
Non-Finite	<i>I was once worked in Malaysia</i> helping to feed the homeless. $\alpha^{\wedge} = \beta$

Pada contoh *finite*, kata kerja yang digunakan ialah **told** pada klausa [2]. Kata kerja tersebut menunjukkan kala lampau dan didahului oleh WH-form (*who*). Manakala bagi kata kerja *non-finite* **helping** pula, tiada unsur kala terlibat. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa perbezaan utama antara *finite* dan *non-finite* adalah petanda kala.

Walau bagaimanapun, aspek penanda kala merupakan sesuatu yang asing dalam bahasa Melayu. Pembahagian klausa hipotaksis menurut teori asal Halliday akan menjadi sukar untuk diaplikasikan. Maka, untuk tujuan penyesuaian pengaplikasian teori melibatkan bahasa Melayu, pengkaji akan memfokuskan pembahagian klausa hipotaksis berpandukan definisi makna sahaja tanpa melihat kepada unsur *finite* dan *non-finite*.

Halliday & Matthiessen (2014) menyatakan fungsi hipotaksis perincian sebagai klausa yang tidak menakrif (*non-defining relative clause*), tetapi klausa hipotaksis perincian berfungsi secara deskriptif iaitu memberi penerangan lanjut mengenai sesuatu elemen di dalam klausa utama. Elemen ini merujuk kepada sama ada subjek, keterangan (*adjunct*) atau keseluruhan klausa utama.


Elemen	Hipotaksis Perincian
Subjek	Baidaba, << yang telah menakluk kota Syam, >> menghasilkan karya yang dinamakan <i>Kalilah Dan Dimnah.</i> $=\beta^{\wedge} \alpha$
Keterangan	Mereka melihat anak bulan di Bait al-Hilal yang menjadi pusat pencerapan utama di Malaysia. $\alpha^{\wedge} = \beta$
Klausa	<i>And you do not have to talk to actors,</i> which suits me at my stage of the game. $\alpha^{\wedge} = \beta$

Daripada jadual di atas, dapat diperhatikan elemen-elemen yang diterangkan ialah “Baidaba” sebagai subjek, “di Bait al-Hilal” sebagai frasa sendi yang menjadi keterangan dan keseluruhan klausa utama α pada contoh ketiga.

Penanda utama untuk mengenal pasti klausa hipotaksis perincian ialah kata hubung pancangan relatif “yang” dan kata hubung komplemen “bahawa” dan “untuk”. Kata hubung akan diikuti oleh frasa kerja yang menjadi pelengkap sesuatu klausa.

Kata Hubung	Hipotaksis Perincian
untuk	Tentulah tidak wajar untuk mereka mendirikan rumah di kawasan tanah haram. $\alpha^{\wedge} = \beta$
bahawa	Sangat tidak munasabah bahawa masalah itu tidak dapat diselesaikan melalui perundingan. $\alpha^{\wedge} = \beta$

3.4.2.3 Parataksis Peluasan



Rajah 3.5 Pecahan Makna Peluasan

Bagi klausa pengembangan peluasan, fitur makna dibahagikan kepada tiga pembahagian yang lebih terperinci iaitu penambahan, alternatif dan variasi seperti yang dapat dilihat pada Rajah 3.5 di atas.

Melalui proses peluasan, elemen baharu ditambah kepada klausa untuk meluaskan lagi makna klausa. Elemen yang ditambah boleh berfungsi sebagai penambahan keterangan, penggantian atau memberikan alternatif. Halliday & Matthiessen (2014)


telah menyenaraikan kategori asas bagi proses peluasan iaitu penambahan, variasi, dan alternatif. Simbol (+) akan mewakili tanda klausa peluasan.

Parataksis	Klausa Kompleks
Penambahan	Rumah itu baru sahaja siap dan belum ada penghuni. 1 [^] +2

Klausa [2] dalam contoh parataksis telah menambahkan lagi maklumat kepada klausa sebelum dengan menyatakan bahawa rumah tersebut masih kosong dengan penggunaan “dan”.

(i) Penambahan

Penambahan ialah proses menambahkan klausa tanpa membawa makna tempoh masa atau sebab-akibat dengan menggunakan kata hubung. Dalam kategori penambahan, terdapat tiga jenis penambahan iaitu penambahan positif, penambahan negatif dan tentangan. Rujuk Rajah 3.6 seperti berikut:



Rajah 3.6 Perincian Makna Penambahan

1. **Penambahan Positif:** Kata penghubung yang digunakan ialah **dan, malah, juga**.

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Raja Zulqarnain pun meninggalkan India dan menyerahkan pemuda tadi kepada rakyat jelata. 1 [^] +2
Hipotaksis	Sambil tersenyum, beliau memandang saya. +β [^] α

2. **Penambahan Negatif:** Dalam bahasa Inggeris, penambahan negatif dikenali melalui penggunaan *neither* dan *nor*. Bahasa Melayu pula menggunakan gabungan penafian dengan kata bantu **pula, malah, juga**.

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Orang lain tidak akan mampu melakukannya, malah tidak ada yang sanggup mengerjakannya. $1^{\wedge} + 2$


Bagi penambahan negatif, tiada bentuk klausa kompleks hipotaksis yang ditemui.

3. **Tentangan (*Adversative*):** Gabungan klausa ini akan memberi makna pertentangan fakta dalam penggabungan ayat. Kata bantu yang digunakan ialah **tetapi, padahal.**

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Ayahnya rajin berniaga tetapi anaknya tidak berminat sama sekali. $1^{\wedge} + 2$
Hipotaksis	Kain yang dibelinya terlalu mahal padahal ada yang lebih murah. $\alpha^{\wedge} + \beta$

(ii) Variasi

Tidak jauh berbeza makna dengan pertentangan, variasi memberi makna penggantian kepada klausa sebelum. Terdapat dua jenis variasi: penggantian dan pengecualian.



Rajah 3.7 Kategori Makna Variasi

1. **Penggantian:** Makna penggantian melibatkan perbezaan makna klausa dari sudut polariti iaitu satu klausa positif dan satu lagi negatif. Kata bantu yang digunakan ialah kata hubung berpasangan seperti “**daripada... lebih baik**” untuk klausa hipotaksis manakala “**bukannya**” dan “**sebaliknya**” untuk klausa parataksis.

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Musim hujan sangat dingin, sebaliknya musim kemarau, cuaca menjadi panas. $1^{\wedge} +2$
Hipotaksis	Daripada kita makan gaji lebih baik bekerja sendiri. $+ \beta^{\wedge} \alpha$

2. **Pengecualian:** Kata hubung yang digunakan ialah **hanya, kecuali, melainkan.**

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Saya tiada niat buruk, hanya mahu berteman sahaja. $1^{\wedge} +2$
Hipotaksis	Bukan orang jahat yang menang, melainkan orang yang sentiasa berbuat baik. $\alpha^{\wedge} + \beta$

(iii) Alternatif

Klausa yang berfungsi untuk memberi alternatif kepada klausa sebelum. Kata hubung yang digunakan ialah kata hubung gabungan “**sama ada.. atau**”, “**atau**” dan “**kalau tidak**”.

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	1 Saya yang kalah +2 atau dia yang kalah? $1^{\wedge} +2$
Hipotaksis	+ β Kalau tidak ada aral melintang, α sampailah saya nanti. $+ \beta^{\wedge} \alpha$

Sekiranya ayat syarat mengandungi pernyataan negatif, maka ia akan diklasifikasikan sebagai klausa hipotaksis peluasan. Berbeza dengan ayat syarat yang positif, klausa tersebut akan dianggap sebagai klausa hipotaksis peningkatan.

3.4.2.4 Hipotaksis Peluasan

Untuk hipotaksis peluasan, Halliday turut membahagikan kategori ini kepada *finite* dan *non-finite*. Matthiessen (2002) mendapati bahawa hipotaksis peluasan

merupakan jenis taksis yang paling jarang digunakan jika dibandingkan dengan parataksis peluasan.

Dari sudut perincian makna, hipotaksis turut mempunyai ketiga-tiga makna yang sama diwakili oleh parataksis peluasan iaitu penambahan, alternatif dan variasi.

Hipotaksis	Klausa Kompleks
Peluasan	α Saya akan batalkan temu janji $+\beta$ kalau waktu tidak mengizinkan. $\alpha^+ \beta$

Pada contoh hipotaksis di atas, klausa β bertindak sebagai jawapan alternatif kepada temu janji yang telah dipersetujui iaitu pembatalan temu janji sekiranya ketiadaan masa.

3.4.2.5 Parataksis Peningkatan

Peningkatan klausa melibatkan proses pengkhususan makna klausa kompleks pada sudut tertentu sama ada sudut masa, sudut tempat, sudut sifat atau sudut sebab-akibat. Proses peningkatan memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan alur cerita, prosedur dan teks yang melibatkan kronologi (Halliday & Matthiessen, 2014). Klausa penyambung akan ditandai oleh simbol (\times) bagi menunjukkan makna peningkatan.

Taksis	Klausa Kompleks
Parataksis	Mereka bangun lalu turun ke serambi. $1^{\times} 2$
Hipotaksis	Sementara menanti padi masak, petani itu menanam jagung. $\times \beta^{\alpha}$

Kedua-dua contoh dalam jadual di atas menunjukkan perturutan perlakuan yang terjadi seiring dengan waktu berjalan. Dalam klausa parataksis, klausa [2] menjelaskan perbuatan yang berlaku setelah “mereka bangun” yang difahami melalui kata hubung “lalu”. Selain sudut masa, sudut sebab-akibat juga sering digunakan dan

kata hubung yang sepadan dengan makna tersebut ialah “kerana”, “jadi”, dan sebagainya.

3.4.3 Kesimpulan

Jelas bahawa hubungan taksis dan hubungan logik-semantik adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Hubungan ini biasanya dapat dikenali melalui kata hubung yang digunakan. Oleh itu, fitur yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kata hubung dan makna logik-semantik.

Kata hubung dan kata bantu yang digunakan sebagai penanda makna taksis disenaraikan dalam jadual berikut:

Jadual 3.1 Kata Hubung Berdasarkan Taksis

Makna	Parataksis	Hipotaksis
	Perincian	
Eksposisi	atau, maksud saya, dalam kata lain	yang
Percontohan	khususnya, lebih-lebih lagi	
Penjelasan	sebenarnya, sekurang-kurangnya	
	Peluasan	
Penambahan	dan, malah, juga, pula, tetapi, padahal	sambil, manakala, sementara, sedangkan
Variasi	kecuali, bukannya, sebaliknya	daripada.. lebih baik
Alternatif	atau, sama ada.. atau	kalau tidak
	Peningkatan	
Masa	kemudian, lalu, pertama, kedua, dan, sebaik	sejak, setelah, sementara, ketika

Sambungan Jadual 3.1

Sebab-Akibat	jadi, oleh itu, dan jika, kalau tak, maka	Sebab: kerana, sebab, lantaran, hingga, sehingga. Tujuan: supaya, agar Syarat-Tolak Ansur: walaupun, meskipun. Syarat Negatif: melainkan Syarat Positif: jika, kalau, andai
Cara	(maka) dengan itu	dengan, seolah-olah, seperti
Tempat	-	-

3.5 Kaedah Analisis Data

Sridevi (2017) telah membina satu reka bentuk kajian yang mengandungi kaedah dan prosedur untuk menganalisis hubungan klausa kompleks. Sebanyak enam peringkat dikemukakan iaitu:

- Stage 1** Display of running verbal text as orthographic units
- Stage 2** Identification of unit of analysis: the division of orthographic units into ranking clauses
- Stage 3** Identification of dependency and interdependency relations in clause nexuses
- Stage 4** Identification of principal markers of taxis and logico-semantic relations
- Stage 5** Counting of paratactic and hypotactic links for various logico-semantic relations
- Stage 6** Identification of favoured logogenetic patterns

Rajah 3.8 Peringkat Analisis Klausa Kompleks Berdasarkan Halliday (Sridevi, 2009)

Peringkat-peringkat ini akan diaplikasikan dalam menganalisis data kajian terutamanya dalam menentukan had sempadan dan makna klausa kompleks.

Peringkat ini turut akan disesuaikan memandangkan kajian ini melibatkan penelitian pada dua teks iaitu teks sumber dan teks terjemahan.

Untuk menjalankan proses analisis data, pengkaji akan mengumpulkan data kajian yang terdiri daripada ayat yang mengandungi klausa kompleks daripada teks sumber berbanding batasan kajian yang telah ditetapkan iaitu klausa-klausa yang dihubungkan oleh kata hubung *waw*.

Dalam setiap ayat yang telah dikumpulkan tadi, pengkaji akan mengenal pasti klausa-klausa kompleks yang terdapat dalam ayat dan kemudian ditanda oleh tatatanda konstituen bahasa (rujuk Rajah 3.2) yang diperkenalkan oleh Halliday & Matthiessen (2014).

Transliterasi kepada teks bahasa Arab akan diletakkan di bawah teks Arab dan tatatanda konstituen bahasa akan ditandakan pada kedua-dua teks bahasa Arab dan teks transliterasi. Pengekodan menggunakan tatatanda ini penting kerana langkah ini akan menentukan hubungan kebergantungan antara setiap klausa berdasarkan makna logik-semantik sama ada pengembangan atau projeksi.

Contoh A:

BA/A43
أفعلتَ هذا استصغارا منك لأمرى واحتقارا لشأني.
<i>A-fa 'alta hādhā istiṣghāran mink li-amrī wa iḥtiqāran li-sya 'nī?</i>

Setelah setiap klausa dibahagikan mengikut konstituen masing-masing, pengkaji akan menentukan makna logik-semantik kesemua klausa berdasarkan kata hubung dan makna konteks ayat yang bersesuaian. Bagi memudahkan proses pengekodan, hanya teks transliterasi akan ditanda.

Contoh B:

BA/A43
أفعلتَ هذا استصغارا منك لأمرِي واحتقارا لشأني.
α A-fa'alta hādhā $\times\beta 1$ istiṣghāran mink li-amrī $\times\beta+2$ wa iḥtiqāran li-sya'nī?
Adakah kamu lakukan ini kerana menghina aku dan mencaci sifatku?
$\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2)$

Dapat diperhatikan pada Contoh B di atas bahawa setiap klausa telah ditandakan oleh nombor dan simbol makna logik-semantik. Pengkaji akan turut mengekod klausa-klausa hipotaksis dan klausa projeksi sekiranya terdapat dalam ayat.

Seterusnya, terjemahan literal kepada teks bahasa Arab akan dimasukkan di bawah teks transliterasi. Terjemahan literal ini kemudian akan diikuti oleh pengurungan dalaman (*internal bracketing*) bagi merumuskan hubungan kesemua klausa yang terdapat dalam ayat.

Setelah selesai menandakan setiap klausa dengan tatatanda konstituen, makna logik-semantik dan pengurungan dalaman, pengkaji akan mengulangi langkah yang sama pada teks terjemahan (TT) yang sepadan dengan ayat pada data.

Contoh C:

BA/A43
أفعلتَ هذا استصغارا منك لأمرِي واحتقارا لشأني.
α A-fa'alta hādhā $\times\beta 1$ istiṣghāran mink li-amrī $\times\beta+2$ wa iḥtiqāran li-sya'nī?
Adakah kamu lakukan ini kerana menghina aku dan mencaci sifatku?
$\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2)$
α Kau lakukan ini $\times\beta 1$ kerana memandang rendah $\times\beta+2$ dan menghina aku kah?
$\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2)$

Sekiranya TT mempunyai lebih daripada satu ayat disebabkan oleh penterjemah melakukan terjemahan kepada beberapa ayat berasingan, nombor Roman akan digunakan.

Contoh D:

BA/A43
والمثل في ذلك أن اقنبرة اتخذت أدحمة وباضت على طريق الفيل. 1 <i>Wa al-mathal fi dhālik anna</i> “21 <i>qunburah ittakhazat udhiyyah</i> “2+2 <i>wa bādat ‘alā tarīq al-fīl.</i> Dan contoh pada itu ialah seekor burung belatuk membina sarang dan ia bertelur di jalan sang gajah. 1 “2(1 [^] +2)
(i) Terdapat contoh alegori dalam hal ini. (ii) 1 Seekor burung belatuk membina sarang +2 dan bertelur di jalanan [[yang biasa dilalui gajah]] . 1 [^] +2

TT(i) pada Contoh D merupakan ayat lengkap yang hanya mempunyai satu klausa, iaitu klausa simpleks. Oleh itu, tiada pengekodan tatatanda konstituen, makna logik-semantik dan pengurungan dalaman yang diletakkan di bawah TT(i) tersebut.

Walaupun klausa sematan tidak dikira sebagai satu klausa, klausa sematan tetap berkemungkinan untuk mempunyai hubungan taksis disebabkan oleh kewujudan lebih daripada satu klausa. Klausa ini dinamakan sebagai klausa kompleks sematan dan ditandai oleh tatatanda [[[...]]], sedikit berbeza dengan klausa sematan biasa yang ditandai oleh tatatanda [[...]]. Memandangkan hubungan taksis telah terhasil dalam klausa kompleks sematan, maka pengkaji akan turut mengambil kira makna logik-semantik yang terdapat pada klausa tersebut. Bagi tujuan pembezaan dengan pengurungan dalaman data, pengkaji akan menggunakan singkatan KS bagi menunjukkan pengurungan dalaman untuk klausa kompleks sematan seperti yang dapat diperhatikan pada Contoh E:

Contoh E:

BA/A62
فإن يكن من ضميم ناله كنتُ أولى من [[[أخذ بيده وسارع في تشريفه وتقدّم في البلوغ إلى مراده وإعرازه]]. ×β <i>Fa'in yakun min ḍaym nāluhu</i> α <i>kuntu awlā</i> [[[1 <i>man akhaza biyadih</i> +2 <i>wa sāra'a fi tasyrīfih</i> +3 <i>wa taqaddam fī al-bulūgh ilā marādih wa i'zāzih</i>]]. ×β [^] α (KS: 1 [^] +2 [^] +3)

||| $\times\beta$ Jika ada sesuatu buruk yang terjadi, || α beta orang pertama [[[1 yang akan menyambut tangannya || +2 dan bersegera memuliakannya || +3 dan menjadi yang terawal menyampaikan hasrat || +4 dan memuliakannya]]] |||.
 $\times\beta^{\alpha}$
KS: 1[^] +2[^] +3[^] +4

Singkatan KS ini turut terpakai pada TT sekiranya ada. Jika terdapat lebih daripada satu KS dalam teks, nombor Roman akan digunakan mengikut turutan kedudukan KS tersebut.

Sebagai kesimpulan, langkah-langkah untuk menganalisis data dirumuskan seperti berikut:

Jadual 3.2 Langkah Pengkodan dan Analisis Data

Langkah 1	Mengekod setiap data berdasarkan ayat
Langkah 2	Membahagikan klausa-klausa yang terdapat dalam ayat menggunakan tatatanda konstituen pada teks sumber (TS), transliterasi dan teks terjemahan (TT)
Langkah 3	Mengenal pasti hubungan kebergantungan dan makna logik-semantik pada setiap klausa berdasarkan kata hubung dan konteks ayat
Langkah 4	Merumuskan hubungan kebergantungan dan makna logik-semantik menggunakan pengurungan dalaman
Langkah 5	Mengira jumlah makna logik-semantik kata hubung <i>waw</i>
Langkah 6	Membandingkan TS dan TT untuk melihat terjemahan kata hubung <i>waw</i>
Langkah 7	Meneliti pola terjemahan kata hubung <i>waw</i> dan merumuskan strategi terjemahan oleh penterjemah

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu: **mengenal pasti fitur parataksis dalam teks sumber**, pengkaji akan menghitung kekerapan makna pengembangan yang terkandung pada klausa yang dihubungkan oleh kata hubung *waw*. Makna pengembangan klausa ini akan dikenal pasti melalui konteks ayat. Fitur-fitur yang akan difokuskan ialah tiga makna pengembangan parataksis.


Kemudian, pengkaji akan membandingkan kata hubung *waw* dalam TS yang telah dikumpulkan mengikut kategori makna pengembangan dengan teks terjemahan untuk

melihat terjemahan kata hubung *waw* yang dilakukan oleh penterjemah bagi menjawab objektif kajian yang kedua iaitu: **mengenal pasti terjemahan fitur parataksis dalam teks sumber**. Pengkaji akan meneliti setiap satu terjemahan bagi kata hubung *waw* untuk melihat pola dan corak terjemahan. Pola-pola ini akan dikumpulkan dan dijadualkan berdasarkan kekerapan yang digunakan oleh penterjemah.

Bagi memenuhi objektif yang ketiga, kategori terjemahan yang telah dikelompokkan tadi akan dirumuskan secara deskriptif untuk melihat strategi dan pendekatan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan klausa parataksis dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu berdasarkan pola-pola yang dapat dilihat melalui perbandingan teks. Selain itu, aspek peralihan terjemahan juga akan dikaji oleh penulis bagi melihat perubahan yang berlaku pada TT. Aspek peralihan yang akan dianalisis mencakupi hubungan taksis, hubungan logik-semantik dan jumlah taksis. Kemudian, kesimpulan akan dirungkaikan bagi memenuhi objektif ketiga iaitu: **merumuskan kaedah terjemahan fitur parataksis yang dilakukan oleh penterjemah**.

3.6 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan konsep-konsep dan teori yang dikemukakan pada Bab 3, jelas bahawa teori hubungan dalam klausa kompleks yang diperkenalkan oleh Halliday & Matthiessen (2014) adalah bersesuaian dengan objektif kajian. Keseluruhan kerangka konsep kajian boleh diringkaskan seperti berikut:



Rajah 3.9 Kerangka Konseptual Kajian

3.7 Pengenalan Data Kajian

Sumber utama kajian diperoleh daripada novel *Kalilah dan Dimnah* terjemahan Arab-Melayu. Buku ini telah diterjemahkan oleh Siti Hadijah Mappedning, seorang wartawan dari Meja Berita Bahasa Arab BERNAMA. Pengalaman dalam bidang terjemahan lebih dari sedekad memberikan nilai tambah dan kebolehpercayaan pada proses terjemahan sama ada dari bahasa Arab ke bahasa Melayu atau sebaliknya.

Buku ini telah diterbitkan oleh Alasfiyaa pada tahun 2016 dengan menyasarkan peminat bahasa Arab dari segenap golongan. Oleh itu, penerbit telah mencetak buku ini dengan bentuk teks sumber dan teks terjemahan secara sebelah-menyebelah. Hal ini bertujuan untuk memudahkan para pembaca bagi membandingkan teks kemudian memahami ayat-ayat novel dengan lebih efektif.

Penterjemah telah menyatakan pada mukadimah novel bahawa beliau menggunakan pelbagai strategi dalam menjalankan proses terjemahan seperti penambahan, pengguguran, penggantian, ringkasan dan adaptasi.

Novel *Kalilah Dan Dimnah* merupakan karya klasik Arab yang agung meliputi cerita-cerita yang sarat dengan inspirasi dan teladan kemanusiaan sejagat. Kisah-kisah yang terdapat dalam novel ini kebanyakannya melibatkan hubungan sesama haiwan yang digambarkan mampu berbicara seperti manusia yang sebenarnya diceritakan oleh seorang penglipur lara di hadapan sang raja.

Novel ini dibahagikan kepada beberapa bab, bersesuaian dengan alur peralihan latar belakang cerita dari satu tempat ke satu tempat atau satu masa ke satu masa. Dalam setiap bab, terdapat alegori-alegori yang mengisahkan pelbagai cerita rakyat dan haiwan.

3.8 Kesimpulan

Berdasarkan objektif dan soalan kajian, kajian ini telah direka bentuk berpandukan kaedah kualitatif deskriptif bagi menerangkan dan menjawab setiap objektif kajian. Teks sumber telah dipilih daripada teks bahasa Arab dalam novel *Kalilah Dan Dimnah* sebagai data kajian, manakala teks terjemahan pula diambil daripada buku yang sama. Kerangka konseptual kajian telah dibina berdasarkan teori hubungan kebergantungan oleh Halliday & Matthiessen (2014) kerana teori ini dapat melihat fungsi dan makna yang dibawa oleh peranti penghubung berserta makna klausa yang dihubungkan oleh peranti tersebut, iaitu kata hubung *waw*. Analisis kajian dijalankan bagi mengenal pasti fitur parataksis pada kata hubung *waw* dan makna yang terbit daripada kata hubung tersebut.

BAB 4 :DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian daripada penggunaan kata hubung *waw* yang terdapat pada TS daripada novel *Kalilah Dan Dimnah*. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti fitur parataksis dalam teks sumber berdasarkan teori hubungan kebergantungan dalam Linguistik Fungsional Sistemik oleh Halliday dan Matthiessen (2014). Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti terjemahan fitur parataksis teks sumber tersebut dengan membandingkan TS dan TT dan meneliti kesepadanan terjemahan. Manakala objektif ketiga adalah untuk merumuskan strategi terjemahan fitur parataksis. Berikut ialah dapatan dan analisis yang berkaitan dengan objektif kajian.

4.2 Mengenal Pasti Fitur Parataksis Teks Sumber

Berdasarkan analisis kuantitatif pada 100 ayat TS, pengkaji menemui ketiga-tiga jenis klausa pengembangan. Dalam 100 ayat yang dipilih sebagai data kajian, terdapat sebanyak 203 klausa parataksis yang dikenal pasti. Klausa-klausa ini dianalisis satu per satu. Jumlah klausa terbanyak dalam satu ayat ialah sembilan klausa dan paling sedikit ialah dua klausa. Dapat diperhatikan bahawa klausa peluasan mendominasi jumlah kekerapan iaitu sebanyak 134 kali (66%), diikuti oleh klausa peningkatan sebanyak 28.6% bersamaan dengan 58 pengulangan dan selebihnya klausa perincian sebanyak 11 klausa (5.4%). Taburan kekerapan klausa pengembangan boleh ditunjukkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.1 Kekerapan Klausa Pengembangan

Kekerapan/ Peratusan Pengembangan	Kekerapan Klausa	Peratusan
Peluasan	134	66%
Peningkatan	58	28.6%
Perincian	11	25.4%
Jumlah Klausa	203	100%

Parataksis peluasan mempunyai frekuensi tertinggi iaitu sebanyak 134 klausa. Jumlah ini mewakili 66% daripada data kajian. Penggunaan klausa peluasan yang tinggi memberi tanda bahawa teks sumber disusun untuk dikembangkan dengan memberi maklumat dan informasi, sesuai dengan sifat teks yang bersifat naratif (Ammā Abrāfi & Kwasi, 2017).

4.2.1 Parataksis Perincian

Klausa perincian merupakan klausa yang menerangkan klausa sebelum sama ada dengan penjelasan, pengulangan atau dengan pengkhususan. Klausa ini boleh dikenali melalui sifat klausa yang bukan bertujuan untuk menambah informasi baharu dalam ayat, tetapi sekadar memberi penegasan atau penerangan.

Contoh 1:

BA/A1
<p> قدمها بھنود بن سھوان ويعرف بعلي بن الشاه الفارسي. </p> <p> 1 <i>Qaddamahā Bahnūd bin Saḥwān</i> =2 <i>wa yu'raf bi-'Aliyy bin al-Shāh al-Fārisī.</i> </p> <p>Mengemukakannya Bahnud ibn Sahawan dan dia dikenali sebagai Ali ibn Shah al-Farisi.</p> <p>1^=2</p>
<p> Dikemukakan oleh Bahnud ibn Sahawan, [[yang dikenali sebagai Ali ibn Shah al-Farisi]]. </p>

Klausa [=2] pada TS Contoh 1 membawa makna perincian eksposisi kerana klausa tersebut memperkenalkan gelaran lain bagi individu yang bernama Bahnud pada klausa [1]. Dapat diperhatikan penggunaan kata hubung *waw* pada pangkal klausa [=2] TS yang disebut juga sebagai *waw al-‘atf*. Penentuan makna perincian pada klausa tersebut dapat dikenal pasti melalui kata ganti nama diri yang terangkum dalam kata kerja (يعرف *yu ‘raf*) iaitu هو *huwa* (dia) yang merujuk kepada Bahnud pada klausa sebelumnya.

Contoh 2:

BA/A25
<p> فلما رأَت الهنود ما نَزَل بِهْم وما صار إليه ملكهم حملوا على الإسكندر فقاتلوه قتالا أحبوا معه الموت. </p> <p> $\beta 1$ <i>Fa-lammā ra’at al-hunūd mā nazala bi-him</i> $\beta=2$ <i>wa mā šār ilayh malikuhum</i> $\alpha 1$ <i>ḥamalū ‘alā al-Iskandar</i> $\alpha \times 2 1$ <i>fa-qātalūh qitālan</i> $\alpha \times 2=2$ <i>aḥabbū ma ‘ah al-mawt.</i> </p> <p>Apabila melihat askar India apa yang terjadi kepada mereka dan apa yang berlaku kepada raja mereka mereka melawan Iskandar lalu menyerangnya dengan bersungguh seperti ingin mati perang. </p> <p>$\times \beta (1^{\wedge}=2)^{\wedge} \alpha (1^{\wedge} \times 2 (1^{\wedge}=2))$</p>
<p> $\times \beta$ Melihat apa yang terjadi kepada diri dan raja mereka, $\alpha \alpha$ askar-askar India membentuk bulatan $\alpha \alpha \times \beta 1$ sedia memerangi Raja Iskandar Zulqarnain habis-habisan $\alpha \alpha \times \beta + 2$ dan menamatkan riwayatnya. </p> <p>$\times \beta^{\wedge} \alpha (\alpha^{\wedge} \times \beta (1^{\wedge} + 2))$</p>

Menurut Halliday & Matthiessen (2014), salah satu daripada fungsi perincian adalah untuk memberi gambaran sesuatu dengan ayat yang berbeza. Klausa [$\beta=2$] yang telah ditebalkan dalam TS merupakan perincian kepada klausa [$\beta 1$] kerana kata kerja نزل *nazala* mempunyai makna yang sama dengan صار *šār* iaitu terjadi. Oleh itu, klausa [$\beta=2$] mengulang kembali secara kaedah pengulangan keadaan yang sedang berlaku. Namun begitu, penterjemah telah menggabungkan kedua-dua kata kerja tersebut dengan hanya menterjemahkannya kepada “terjadi”. Kata hubung “dan” kemudian digunakan untuk menggabungkan dua frasa nama iaitu “diri mereka” dan “raja mereka” yang merupakan subjek dalam TS. Kesimpulannya, penterjemah masih

menggunakan kata hubung “dan” sebagai terjemahan tetapi dengan menggugurkan kata kerja dalam TS.

Contoh 3:

BA/A6
<p> فلم يزل يحارب مَنْ نازعه ويواقع من واقعه ويسالم من وادعه من ملوك الفرس وهم الطبقة الأولى... وتمزقوا حزائق. </p> <p> 1 <i>Fa-lam yazal yuhārib man nāza ‘ahu</i> +2 <i>wa yuwāqi ‘u man wāqa ‘ahu</i> +31 <i>wa yusālimu man wāda ‘ahu min mulūk al-Furs</i> +3=2 <i>wa hum al-ṭabaqat al-ūla ...</i> <i>wa tamazzaqū hazā’iq.</i> </p> <p>Lalu dia terus memerangi sesiapa yang melawannya dan menjatuhkan sesiapa yang menjatuhkannya dan berdamai dengan sesiapa yang menyokongnya daripada raja-raja Parsi dan mereka merupakan golongan atasan...</p> <p>1^+2^+3(1^=2))</p>
<p> 1 Zulqarnain terus memerangi orang [[yang memeranginya]], +2 menyanggah orang [[yang melawannya]] +3 dan berdamai dengan penguasa empayar Parsi [[yang mahu berdamai]] dari kalangan bangsawan... </p> <p>1^+2^+3</p>

Petikan ringkas daripada data BA/A6 menunjukkan beberapa penggunaan kata hubung *waw* yang mempunyai makna peluasan dan perincian. Klausa perincian dalam TS merupakan klausa [+3=2] yang memberi penerangan secara khusus siapa yang dimaksudkan dengan raja-raja Parsi dalam klausa sebelumnya [+31].

4.2.2 Parataksis Peluasan

Berbeza dengan klausa perincian, klausa peluasan berfungsi untuk memberi maklumat tambahan yang baharu kepada klausa sebelum. Maklumat tambahan ini boleh jadi satu pernyataan yang positif atau penafian yang negatif. Kata hubung yang sinonim dengan makna peluasan ialah “dan”. Namun, kata hubung “tetapi” juga boleh membawa makna peluasan meskipun menunjukkan makna berlawanan.

Contoh 4:

BA/A40
والمثل في ذلك أن اقنبرة اتخذت أدحية وباضت على طريق الفيل.
1 <i>Wa al-mathal fi dhālik anna</i> “21 <i>qunburat ittakhazat udhiyyat</i> “2+2 <i>wa bāḍat ‘alā ṭarīq al-fīl.</i>
Dan contoh pada itu ialah seekor burung belatuk membina sarang dan ia bertelur di jalan sang gajah.
1 “2(1 [^] +2)
(i) Terdapat contoh alegori dalam hal ini.
(ii) 1 Seekor burung belatuk membina sarang +2 dan bertelur di jalanan [[yang biasa dilalui gajah]].
1 [^] +2

Klausa [=2+2] pada TS dalam Contoh 4 merupakan sebuah klausa peluasan yang membawa makna penambahan. Klausa tersebut menerangkan perlakuan burung belatuk yang membina sarang dan turut bertelur di tempat tersebut. Kata hubung *waw* pada klausa [=2+2] berfungsi untuk menggabungkan perbuatan dalam kedua-dua klausa dan fungsi penggabungan ini merupakan makna asal kata hubung *waw al-‘atf*.

Contoh 5:

BA/A32
وكان في زمانه رجل فيلسوف من البراهمة فاضل حكيم يعرف بفضله ويرجع في الأمور إلى قوله يقال له بيدبا.
1 <i>Wa kāna fi zamānih rajul faylasūf min al-Barahimat fādil ḥakīm</i> =21 <i>yu‘raf bi-fāḍlih</i> =2+2 <i>wa yurja‘ fi al-umūr ilā qawlih</i> =3 <i>yuqālu lahu Baydaba.</i>
Dan terdapat pada zamannya seorang lelaki berfalsafah daripada Brahmin yang hebat bijaksana dikenali dengan kelebihannya dan dirujuk dalam perkara-perkara melalui kata-katanya disebut sebagai Baidaba.
1 [^] =2(1 [^] +2) [^] =3
(i) Pada zaman pemerintahan Raja Dabsyalim, terdapat seorang ahli falsafah agung dari kasta Brahman yang sangat bijaksana.
(ii) ×β Terkenal dengan kehebatannya α ungkapan-ungkapan Baidaba sudah cukup dijadikan rujukan oleh masyarakat setempat.
×β [^] α

Klausa [=21] dalam TS pada Contoh 5 ialah sebuah klausa perincian yang dikenal pasti melalui makna klausa yang memberi penerangan terperinci sifat seorang lelaki dalam klausa [1] iaitu seorang lelaki yang terkenal. Makna klausa perincian [=21] diluaskan lagi dengan penambahan yang dilakukan menggunakan kata hubung *waw* pada awal klausa [=2+2]. Klausa ini merupakan klausa peluasan kerana memberi

informasi tambahan kepada sifat lelaki tersebut yang bukan sahaja terkenal tetapi turut menjadi rujukan setempat. Oleh itu, kata hubung *waw* di sini mempunyai makna parataksis peluasan.

Contoh 6:

BA/A23
<p> فلما أعيأ الإسكندر أمره ولم يجد فرصة ولا حيلة أوقع ذو القرنين في عسكره صيحة عظيمة ارتجت لها الأرض والعساكر . </p> <p> β1 <i>Fa-lammā a 'yā al-Iskandar amruhu</i> β+2 <i>wa lam yajid furṣat</i> β+3 <i>wa la ḥīlat</i> α <i>awqa 'a Zulqarnain fī 'askarih ṣayhat 'azimat</i> [[<i>irtajat la-hā al-arḍ wa al-'asākir</i>]]. </p> <p>Apabila meletihkan Iskandar perkara itu dan dia tidak menemui peluang dan tidak menemui helah, telah berteriak Zulqarnain kepada askarnya sekuatnya, teriakan yang menggegarkan bumi dan tentera.</p> <p>β(1[^]+2[^]+3[^])[^] α</p>
<p>(i) Zulqarnain mulai kehabisan tenaga. </p> <p>(ii) Baginda seolah sudah putus peluang dan strategi. </p> <p>(iii) 1 Keadaan Raja Zulqarnain itu menyebabkan seorang tenteranya bertempik lantang ×2 menggetarkan bumi dan barisan perajurit. </p> <p>1[^] ×2</p>

Kata hubung *waw* yang terdapat dalam klausa [β+2] dan [β+3] pada TS boleh disamakan dengan kata hubung berpasangan bahasa Melayu “**tidak.. malah tidak juga**”. Penggunaan kata kerja pada kata hubung *waw* ini kebiasaannya hanya disebut selepas kata hubung *waw* yang pertama sahaja, manakala digugurkan pada kata hubung *waw* yang seterusnya. Kewujudan kata kerja yang digugurkan tersebut masih boleh dikenali melalui kasus akusatif (*accusative case*) pada objek langsung iaitu mempunyai baris atas pada huruf terakhir (*manṣūb*). Oleh itu, klausa [β+3] masih layak dianggap sebagai satu klausa walaupun kata kerja telah digugurkan. Makna peluasan kedua-dua klausa tersebut merupakan penambahan maklumat kepada “keletihan Zulqarnain”.

Contoh 7:

BA/A30
فلما استوسق له الأمر واستقر له الملك طغى وبغى وتجبّر وتكبر وجعل يغزو من حوله من الملوك.
$\beta 1$ <i>Fa-lammā istawsaq la-hu al-amr</i> $\beta+2$ <i>wa istaqarr la-hu al-mulk</i> $\alpha 11$ taghā $\alpha 1+2$ wa baghā $\alpha 1+3$ wa tajabbara $\alpha 1+4$ wa takabbara $\alpha \times 2$ <i>wa ja'ala</i> <i>yaghzū man hawlah min al-muluk.</i>
Apabila telah tersusun urusan dan telah stabil kerajaan dan dia melampau dan dia melebihi had dan dia bongkak dan dia sombong dan dia mula menyerang sesiapa di sekitar daripada kerajaan-kerajaan. $\beta(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \alpha(1(1^{\wedge}+2^{\wedge}+3^{\wedge}+4)^{\wedge} \times 2)$
(i) $\beta 1$ Setelah senario lantikan selesai $\beta+2$ dan urusan istana stabil, $\alpha 1$ Raja Dabsyalim mula tunjuk kuasa, $\alpha+2$ bersikap diktator, autokratik dan angkuh. $\beta(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \alpha(1^{\wedge}+2)$
(ii) Baginda mencerooboh kerajaan-kerajaan kecil di sekitarnya.

Klausa [$\alpha 1+2$], [$\alpha 1+3$] dan [$\alpha 1+4$] dalam TS pada Contoh 7 merupakan klausa peluasan. Makna peluasan ini ditentukan oleh konteks ayat yang tidak menunjukkan petanda masa perbuatan tersebut berlaku. Penggunaan kata hubung *waw* pada klausa tersebut adalah untuk menghimpunkan sifat-sifat Raja Dabsyalim.

4.2.3 Parataksis Peningkatan

Bagi klausa peningkatan, makna-makna yang menunjukkan makna peningkatan akan melibatkan sama ada masa, sebab-akibat, sifat atau keadaan. Peningkatan masa memainkan peranan penting dalam mengawal alur cerita kerana ia menunjukkan turutan yang dikenali melalui kata hubung “kemudian”, “lalu”, dan “seterusnya”.

Contoh 8:

BA/A58
فأذن له فدخل ووقف بين يديه وكفر وسجد له واستوى قائما وسكت.
<i>1 Fa adhana lahu</i> $\times 2$ <i>fa dakhala</i> $\times 3$ <i>wa waqafa bayn yadayh</i> $\times 4$ <i>wa kaffara</i> $\times 5$ <i>wa sajada lahu</i> $\times 6$ <i>wa istawā qā'iman</i> $\times 7$ <i>wa sakat.</i>
Lalu dia mengizinkannya (Baidaba) lalu dia (Baidaba) masuk dan berdiri di hadapannya (raja) dan menyembah dan sujud kepadanya dan dia berdiri tegak dan dia berdiam. $1^{\wedge} \times 2^{\wedge} \times 3^{\wedge} \times 4^{\wedge} \times 5^{\wedge} \times 6^{\wedge} \times 7^{\wedge}$

- | |
|--|
| (i) Raja memberikan restu.
(ii) Baidaba pun masuk.
(iii) 1 Beliau berdiri di hadapan raja ×2 kemudian melakukan sembah takzim.
$1^{\wedge} \times 2$
(iv) 1 Selepas itu, beliau bangkit berdiri ×2 dan terus membisu.
$1^{\wedge} \times 2$ |
|--|

Dalam TS pada Contoh 8, terdapat lima klausa yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* iaitu klausa [×3], [×4], [×5], [×6] dan [×7]. Kelima-lima klausa ini membawa makna peningkatan dan difahami melalui konteks ayat yang menunjukkan hasil daripada turutan perbuatan yang dilakukan oleh Baidaba iaitu masuk, berdiri, sembah takzim, bangkit dan akhirnya membisu.

Contoh 9:

BA/A44
فتركته وانصرفت إلى جماعة الطير فشكت إليها ما نالها من الفيل . 1 <i>Fa-tarakat-hu</i> ×2 <i>wa insarafat ilā jamā‘at al-ṭayr</i> ×31 <i>fa-syakat ilayhā</i> 3“2 <i>mā nāla-ha min al-fīl</i> . Lalu dia meninggalkannya dan pergi ke kawanan burung lalu mengadu kepadanya apa yang berlaku kepada gajah. $1^{\wedge} \times 2^{\wedge} \times 3(1 \text{ “} 2)$
(i) 1 Sang belatuk meninggalkannya ×2 α dan beredar ×2 β menuju ke arah kawanan burung. $1^{\wedge} \times 2(\alpha^{\wedge} \times \beta)$ (ii) 1 Ia mengadu “2 musibah [[yang telah menyimpana]] angkara seekor gajah. 1 “2

Klausa [×2] dalam TS pada Contoh 9 dikategorikan sebagai klausa peningkatan kerana melibatkan perbuatan yang berlaku secara turutan. Selain itu, keberadaan kata hubung *fā’* pada awal ayat juga memainkan peranan dalam membentuk konteks masa dan perturutan alur cerita. Kata hubung *fā’* di sini bermaksud “lalu” yang merupakan kata hubung yang menandakan makna peningkatan.

Contoh 10:

BA/A42
لم هشمت بيضي وقتلت فراخي وأنا في جوارك؟
11 <i>Lima hassyamta baydī</i> 1+2 <i>wa qatalta firākhi</i> ×2 <i>wa anā ft jawārik?</i> Kenapa kamu hancurkan telur aku dan bunuh anak aku dan aku berada di sisi kamu? 1(1 ⁺ 2) ⁺ ×2
α1 Mengapa engkau meremukkan telurku α+2 dan membunuh anak-anak eramanku ×β sedang aku masih di kejiranan ini? α(1 ⁺ 2) ⁺ ×β

Klausa [×2] dalam TS pada Contoh 10 mempunyai makna peningkatan kerana memberi makna sifat (*matter*) melalui penggunaan kata hubung *waw*. Kata hubung *waw* pada klausa tersebut bukan merupakan *waw al-‘atf* tetapi *waw al-ḥāl* yang berfungsi untuk menyatakan keadaan sesuatu subjek dalam ayat.

Contoh 11:

BA/A54
غير أني قد رأيت رأيًا وعزمت عزماً وستعرفون حديثي عند الملك ومجاوبتي إياه.
11 <i>Ghayr annī qad ra’aytu ra’yan</i> 1+2 <i>wa ‘azamtu ‘azman</i> ×21 <i>wa sata‘rifūn</i> ×2‘21 <i>ḥadīthī ‘ind al-malik</i> ×2‘2+2 <i>wa mujawabatī iyyāh.</i> Cumanya aku sudah sangat yakin dan aku betul-betul tekad dan akan tahu kalian perbincangan aku dengan raja dan soal balas aku kepadanya. 1(1 ⁺ 2) ⁺ ×2(1‘2(1 ⁺ 2))
(i) 1 Tapi, aku sudah tetapkan satu pandangan +2 dan pasakkan niat. 1 ⁺ +2
(ii) 1 Kalian akan tahu juga nanti ‘21 topik pembicaraanku di depan raja ‘2+2 dan hujahku terhadapnya. 1‘2(1 ⁺ 2)

Dalam TS, klausa [×21] yang ditebalkan merupakan klausa peningkatan. Makna peningkatan pada klausa ini difahami melalui penggunaan kata bantu س *sa* yang dimasukkan pada awalan kata kerja تعرفون *ta‘rifūn* untuk menunjukkan kala akan datang. Makna peningkatan dari sudut masa boleh dibahagikan kepada dua iaitu (i) pada waktu yang sama dan (ii) pada tempoh kemudian. Oleh itu, penggunaan kala akan datang di sini memberikan makna peningkatan.

4.2.4 Kesimpulan

Majoriti kata hubung *waw* yang digunakan dalam TS merupakan *waw al-‘atf*. Fungsi utama *waw al-‘atf* adalah untuk menggabungkan dan menghimpunkan sama ada dua atau lebih kata nama, kata kerja atau klausa. Oleh itu, fungsi utama ini dapat disepadankan dengan makna peluasan penambahan.

Dalam beberapa keadaan, fungsi penggabungan ini turut diiringi oleh unsur waktu iaitu perlakuan yang digabungkan melalui kata hubung *waw* dilakukan dalam satu garis yang berturutan, bukannya hanya sekadar digabungkan dalam satu ayat. Konteks masa yang terdapat dalam ayat ini menjadi petunjuk kepada makna peningkatan.


Selain daripada penggunaan *waw al-‘atf*, *waw al-ḥāl* juga digunakan dalam beberapa ayat. Fungsi *waw al-ḥāl* adalah untuk menunjukkan keadaan perlakuan sesuatu subjek secara lebih terperinci. Oleh itu, *waw al-ḥāl* boleh memberi makna sama ada perincian atau peningkatan sifat (*matter*). Bagi tujuan pembezaan, makna perincian dikenal pasti melalui penggunaan *waw al-ḥāl* yang merujuk kepada subjek bagi tujuan deskriptif manakala makna peningkatan pula merujuk kepada perlakuan atau keadaan klausa sebelum.

4.3 Mengenal Pasti Terjemahan Fitur Parataksis Teks Sumber

Bagi menjawab persoalan kedua kajian, pengkaji akan mengenal pasti terjemahan fitur parataksis dari sudut terjemahan kata hubung *waw* dan terjemahan klausa. Pengkaji akan membahagikan analisis tersebut berdasarkan pembahagian tiga makna pengembangan; perincian, peluasan dan peningkatan.

Proses mengenal pasti dan membanding ini adalah penting bagi memastikan kefahaman yang tepat terhadap makna klausa teks sumber. Dapatan ini juga akan

digunakan untuk menjawab soalan ketiga kajian, iaitu merumuskan strategi terjemahan.



Rajah 4.1 Proses Merumuskan Strategi Terjemahan

4.3.1 Terjemahan Kata Hubung *Waw*

Setelah klausa-klausa parataksis TS yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* dikategorikan mengikut makna-makna pengembangan klausa, pengkaji telah membandingkan klausa-klausa tersebut dengan TT. Tujuan perbandingan ini dilakukan adalah untuk meneliti terjemahan yang dilakukan pada kata hubung *waw* yang menjadi penanda utama data kajian.

4.3.1.1 Parataksis Perincian

Parataksis perincian merupakan parataksis yang mempunyai frekuensi paling rendah antara ketiga-tiga makna pengembangan iaitu sebanyak 14 klausa. Walau bagaimanapun, pola penterjemahan kata hubung *waw* bagi parataksis perincian masih dapat diperhatikan melalui beberapa pengulangan teknik yang sama.

Daripada 14 klausa parataksis perincian, empat klausa telah dipisahkan daripada unsur klausa kompleks lalu dibentuk ayat baharu. Kesan daripada pembentukan ayat baharu ialah kata hubung *waw* seolah-olah digugurkan daripada terjemahan. Untuk kaedah ini, pengkaji akan mengkategorikannya sebagai “Ayat Baharu”.

(i) Ayat Baharu

Kaedah ayat baharu (AB) merupakan pendekatan penterjemah dengan memotong ayat yang mengandungi bilangan klausa kompleks yang terlalu banyak kepada beberapa ayat ringkas.

Contoh 12:

BA/A45
وما عسى أن نبلغ منه ونحن طيور؟ 1 <i>wa mā 'asā an nablugh min-hu</i> =2 <i>wa nahnu tuyūr?</i> dan apa agaknya kita boleh melawannya dan kita ini burung-burung? 1^=2
(i) Apakah yang boleh kita lakukan terhadapnya. (ii) Kita ini hanya burung.

Dalam TS, klausa [=2] pada Contoh 12 yang ditebalkan diawali oleh kata hubung *waw* yang tergolong dalam jenis *waw al-ḥāl*. Kata hubung *waw* tersebut memberi penekanan kepada keadaan subjek “kita” pada klausa [1] bahawa mereka hanya makhluk yang lemah.

Daripada dua klausa yang digabungkan menjadi klausa kompleks dalam TS, penterjemah telah mencerakinkan kedua-dua ayat tersebut menjadi ayat yang berasingan dalam TT sehingga menghilangkan terjemahan kata hubung *waw*. Penterjemah menggunakan pendekatan ayat baharu kerana klausa tersebut merupakan dialog antara kawanan burung. Oleh itu, pembentukan ayat baharu akan memudahkan pembaca memandangkan sifat teks ialah berbentuk cerita di samping untuk meringkaskan ayat agak lebih kelihatan sejadi.

Bagi tujuan terjemahan yang lebih literal, sepadan dan eksplisit, kata hubung *waw* yang mempunyai makna perincian eksposisi seperti contoh di atas, boleh diterjemahkan kepada frasa “dalam kata lain”.

Contoh 13:

BA/A70
إني وجدت الأمور التي اختُصَّ بها الإنسان من بين سائر الحيوان أربعة أشياء وهي جماع ما في العالم وهي الحكمة والعفة والعقل والعدل 1 <i>innī wajadtu</i> '2 α <i>al-umūr al-latī</i> '2= β 1 <i>ukhtuṣṣa bi-hā al-insān min bayn sār al-haywān arba 'ah asyyā</i> ' '2= β =2 <i>wa hiya jumma' mā fī al-'ālam</i> '2= β =3 <i>wa hiya al-hikmat wa al-'iffat wa al-'aql wa al-'adl.</i> Sungguh aku dapati perkara yang dikhususkan dengannya manusia daripada seluruh haiwan lain empat perkara dan itu ialah himpunan apa di dunia dan itu ialah hikmah, maruah, akal dan keadilan. 1 '2($\alpha^{\wedge}=\beta(1^{\wedge}=2^{\wedge}=3)$)
(i) 1 Patik dapati '2 ada empat kualiti [[yang membezakan manusia dengan makhluk lain]]. 1 '2($\alpha^{\wedge}=\beta$) (ii) Ia menjadi tunjang seisi alam ini. (iii) Empat kualiti tersebut adalah hikmah, kawalan diri, kefahaman dan keadilan.

Terdapat dua klausa perincian dalam TS pada Contoh 13 iaitu klausa [$'2=\beta=2$] dan [$'2=\beta=3$]. Berdasarkan frasa *wa hiya* (dan dia) yang terdapat pada awal kedua-dua klausa tersebut, dapat difahami bahawa klausa ini memperincikan predikat yang terdapat dalam klausa sebelum iaitu *arba 'at asyyā*' (empat perkara).

Penterjemah telah mengasingkan kedua-dua klausa ini daripada klausa pertama dan membentuk dua ayat baharu. Oleh itu, terjemahan kata hubung *waw* telah digugurkan. Walau bagaimanapun, penterjemah cuba mengekalkan tautan ayat dengan menggunakan kata ganti diri nama "ia" pada TT(ii). Manakala pada TT(iii) pula, teknik pengulangan digunakan iaitu dengan menyebut semula frasa nama "empat kualiti". Pada pandangan pengkaji, TT(ii) boleh digabungkan dengan TT(i) menggunakan kata hubung "dan" agak kedengaran lebih normal dan tidak terlalu banyak ayat. Oleh itu, cadangan terjemahan sesuai ialah "...yang membezakan manusia dengan makhluk lain **dan ia merupakan tunjang..**"

(ii) Pengguguran Klausa

Teknik pengguguran merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan klausa yang mempunyai kata hubung *waw*. Dalam beberapa keadaan, bukan hanya kata hubung *waw* digugurkan, bahkan keseluruhan klausa.

Contoh 14:

BA/A14
فَإِنَّ الْفِيلَةَ >> إِذَا لَقَّتْ خَرَاطِيمَهَا عَلَى الْفُرْسَانَ وَهِيَ حَامِيَةٌ << وَلَّتْ هَارِبَةً. α <i>Fa-inna al-filat</i> << $\times\beta 1$ <i>idhā laffat kharāṭimāhā ‘alā al-fursān</i> $\times\beta=2$ <i>wa hiya ḥamiyat</i> >> α <i>wallat hāribat</i> . Kemudian sungguh gajah itu apabila mengayunkan belalainya ke atas kuda-kuda dan dia sedang terbakar, akan melarikan diri. $\alpha^{\wedge} << \times\beta(1^{\wedge}=2) >>$
β ... apabila belalai gajah menyentuhnya α akan menyebabkannya bertempiraran lari. $\beta^{\wedge} \alpha$

Klausa perincian [$\times\beta=2$] yang ditebalkan dalam TS memperincikan keadaan kuda-kuda buatan melalui penggunaan *waw al-ḥāl* dan terjemahan literal klausa tersebut ialah “dan dia (kuda-kuda) itu panas terbakar”. Tetapi, penterjemah telah menggugurkan keseluruhan klausa perincian [$\times\beta=2$]. Pengguguran terjemahan di sini kemungkinan disebabkan unsur lewah kerana sifat panas kuda-kuda buatan telah disebut dalam terjemahan klausa sebelum data teks BA/A15. Terjemahannya adalah seperti berikut:

*“Ketika dua pasukan tempur ini bertemu nanti, patung-patung tadi akan **dicucuh api** dengan harapan apabila belalai gajah menyentuhnya, akan menyebabkannya bertempiraran lari.”*

Frasa “dicucuh api” yang ditebalkan pada teks terjemahan di atas telah cukup menggambarkan sifat kuda-kuda buatan yang sedang panas terbakar. Oleh itu, penterjemah memilih untuk melakukan teknik pengguguran penuh klausa. Bagi

mengekalkan terjemahan yang lebih sepadan, pengkaji mencadangkan supaya klausa [$\times\beta=2$] pada TS diterjemahkan sebagai “yang panas membara” dalam bentuk sifat dengan menggunakan kata hubung pancangan relatif “yang”.

4.3.1.2 Parataksis Peluasan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, kata hubung *waw* telah diterjemahkan kepada “dan” dalam majoriti teks. Keadaan ini adalah tidak asing kerana terjemahan tersebut adalah paling sepadan jika tidak mengambil kira konteks ayat.

Pengkaji turut mendapati bahawa penggunaan kata hubung “dan” adalah paling kerap digunakan pada terjemahan klausa peluasan.

Selain daripada terjemahan kata hubung *waw* kepada “dan”, penterjemah turut menggunakan beberapa kata hubung dan kata bantu lain seperti “di samping”, “seterusnya”, dan “serta” bagi menunjukkan makna peluasan namun dengan kekerapan yang rendah.

(i) Dan

Kata hubung *waw* telah diterjemahkan kepada “dan” sebanyak 56 kali bagi klausa peluasan. Hal ini disebabkan oleh makna asal kata hubung *waw* dan kata hubung “dan” adalah sangat sepadan iaitu untuk menggabungkan kata nama, kata kerja atau klausa.

Contoh 15:

BA/A67
فإن فسح في كلامي ووعاه عني فهو حقيق بذلك. $\times\beta 1$ <i>Fa-in fasaha fī kalāmī</i> $\times\beta+2$ wa wa‘āhu ‘annī α <i>fa-huwa ḥaqīq bi-dhālik</i> . Lalu jika dia izinkan pada kata-kataku dan mendengar daripadaku, maka dia berhak untuk itu. $\times\beta(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \alpha$
$\times\beta 1$ Seandainya baginda memberikan patik kesempatan terus berbicara $\times\beta+2$ dan mahu mendengarkan nasihat daripada patik , α maka bagindalah sebenar raja. $\times\beta(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \alpha$

Dalam Contoh 15 di atas, klausa [$\times\beta+2$] dalam TS merupakan klausa peluasan dengan makna penambahan melalui kata hubung *waw*. Kata kerja yang terdapat dalam klausa tersebut digabungkan dengan kata kerja pada klausa sebelum [$\times\beta 1$]. Dengan pembentukan konstituen ayat yang sama, penterjemah menterjemahkan kata hubung *waw* kepada “dan”. Manakala binaan ayat TT juga adalah sama dengan TS iaitu [$\times\beta(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \alpha$] yang bermaksud bentuk struktur susunan klausa tidak berlaku sebarang perubahan.

Contoh 16:

BA/A87
فانظر أيها الملك فيما ألقيت لك ولا يثقلنَّ عليك. 1α <i>Fa-unzur ayyuha al-malik fī-mā</i> $1=\beta$ <i>alqaytu lak</i> $+2$ wa lā yuthqilanna ‘alayk . Oleh itu perhatikan wahai raja pada apa yang telah aku sampaikan kepadamu dan janganlah perkara itu membebaskan atasmu. $1(\alpha^{\wedge}=\beta)^{\wedge} +2$
(i) Oleh itu, mohon ampun tuanku. (ii) 1 Patik berharap ‘ 21 tuanku merenung apa [[yang telah patik sampaikan]] ‘$2+2$ dan semoga ia tidak menjadi beban kepada tuanku. 1 ‘ $2(1^{\wedge}+2)$

Pada TT(ii), penterjemah menggunakan “dan” untuk menggabungkan harapan Baidaba terhadap Raja Dabsyalim. Penggunaan “dan” pada TT(ii) adalah sepadan dengan kata hubung *waw* yang terdapat pada klausa [$+2$] dalam TS. Kata hubung

“dan” digunakan di sini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu pertalian antara harapan Baidaba.

(ii) Dan + Pengguguran Frasa Kerja

Selain daripada kaedah penggunaan “dan” yang menggabungkan dua frasa kerja, penterjemah turut menggugurkan salah satu frasa kerja, kemudian menggabungkan frasa nama melalui “dan”. Contoh adalah seperti berikut:

Contoh 17:

BA/A5
<p> وذكر فيه شأن برزويه من أول أمره وآن مولده إلى أن بلغ التأديب وأحب الحكمة واعتبر في أقسامها وجعله قبل باب الأسد والثور. </p> <p> 11 <i>wa dhakara fih</i> “21 <i>syā'n Barzawih min awal amrih wa ān mawlidih ilā an balagh al-ta'dīb</i> “2+2 <i>wa aḥabba al-ḥikmat</i> “2+3 <i>wa i'tabar fī aqsāmihā</i> +2 <i>wa ja'alahu qabl bāb al-asad wa al-thawr.</i> </p> <p>Dan dia menyebut padanya keadaan Barzawy sejak awal perkara dari waktu kelahirannya sehingga dia mencapai umur dewasa dan dia mencintai hikmah dan meneliti pembahagiannya dan menjadikannya sebelum bab Singa dan Seladang.</p> <p>$1(1 \text{ “}2(1^{\wedge}+2^{\wedge}+3))^{\wedge}+2$</p>
<p>(i) 1 Dikisahkan juga “21α tentang kehidupan Barzawy $\times\beta\alpha$ sedari mula momen kelahiran $\times\beta\times\beta$ hingga mencecah dewasa, “2+2 seterusnya menekuni bidang falsafah dan stratifikasinya. </p> <p>$1 \text{ “}2(1(\alpha^{\wedge}\times\beta(\alpha^{\wedge}\times\beta))^{\wedge}+2)$</p> <p>(ii) α Al-Farisi meletakkannya kisah Barzawy di awal buku, $\times\beta$ sebelum memulakan Hikayat Singa Dan Seladang [[yang menjadi pemula cerita]]. </p> <p>$\alpha^{\wedge}\times\beta$</p>

Dua daripada klausa peluasan yang terdapat dalam TS iaitu klausa [“2+2] dan [“2+3] telah digabungkan menjadi satu klausa dalam TT [“2+2]. Penggabungan ini dilakukan pada objek langsung dalam kedua-dua frasa kerja. Teknik ini telah menggugurkan salah satu frasa kerja iaitu frasa kerja bagi klausa [“2+2] dalam TS. Sekiranya klausa TS [“2+2] ingin dikekalkan dalam terjemahan, pengkaji mencadangkan supaya dua klausa [“2+2] dan [“2+3] dijadikan sebagai ayat baharu dengan memulakan ayat tersebut dengan mengulangi penyebutan nama Barzawy.

Oleh itu, cadangan yang sesuai ialah “Barzawy sangat meminati bidang falsafah dan menekuni setiap stratifikasinya.”

(iii) Dan + Tanda Koma

Manakala bagi kaedah ketiga yang melibatkan penggunaan “dan” ialah kaedah penggunaan tanda koma berserta kata hubung “dan”.

Contoh 18:

BA/A73
<p style="text-align: center;"> فالحكمة كنز [[لا يفنى على الإنفاق]] وذخيرة [[لا يضرب لها بالإملاق]] وُحْلة [[لا تخلق جَدَّتْهَا]] ولذة [[لا تصرم مدَّتْهَا]]. </p> <p> 1 <i>fa al-ḥikmat̄ kanz</i> [[<i>lā yufnā ‘alā al-infāq</i>]] +2 <i>wa dhakhīrat̄</i> [[<i>lā yuḍrab lahā bi al-implāq</i>]] + 3 <i>wa khullah</i> [[<i>lā tukhlaq jiddatuhā</i>]] +4 <i>wa ladhdhah</i> [[<i>lā tuṣram muddatuhā.</i>]] </p> <p>Kerana hikmah ialah khazanah yang tidak habis diinfak, harta yang tidak luak, perhiasan yang tidak akan rosak dan kelazatan yang tidak berpenghujung.</p> <p>1^+2^+3^+4</p>
<p> 1 Bermakna, hikmah ialah khazanah [[yang takkan habis dibelanjakan]], +2 harta simpanan [[yang tidak luak]], +3 perhiasan [[yang takkan usang]] +4 dan kenikmatan [[tanpa penghujung]]. </p> <p>1^+2^+3^+4</p>

Tiga klausa peluasan yang terdapat dalam TS [+2], [+3] dan [+4] mempunyai klausa sematan (*embedded clause*) yang telah ditandai dengan tatatanda ([[]]). Klausa sematan tidak dianggap klausa kerana berfungsi sebagai keterangan bagi frasa nama dalam ayat atau klausa.

Dari sudut terjemahan pula, penterjemah menggunakan pendekatan gabungan kata hubung “dan” berserta tanda koma. Penggunaan tanda koma adalah perkara biasa dalam bahasa Melayu apabila menggabungkan lebih daripada dua perkara dalam satu ayat, kemudian meletakkan kata hubung “dan” sebelum perkara terakhir. Namun berbeza bagi bahasa Arab, meskipun penggabungan melebihi dua, kata hubung *waw* tetap digunakan.

Bagi tujuan pengkategorian, klausa TS [+2] dan [+3] yang masing-masing sepadan dengan klausa TT [+2] dan [+3] akan dikelaskan dalam kategori terjemahan “koma”, manakala klausa TS [+4] pula di bawah kelas “dan”.

(iv) Olahan Ayat

Definisi olahan ayat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penterjemah menggunakan teknik olahan ayat yang menyebabkan struktur dan susunan teks terjemahan berubah. Teknik ini juga biasanya membawa kepada pengguguran kata hubung *waw* dalam terjemahan. Dapatan kajian menunjukkan penterjemah menggunakan teknik ini sebanyak sembilan kali dan lima daripadanya berlaku pada klausa peluasan.

Contoh 19:

BA/A15
<p> فجدُّوا في ذلك وعجلوا وقرب أيضا وقت اختيار المنجمين. </p> <p> 11 <i>fa jaddū fī dhālik</i> 1+2 wa ‘ajjalū +2 <i>wa qaruba aiḍan waqt ikhtiyār al-munajjimīn.</i> </p> <p>Lalu mereka bertungkus-lumus pada itu dan bersegera dan mendekat juga waktu pemilihan ahli nujum.</p> <p>1(1[^]+2)[^]×2</p>
<p> α Berbekal semangat yang tinggi, mereka mempercepatkan kerja ×β kerana jadual penentuan masa serangan [[yang dipilih oleh ahli nujum]] juga kian hampir.</p> <p> </p> <p>α[^]×β</p>

Pada contoh di atas, jelas bahawa klausa [1+2] dalam TS merupakan klausa peluasan yang dikenal pasti melalui kata hubung *waw*. Tetapi pada TT, struktur ayat telah berubah kerana pengolahan yang dilakukan oleh penterjemah. Klausa [1+2] dalam TS menjadi klausa parataksis penyambung yang tidak terikat, namun dalam TT, klausa tersebut dijadikan sebagai klausa utama [α] yang mengikat keseluruhan klausa-klausa lain.

Selain daripada pengolahan struktur ayat, terjemahan kata hubung *waw* turut digugurkan memandangkan klausa tersebut telah diubah menjadi sebuah klausa hipotaksis.

4.3.1.3 Parataksis Peningkatan

Melalui perbandingan terjemahan klausa-klausa peningkatan, dapat disimpulkan bahawa kaedah yang paling kerap digunakan oleh penterjemah untuk menterjemahkan kata hubung *waw* ialah pembentukan ayat baharu dan diikuti oleh kata hubung “dan”. Manakala kata hubung *waw* yang terdapat dalam klausa selebihnya diterjemahkan kepada pelbagai jenis kata bantu dan kata hubung seperti “kemudian”, “sementara”, “lalu” dan “sambil”.

(i) Ayat Baharu

Kaedah ayat baharu yang dibincangkan di sini mempunyai konsep yang sama dengan apa yang telah dibincangkan pada terjemahan kata hubung *waw* parataksis perincian (rujuk 4.2.1.1). Perbincangan di sini dipilih disebabkan oleh kekerapan penggunaan oleh penterjemah.

Contoh 20:

BA/A17
<p> فلَمَّا أَحَسَّتْ بِالْحَرَارَةِ أَلْقَتْ مَنْ كَانَ عَلَيْهَا وَدَاسَتْهُمْ تَحْتَ أَرْجُلِهَا وَمَضَتْ مَهْزُومَةً هَارِبَةً لا تلوي على شيء ولا تمر بأحد إلا وطئته. $\times\beta$ <i>Fa-lammā aḥassat bi al-ḥarārat</i> $\alpha 11$ <i>alqat man kān ‘alayhā</i> $\alpha 1+2$ <i>wa dāsathum taht arjulihā</i> $\alpha \times 21$ <i>wa maḍat mahzūmatan hāribatan</i> $\alpha \times 2=2\alpha 1$ <i>lā talwī ‘alā syay’in</i> $\alpha \times 2=2\alpha+2$ <i>wa lā tamurru bi aḥad</i> $\alpha \times 2=2 \times \beta$ <i>illā waṭī’at’hu</i>. Apabila terasa dia (gajah) kepanasan, dia mencampak sesiapa yang berada di atasnya dan pergi melarikan diri, tidak menghiraukan apa-apa dan tidak melalui di hadapan sesiapaupun melainkan dia memijaknya. $\times\beta^{\alpha} \alpha(1^{1^+}+2)^{\alpha \times 2}(1^{1^+}=2(\alpha(1^{1^+}+2)^{\alpha} \times \beta))$</p>
<p>(i) $\times\beta$ Sebaik sahaja terasa bahang kepanasan, $\alpha 1$ gajah-gajah tadi hilang kawalan $\alpha+2$ dan menjatuhkan penunggang [[yang ada di pundaknya]] ke kaki. $\times\beta^{\alpha} \alpha(1^{1^+}+2)$</p> <p>(ii) 1 Gajah-gajah [[yang kepanasan]] terus bertempiran, $=2$ menginjak apa saja yang ada di depannya. $1^{1^+}=2$</p>

Makna peningkatan bagi klausa [$\alpha \times 21$] pada TS difahami melalui konteks ayat yang menunjukkan perturutan yang berlaku pada perbuatan. Setelah perbandingan dilakukan pada TT, didapati bahawa klausa [$\alpha \times 21$] telah dijadikan ayat baharu dan menggugurkan terjemahan kata hubung *waw* seperti yang dapat diperhatikan pada klausa [1] dalam TT(ii). Pembentukan ayat baharu ini juga telah mengubah struktur TS yang mempunyai struktur kompleks $\times \beta^{\wedge} \alpha(1(1^{\wedge} + 2)^{\wedge} \times 2(1^{\wedge} = 2(\alpha(1^{\wedge} + 2)^{\wedge} \times \beta)))$ kepada dua struktur klausa kompleks yang lebih ringkas.

Pada pandangan pengkaji, kaedah pembentukan ayat baharu digunakan oleh penterjemah adalah untuk memecahkan informasi cerita kepada beberapa struktur mudah agar lebih difahami oleh pembaca.

Contoh 21:

BA/A27
<p> ثم انصرف عن الهند وخلف ذلك الرجل عليهم ومضى متوجهاً نحو ما قصد له. </p> <p> 1 <i>thumma inṣaraf ‘an al-hind</i> $\times 2$ <i>wa khallaḥa dhālik al-rajul ‘alayhim</i> $\times 3$ <i>wa maḍa mutawajjihān mā qasad lah.</i> </p> <p>kemudian dia berangkat daripada India dan melantik lelaki itu kepada mereka dan pergi menuju ke tujuannya.</p> <p>$1^{\wedge} \times 2^{\wedge} \times 3$</p>
<p>(i) 1 Raja Zulqarnain pun meninggalkan India $\times 2$ dan menyerahkan pemuda tadi kepada rakyat jelata. </p> <p>$1^{\wedge} \times 2$</p> <p>(ii) Baginda meneruskan perjalanan menuju ke destinasi asal. </p>

Pada contoh di atas juga, penterjemah telah menggunakan pendekatan ayat baharu bagi menterjemahkan klausa peningkatan [$\times 3$] dalam TS. Terjemahan yang sepadan dengan klausa tersebut ialah TT(ii). Kaedah pembentukan ayat baharu ini menjadi teknik penterjemah bagi mengawal alur cerita dan kesinambungan setiap peralihan perlakuan karakter.

Sekiranya TT digabungkan menjadi satu ayat seperti TS, kata hubung *waw* boleh diterjemahkan sepadan dengan kata hubung “lalu” atau “kemudian”.

(ii) Dan

Terjemahan kata hubung *waw* kepada “dan” mempunyai frekuensi kedua terbanyak di bawah kategori klausa peningkatan. Meskipun fungsi asal kata hubung “dan” adalah untuk menggabungkan dan meluaskan klausa, terdapat juga penggunaan yang memberi makna peningkatan.

Contoh 22:

BA/A11
فاستدعى المنجمين وأمرهم بالاختيار ليوم موافق تكون له فيه سعادة لمحاربة ملك الهند والنصرة عليه. 1 <i>Fa-istad'ā al-munajjimīn</i> ×21 wa amarahum '2α <i>bi al-ikhtiyār li yawmin muwāfiq</i> [[<i>takūn lahu fih sa'adat</i>]] ×β1 <i>li muhārabat malik al-hind</i> ×β+2 <i>wa al-nuṣrat 'alayh.</i> Kemudian dia memanggil ahli nujum dan mengarahkan mereka untuk memilih satu hari yang sesuai yang ada nasib baik untuk memerangi raja India dan menang melawannya. $1^{\wedge} \times 2(1^{\wedge} '2(\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2)))$
1 Zulqarnain memanggil para penilik ×21 dan mengarahkan mereka '2α memilih hari yang sesuai ×β1 untuk melancarkan serangan ke atas raja India ×β+2 sekali gus menewaskannya. $1^{\wedge} \times 2(1^{\wedge} '2(\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2)))$

Klausa [×21] dalam TS yang didahului oleh kata hubung *waw* dikelaskan sebagai klausa peningkatan kerana perbuatan “mengarah” dilakukan setelah para penilik dipanggil oleh Zulqarnain. Terjemahan kata hubung *waw* pada klausa [×21] TS telah disepadankan dengan “dan” sebagaimana yang dapat diperhatikan pada klausa [×21] dalam TT.


4.3.1.4 Kesimpulan

Jadual 4.2 menyenaraikan kata hubung dan juga kata bantu dalam bahasa Melayu yang telah digunakan oleh penterjemah untuk menterjemahkan kata hubung *waw*. Kepelbagaian teknik terjemahan kata hubung *waw* dapat diperhatikan pada TT. Variasi terjemah kata hubung *waw* ini menunjukkan bahawa penterjemah menyesuaikan terjemahan dengan konteks dan makna klausa.

Jadual 4.2 Jenis Terjemahan Kata Hubung *Waw*

Perincian	Peluasan	Peningkatan
dan yang lebih-lebih lagi dari termasuk	dan di samping seterusnya serta sekali gus sementara sedang tapi kerana	dan selain sementara sambil supaya sedang lalu seraya kemudian selepas itu

Selain daripada senarai tersebut, penterjemah menggunakan tiga pendekatan lain iaitu ayat baharu, pengolahan dan pengguguran. Kaedah pengguguran merupakan teknik penterjemah tidak menterjemahkan teks sumber. Berbeza dengan kaedah pengolahan, penterjemah mengubah struktur ayat dengan membuat penambahan unsur terjemahan bersesuaian. Walau bagaimanapun, kaedah pengguguran dan pengolahan tidak kerap digunakan seperti kaedah ayat baharu.



Rajah 4.2 Kaedah Terjemahan Menggunakan Ayat

Bagi melihat kekerapan jenis terjemahan, semua kaedah terjemahan kata hubung *waw* yang menggunakan kata hubung (Jadual 4.2) dan ayat (Rajah 4.2) digabungkan pada Jadual 4.3. Dapat diperhatikan bahawa kata hubung *waw* pada klausa peluasan

kerap diterjemahkan kepada “dan” dengan sebanyak 54 kali kekerapan, diikuti oleh kaedah ayat baharu sebanyak 43 kali pengulangan dan penggunaan tanda koma. Bagi klausa peningkatan, penterjemah kerap menggunakan kaedah ayat baharu diikuti dengan “dan”.

Jadual 4.3 Kekerapan Jenis Terjemahan Kata Hubung *Waw*

Terjemahan	Perincian	Peluasan	Peningkatan
yang	1	1	
selain			1
AB	4	43	25
dan	1	54	15
di samping		1	
seterusnya		1	
koma		15	1
dari	1		
pengguguran	1	5	3
olahan	1	5	3
sementara		2	1
serta		1	
sekali gus		2	
kerana		3	
sambil			1
sehingga			1
supaya			1
sedang			1
lalu			2
seraya			1
kemudian			2
lebih-lebih lagi	1		
tetapi		1	
termasuk	1		
JUMLAH	11	134	58


4.4 Merumuskan Strategi Terjemahan Fitur Parataksis

Bagi menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu merumuskan strategi terjemahan fitur parataksis yang digunakan oleh penterjemah, pengkaji akan melihat dapatan-dapatan yang telah diperoleh daripada persoalan kajian pertama dan kedua.

Daripada analisis persoalan kedua pada terjemahan fitur parataksis, pengkaji mendapati bahawa penterjemah tidak sepenuhnya menterjemahkan kata hubung *waw* yang bersifat parataksis dalam TS kepada kata hubung atau kata bantu yang turut berfungsi untuk menghubungkan klausa parataksis. Kata bantu seperti “sehingga” dan “kerana” merupakan kata bantu yang menjadikan sesuatu klausa terikat kepada klausa utama. Keterikatan antara klausa ini dinamakan sebagai hipotaksis.

Selain daripada menterjemahkan klausa parataksis kepada klausa hipotaksis, penterjemah turut menggugurkan hubungan taksis antara klausa melalui penggunaan kaedah ayat baharu. Pengguguran ini telah menyebabkan struktur asal klausa dalam TS berubah. Perubahan ini dapat diperhatikan melalui penggunaan teknik penggabungan dalam penterjemahan kemudian membawa kepada pengurangan dan penambahan jumlah klausa dalam TT.

Oleh itu, pengkaji akan meneliti strategi terjemahan TS dengan memerhatikan peralihan yang berlaku dari TS ke TT. Skop peralihan akan dibahagikan kepada jenis taksis, makna klausa dan jumlah klausa.




Rajah 4.3 Jenis Peralihan Fitur Parataksis

4.4.1 Strategi Pengkalan Fitur Parataksis

Dalam terjemahan, penterjemah berusaha untuk tidak melakukan peralihan dengan mengekalkan fitur parataksis tersebut seperti dalam teks sumber dan kaedah ini ialah pilihan strategi utama penterjemah.

Sudut yang dinilai oleh pengkaji bagi mengkategorikan terjemahan tersebut tidak mengalami peralihan ialah TT yang mempunyai persamaan pada jenis taksis, makna dan jumlah klausa.



Rajah 4.4 Strategi Pengekalan Fitur Parataksis

Contoh 23:

BA/A3
<p> ذكر فيها ما يلزم مطالعته من إتقان قراءته والقيام بدراسته والنظر إلى باطن كلامه. </p> <p> 1 Dhakara fihā “21 mā yalzam muṭāli‘uh min itqān qirā’atih “2+2 wa al-qiyām bi-dirāsatih “2+3 wa al-naẓar ilā bāṭin kalāmih. </p> <p>Dia menyebut dalamnya apa yang perlu dikaji dengan menekuni pembacaan dan melakukan kajian dan melihat kepada kata-kata tersirat.</p> <p>1 “2(1[^] +2[^] +3)</p>
<p> 1 Beliau memperincikan “21 apa yang perlu didalami pembacaannya “2+2 dan dikaji oleh para penelaah “2+3 di samping meneliti makna tersirat kandungan buku berkenaan. </p> <p>1 “2(1[^] +2[^] +3)</p>

Melalui perbandingan antara teks sumber dan teks terjemahan pada Contoh 23, jelas bahawa penterjemah mengekalkan setiap satu fitur parataksis teks sumber dalam terjemahan beliau. Penterjemahan kata hubung yang sepadan dapat diperhatikan pada kata hubung “dan” dan “di samping” yang ditandai oleh warna kelabu pada TT. Manakala makna yang dibawa oleh kedua-dua kata hubung ini berfungsi untuk meluaskan lagi klausa dengan makna penambahan dan klausa ini ditandai oleh tatatanda (+) seperti dapat dilihat pada klausa TT [“2+2] dan [“2+3]. Struktur dan

jumlah klausa juga sama iaitu sebanyak tiga klausa yang berada di bawah klausa [“2”] yang dapat diperhatikan pada binaan $1^{\wedge} + 2^{\wedge} + 3$.

Contoh 24:

BA/A10
<p> واحترف خندقا على عسكره وأقام بمكانه لاستنباط الحيلة والتدبير لأمره وكيف ينبغي له أن يُقدم على الإيقاع به. </p> <p> 1 <i>Wa ihtafar khandaq ‘alā ‘askarih</i> $\times 21\alpha$ <i>wa aqāma bi-makānih</i> $\times 21 \times \beta 1$ <i>li-istinbāt al-hīlat</i> $\times 21 \times \beta + 2$ <i>wa al-tadbīr li-amrih</i> $\times 2 + 2$ <i>wa kayf yanbaghī lahu an yuqdam ‘ala al-‘īqā‘ bih.</i> </p> <p>Dan dia menggali lubang dengan askarnya dan berada di tempatnya untuk mencipta helah dan menguruskan strategi dan bagaimana dia patut lakukan untuk menewaskannya.</p> <p>$1^{\wedge} \times 2(1(\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2)^{\wedge} + 2))$</p>
<p> $\alpha 1$ Justeru, baginda memerintahkan pasukannya $\alpha' 2$ menggali parit $\times \beta \alpha$ sementara baginda bermukim di kubu berkenaan $\times \beta \times \beta 1$ untuk merumuskan muslihat dan strategi serangan $\times \beta \times \beta + 2$ serta bagaimana sewajarnya baginda boleh menewaskan lawan. </p> <p>$\alpha(1' 2)^{\wedge} \times \beta(\alpha^{\wedge} \times \beta(1^{\wedge} + 2))$</p>

Selain daripada melihat pengekalan terjemahan melalui perbandingan keseluruhan ayat, penterjemah turut mengekalkan fitur parataksis pada tahap klausa sahaja. Dalam Contoh 24, terdapat tiga klausa parataksis dalam TS [$\times 21\alpha$], [$\times 21 \times \beta + 2$] dan [$\times 2 + 2$] dan ketiga-tiga klausa ini dikembangkan melalui klausa pangkal yang berbeza. Perbandingan antara kedua-dua TS dan TT menunjukkan bahawa hanya klausa TS [$\times 2 + 2$] diterjemahkan dengan mengekalkan hubungan parataksis, makna peluasan dan jumlah klausa. Terjemahan sepadan bagi klausa tersebut diletakkan dalam contoh di atas, manakala terjemahan kata hubung *waw* ditandakan dengan warna kelabu.


Pada pendapat pengkaji, terjemahan klausa [$\times 2 + 2$] telah dikekalkan kerana klausa tersebut lebih ringkas dan tidak perlu diolah di samping berhubungan secara langsung dengan klausa [$\times 2$] tanpa mempunyai apa-apa huraian tambahan yang lebih kompleks dalam klausa itu sendiri.

Contoh 25:

BA/A78
<p style="text-align: center;"> ما ندمتُ على [[ما لم أتكلّم به قط]] ولقد ندمت على [[ما تكلمت به كثيرا]]. </p> <p> 1 <i>Mā nadimtu ‘alā</i> [[<i>mā lam atakallam bihi qatf</i>]] +2 <i>wa laqad nadimtu ‘alā</i> [[<i>mā takallamtu bihi kathāran</i>]]. </p> <p>Tidak aku sesali atas apa yang aku tidak katakan dan aku sesungguhnya menyesali atas apa yang aku banyak katakan.</p> <p>1^+2</p>
<p> 1 Beta tidak pernah menyesali kata-kata [[yang belum pernah beta tuturkan]], +2 tetapi sudah kerap beta menyesali apa [[yang pernah beta ucapkan]]. </p> <p>1^+2</p>

Data BA/A78 pada Contoh 25 merupakan satu ayat ringkas yang terdiri daripada dua klausa yang membentuk satu hubungan parataksis melalui kata hubung *waw*. Disebabkan oleh makna percanggahan antara klausa [1] dan klausa [+2], penterjemah telah menyesuaikan terjemahan kata hubung *waw* kepada “tetapi” dalam TT. Walau bagaimanapun, penggunaan kata hubung “tetapi” dalam terjemahan tidak mengubah makna klausa peluasan kerana ia memberi makna penambahan tentangan. Oleh itu, fitur parataksis dari sudut hubungan taksis dan makna klausa dikekalkan oleh penterjemah selain daripada jumlah klausa yang masih sama iaitu sebanyak dua klausa.

4.4.2 Strategi Peralihan Terjemahan Fitur Parataksis



Rajah 4.5 Strategi Peralihan Jenis Taksis

Bagi mengkaji strategi peralihan terjemahan, tiga aspek akan diteliti oleh pengkaji: (i) jenis hubungan taksis, (ii) makna klausa dan (iii) jumlah klausa.

4.4.2.1 Strategi Peralihan Jenis Taksis

Untuk dapatan kajian ini, hanya peralihan terjemahan parataksis kepada hipotaksis diperoleh daripada proses analisis memandangkan data yang diekstrak daripada TS hanya melibatkan klausa kompleks parataksis.

Contoh 26:

BA/A15
<p> فجدُّوا في ذلك وعجلُّوا وقربَ أيضا وقتَ اختيارِ المنجِّمين. </p> <p> 11 <i>fa jaddū fī dhālik</i> 1+2 <i>wa ‘ajjalū</i> ×2 <i>wa qaruba aiḍan waqt ikhtiyār al-munajjimīn</i>. </p> <p>Lalu mereka bertungkus-lumus pada itu dan bersegera dan mendekat juga waktu pemilihan ahli nujum.</p> <p>1(1⁺2)⁺×2</p>
<p> α Berbekal semangat yang tinggi, mereka mempercepatkan kerja ×β kerana jadual penentuan masa serangan [[yang dipilih oleh ahli nujum]] juga kian hampir. </p> <p>α⁺×β</p>

Contoh 26 menunjukkan klausa TS [×2] mempunyai hubungan parataksis yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* telah diterjemahkan kepada klausa hipotaksis dalam TT iaitu klausa [×β]. Terjemahan kata hubung *waw* pada TT telah disepadankan dengan “kerana” yang menunjukkan sebab-akibat.

Contoh 27:

BA/A18
<p> وتقطَّع فور وجمعه وتبعهم أصحاب الإسكندر وأثخنوا فيهم الجراح. </p> <p> 1 <i>wa taqatṭa ‘a Fūr wa jam ‘uh</i> +21 <i>wa tabi ‘ahum ashāb al-Iskandar</i> +2×2 <i>wa athkanū fthim al-jirāh</i>. </p> <p>Berpecah belah Fur dan askarnya dan mengekori mereka askar-askar Iskandar dan meninggalkan kesan luka-luka pada mereka.</p> <p>1⁺+2(1⁺×2)</p>
<p>(i) Raja Fur dan pasukannya yang kelam-kabut terus dikejar oleh tentera Zulqarnain. </p> <p>(ii) α Mereka terus dihambat ×β sehingga menjadi lemah kerana kecederaan. </p> <p> </p> <p>α⁺×β</p>

Klausa kompleks dalam TS pada Contoh 27 terdiri daripada tiga klausa yang membentuk hubungan parataksis. Sebaliknya dalam TT, penterjemah telah melakukan terjemahan klausa tersebut kepada dua ayat. Kesenambungan ayat ini difahami melalui frasa kerja “dikejar” dan “dihambat” yang digunakan oleh penterjemah.

Bagi klausa TS [+2×2], penterjemah menterjemahkan kata hubung *waw* kepada “sehingga”. Penterjemahan ini telah mengubah hubungan taksis klausa kepada hipotaksis. Pada hemat pengkaji, ayat terjemahan boleh diringkaskan menjadi satu ayat iaitu dengan menggunakan kata hubung “lalu” atau “kemudian”. Penggunaan ini akan mengekalkan status parataksis TS. Oleh itu, cadangan terjemahan ialah “dikejar oleh tentera Zulqarnain lalu dcederakan dengan begitu parah.”

Contoh 28:

BA/A84
<p>طغيت وبغيت وعتوت وعلوت على الرعية وأسأت السيرة وعظمت منك البلية. 1 <i>ṭaghayta</i> +2 <i>wa baghayta</i> +3 <i>wa ‘atawta</i> +4 <i>wa ‘alawta ‘alā al-ra‘iyyat</i> +5 <i>wa asa’ta al-sīrat</i> +6 <i>wa azumat mink al-baliyyat</i>. Tuanku telah menunjukkan kuasa dan melampaui batas dan bersikap sombong dan tuanku angkuh dengan rakyat dan tuanku berbuat jahat dan bencana yang tuanku lakukan besar. $1^{\wedge} + 2^{\wedge} + 3^{\wedge} + 4^{\wedge} + 5^{\wedge} + 6$</p>
<p>(i) Malah, tuanku telah bersikap diktator, autokratik, takbur dan sombong terhadap rakyat. (ii) α Tuanku bersikap buruk $\times\beta$ sehingga kerosakan [[yang timbul kerana perbuatan tuanku]] juga sangat besar. $\alpha^{\wedge} \times\beta$</p>

Enam klausa peluasan TS daripada data BA/A84 telah dipecahkan menjadi dua ayat iaitu [$1^{\wedge} + 2^{\wedge} + 3^{\wedge} + 4^{\wedge}$] dan [$+5^{\wedge} + 6$], masing-masing sepadan dengan TT(i) dan TT(ii). Peralihan taksis telah dilakukan oleh penterjemah pada klausa [$+5^{\wedge} + 6$] dengan menterjemahkan kata hubung *waw* kepada kata “sehingga” kemudian menyebabkan klausa [$\times\beta$] terikat kepada klausa utama [α]. Penterjemah memilih

untuk menggunakan hipotaksis peningkatan bagi menunjukkan sebab-akibat perbuatan-perbuatan baginda raja yang disebut dalam klausa-klausa sebelum.

4.4.2.2 Strategi Peralihan Makna Klausa

Peralihan makna terjadi apabila berlaku perubahan pada hubungan logik-semantik dalam sesebuah klausa kompleks. Penulis mendapati tidak banyak peralihan makna yang berlaku dalam data kajian. Majoriti peralihan berlaku pada hubungan taksis tetapi hubungan logik-semantik masih lagi dikekalkan. Selain itu, penggunaan kaedah ayat baharu juga telah memutuskan hubungan taksis, sekali gus menggugurkan hubungan logik-semantik.

Contoh 29:

BA/A84
<p style="text-align: center;"> طغيت وبغيت وعتوت وعلوت على الرعية وأسأت السيرة وعظمت منك البلية. </p> <p style="text-align: center;"> 1 <i>taghayta</i> +2 <i>wa baghayta</i> +3 <i>wa 'atawta</i> +4 <i>wa 'alawta 'alā al-ra'iyat</i> +5 <i>wa asa'ta al-sirat</i> +6 <i>wa azumat mink al-baliyyat</i>. </p> <p>Tuanku telah menunjukkan kuasa dan melampaui batas dan bersikap sombong dan tuanku angkuh dengan rakyat dan tuanku berbuat jahat dan bencana yang tuanku lakukan besar.</p> <p style="text-align: center;">$1^{\wedge} + 2^{\wedge} + 3^{\wedge} + 4^{\wedge} + 5^{\wedge} + 6^{\wedge}$</p>
<p>(i) Malah, tuanku telah bersikap diktator, autokratik, takbur dan sombong terhadap rakyat. </p> <p>(ii) α Tuanku bersikap buruk $\times \beta$ sehingga kerosakan [[yang timbul kerana perbuatan tuanku]] juga sangat besar. </p> <p style="text-align: center;">$\alpha^{\wedge} \times \beta$</p>

Dalam Contoh 29, klausa TS [+5[^] +6] merupakan klausa peluasan yang dihubungkan oleh kata hubung *waw*. Dalam TT pula, penterjemah telah mengalihkan makna peluasan kepada peningkatan dengan menggunakan “sehingga” sebagai kata hubung. Kata “sehingga” pada TT(ii) berfungsi untuk menunjukkan makna sebab-akibat. Makna peluasan yang terdapat pada TS boleh dikekalkan dengan menggunakan kata hubung “dan”. Oleh itu, pengkaji mencadang terjemahan seperti berikut: “Tuanku bersikap buruk dan telah menimbulkan kerosakan yang besar.” Kesan daripada penggunaan kata hubung “dan”, klausa kedua perlu dimulakan oleh

kata kerja. Manakala penterjemah telah menggunakan pendekatan kata nama “kerosakan”, sekali gus mengubah fitur taksis klausa.

Contoh 30:

BA/A15
<p> فجدُّوا في ذلك وعجلوا وقرب أيضا وقت اختيار المنجِّمين. </p>
<p> 11 <i>fa jaddū fi dhālik</i> 1+2 <i>wa ‘ajjalū</i> +2 <i>wa qaruba aiḍan waqt ikhtiyār al-munajjimīn</i>. </p> <p>Lalu mereka bertungkus-lumus pada itu dan bersegera dan mendekat juga waktu pemilihan ahli nujum.</p> <p>$1(1^+2)^+2$</p>
<p> α Berbekal semangat yang tinggi, mereka mempercepatkan kerja $\times\beta$ kerana jadual penentuan masa serangan [[yang dipilih oleh ahli nujum]] juga kian hampir. </p> <p>$\alpha^+ \times\beta$</p>

Klausa [+2] yang ditebalkan pada TS merupakan sebuah klausa peluasan dengan makna penambahan yang difahami melalui sifat klausa yang memberi informasi tambahan kepada ayat. Pada terjemahan, kata hubung *waw* telah dialihkan kepada kata hubung “kerana” dan menukar status parataksis klausa kepada hipotaksis kerana terikat kepada klausa utama [α] TT.


Contoh 31:

BA/A9
<p> فلما قُرب ذو القرنين من فور الهندي وبلغه ما قد أعد له من الخيل التي كأنها قطع الليل تخوف ذو القرنين. </p>
<p> $\times\beta 1$ <i>falammā qaruba Dhū al-Qarnayn min Fūr al-Hindiyy</i> $\times\beta+2$ <i>wa balaghahu mā qad a‘adda lahu min al-khayl al-latī ka‘anahā qiṭa‘ al-layl</i> α <i>takhawwafa Dhū al-Qarnayn</i>. </p> <p>Apabila Zulqarnain mendekati Raja Fur dan sampai kepadanya apa yang telah disiapkan untuknya dari kuda-kuda perang, Zulqarnain berasa takut.</p> <p>$\alpha^+ \times\beta(1^+2)$</p>
<p>(i) $\times\beta$ Semasa mara menghampiri wilayah jajahan Raja Fur, India, α Zulqarnain menerima maklumat tentang persiapan [[yang telah dilakukan untuk menyambutnya dengan kekuatan kuda yang sangat menggentarkan]]. </p> <p> </p> <p>$\times\beta^+ \alpha$</p> <p>(ii) Maklumat berkenaan sedikit sebanyak menggentarkan Zulqarnain. </p>

Seperti yang dapat dilihat pada Contoh 31, klausa TS [$\times\beta+2$] merupakan sebuah klausa peluasan hipotaksis yang menambah informasi pada klausa [$\times\beta 1$]. Tetapi pada TT(i), klausa [$\times\beta+2$] telah dialihkan menjadi klausa utama [α]. Peralihan ini telah mengubah struktur susunan klausa dengan pengguguran klausa peluasan tersebut dan menukarkan klausa terikat [$\times\beta(1^{\wedge}+2)$] menjadi dua klausa baharu iaitu klausa [$\times\beta 1$] menjadi klausa terikat kepada klausa utama [α] TT(i) yang berasal daripada klausa [$\times\beta+2$]. Manakala klausa utama [α] pada TS pula menjadi sebuah ayat baharu seperti yang dapat diperhatikan pada TT(ii).

4.4.2.3 Strategi Peralihan Jumlah Klausa

Jumlah bilangan klausa kompleks mungkin mengalami perubahan sama ada penambahan atau pengguguran dalam sesetengah keadaan. Perubahan ini turut melibatkan peralihan pada jenis taksis asal dalam teks sumber. Pengkaji akan membahagikan pecahan proses penambahan dan pengguguran kepada aspek klausa dan ayat.



Rajah 4.6 Strategi Peralihan Jumlah Klausa

(i) Penambahan Klausa

Proses penambahan klausa merujuk kepada jumlah klausa yang berasal daripada satu klausa ditambah lebih kompleks dengan beberapa klausa baharu. Pertambahan klausa boleh melibatkan sama ada hubungan klausa parataksis atau hipotaksis.

Contoh 32:

BA/A5
وذكر فيه شأن برزويه من أول أمره وآن مولده إلى أن بلغ التأديب وأحب الحكمة واعتبر في أقسامها وجعله قبل باب الأسد والثور.
11 <i>wa dhakara fih</i> “21 <i>sya'n Barzawih min awwal amrih wa ān mawlidih ilā an balagh al-ta'dīb</i> “2+2 <i>wa aḥabba al-ḥikmah</i> “2+3 <i>wa i'tabar fī aqsāmihā</i> +2 <i>wa ja'alahū qabl bāb al-asad wa al-thawr.</i>
Dan dia menyebut padanya keadaan Barzawy sejak awal perkara dari waktu kelahirannya sehingga dia mencapai umur dewasa dan dia mencintai hikmah dan meneliti pembahagiannya dan menjadikannya sebelum bab Singa dan Seladang.
$1(1^{+2}(1^{+2}+3))^{+2}$
(i) 1 Dikisahkan juga “21 α tentang kehidupan Barzawy $\times\beta\alpha$ sedari mula momen kelahiran $\times\beta\times\beta$ hingga mencecah dewasa, “2+2 seterusnya menekuni bidang falsafah dan stratifikasinya.
$1^{+2}(1(\alpha^{+2}\times\beta(\alpha^{+2}\times\beta)))^{+2}$
(ii) α Al-Farisi meletakkannya kisah Barzawy di awal buku, $\times\beta$ sebelum memulakan Hikayat Singa Dan Seladang [[yang menjadi pemula cerita]].
$\alpha^{+2}\times\beta$

Sebagai contoh, klausa [+2] dalam TS yang merupakan sebuah klausa simpleks yang dihubungkan kepada beberapa klausa kompleks sebelum telah ditambah jumlah klausa dalam TT(ii) sehingga menjadi sebuah klausa kompleks yang terdiri daripada dua klausa hipotaksis iaitu [$\alpha^{+2}\times\beta$]. Penambahan klausa yang berlaku dalam TT(ii) dapat dilihat pada klausa [$\times\beta$].

Contoh 33:

BA/A7
فبدأ في طريقه بملك الهند ليدعوه إلى طاعته والدخول في ملته وولايته.
α <i>fa bada'a fī tarīqih bi-malik al-Hind</i> $\times\beta$ 1 <i>li yad 'ūhu ilā ta'atih</i> $\times\beta$ +2 <i>wa al-dukhūl fī millatih wa wilāyatih.</i>
Lalu memulakan (dia) pada perjalanannya kepada raja India untuk mengajak supaya mentaatinya dan masuk bawah agama dan kuasanya.
$1(1^{+2})^{+2}\times 2$

<p> α Zulqarnain bagaimana pun terlebih dahulu memulakan ekspedisinya $\times\beta$ dengan mengajak raja India $\times\gamma 1$ supaya mentaatinya, $\times\gamma+2$ memeluk agamanya $\times\gamma+3$ dan tunduk di bawah kerajaannya. </p> <p>$\alpha^{\wedge} \times\beta^{\wedge} \times\gamma(1^{\wedge} +2^{\wedge} +3)$</p>

Kata hubung *waw* kedua (berwarna kelabu) yang terdapat pada klausa [$\times\beta+2$] dalam TS berfungsi untuk menggabungkan dua kata nama iaitu ملته *millatih* dan ولايته *wilāyatih*. Walau bagaimanapun, penterjemah telah mengasingkan kedua-dua kata nama ini kepada dua klausa yang berbeza pada TT. Dapat diperhatikan pada klausa [$\times\gamma+2$] dan [$\times\gamma+3$] yang ditebalkan pada TT, penterjemah telah melakukan terjemahan yang lebih eksplisit dengan meluaskan lagi klausa tersebut menggunakan frasa kerja “memeluk” dan “tunduk”, sekali gus menyebabkan berlakunya pertambahan pada jumlah klausa.

Contoh 34:

BA/A59
<p> لأن الحكماء أغنياء عن الملوك بالعلم وليس الملوك بأغنياء عن الحكماء بالمال. </p> <p> 1 <i>li-anna al-ḥukamā' aghniyā' 'an al-mulūk bi al-'ilm</i> +2 <i>wa laysa al-mulūk bi aghniyā' 'an al-ḥukamā' bi al-māl.</i> </p> <p>Kerana para ilmuwan tidak perlukan raja dengan ilmu dan tidak raja tidak perlukan para ilmuwan dengan harta.</p> <p>1[^] +2</p>
<p>(i) Sebab para ilmuwan dengan ilmu, mereka tidak perlu lagi bergantung kepada raja. </p> <p>(ii) $\times\beta$ Sedang para raja, sekalipun berharta α tetap perlu kepada para ilmuwan. </p> <p>$\times\beta^{\wedge} \alpha$</p>

Dua klausa yang terdapat pada TS telah dipecahkan menjadi dua ayat yang berasingan pada TT. Bagi menterjemahkan klausa [+2] yang ditebalkan pada TS, penterjemah telah memecahkan lagi klausa tersebut kepada dua klausa yang saling terikat antara satu sama lain.

Klausa peluasan pada TS di atas membawa makna peluasan tentangan yang difahami melalui konteks klausa yang berlawanan pada makna. Oleh itu, penterjemah menambah “sedang para raja” sebagai penerang pada pangkal ayat TT(ii). Makna

tentang ini dikuatkan lagi dengan penggunaan kata hubung “sekalipun” dan kata hubung ini telah menyebabkan hubungan klausa berubah menjadi hipotaksis, sekaligus menambah jumlah klausa.

(ii) Penambahan Ayat

Definisi penambahan ayat pada peralihan jumlah klausa ialah penterjemah mengekalkan terjemahan sesuatu klausa tetapi terjemahan tersebut diasingkan daripada klausa sebelum dan kemudian membentuk ayat baharu yang berasingan. Pembentukan ayat baharu ini akan menghilangkan hubungan taksis antara klausa.

Contoh 35:

BA/A86
<p> فَإِنَّ الْجَاهِلَ الْمُغْتَرَّ مَنْ اسْتَعْمَلَ فِيْ أَمْرِهِ الْبَطْرَ وَالْأَمْنِيَّةَ، وَالْحَازِمَ اللَّيْبَ مِنْ سَاسِ الْمَلِكِ بِالْمُدَارَةِ وَالرَّفْقِ. </p>
<p> 1 <i>fa inna al-jāhil al-mughtarr man ista‘mal fī umūrih al-baṭr wa al-umniyyat</i> +2 <i>wa al-ḥāzim al-labīb man sās al-mulk bi al-mudārat wa al-rifq.</i> </p> <p>Sungguh orang yang bodoh dan tertipu ialah sesiapa yang menggunakan kekerasan dan cita-cita pada urusan dan orang yang bijaksana matang ialah sesiapa yang mengetuai kerajaan dengan lemah-lembut dan tenang.</p> <p>1^+2</p>
<p>(i) Sesungguhnya orang bodoh yang terpedaya ialah yang menggunakan kekerasan dalam merealisasikan aspirasinya. </p> <p>(ii) Sementara orang cerdik bijak ialah yang mengendalikan kerajaan dengan cara lemah lembut dan kasih sayang. </p>

Berdasarkan Contoh 35 di atas, terdapat dua klausa yang membentuk klausa kompleks dengan makna peluasan yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* pada TS. Pada TT pula, kedua-dua klausa tersebut telah dipisahkan kepada dua ayat berasingan. Strategi ini adalah tidak asing kerana telah diterangkan pada subtopik 4.2.1 mengenai terjemahan kata hubung *waw* dengan menggunakan ayat baharu.

Kesan daripada strategi penambahan ayat yang dilakukan oleh penterjemah telah menyebabkan hubungan taksis hilang. Namun, makna pengembangan masih dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata hubung “sementara” pada awal ayat TT(ii)

yang memberi maksud tentangan. Dari sini dapat kita fahami bahawa penterjemah masih cuba untuk mengekalkan makna pengembangan klausa walaupun hubungan taksis telah digugurkan.

Contoh 36:

BA/A58
<p> فأذن له فدخل ووقف بين يديه وكفّر وسجد له واستوى قائما وسكت. </p> <p> 1 <i>Fa adhana lahu</i> ×2 <i>fa dakhala</i> ×3 <i>wa waqafa bayn yadayh</i> ×4 <i>wa kaffara</i> ×5 <i>wa sajada lahu</i> ×6 <i>wa istawā qā'iman</i> ×7 <i>wa sakat</i>. </p> <p>Lalu dia mengizinkannya (Baidaba) lalu dia (Baidaba) masuk dan berdiri di hadapannya (raja) dan menyembah dan sujud kepadanya dan dia berdiri tegak dan dia berdiam.</p> <p>1^ ×2^ ×3^ ×4^ ×5^ ×6^ ×7</p>
<p>(i) Raja memberikan restu. </p> <p>(ii) Baidaba pun masuk. </p> <p>(iii) 1 Beliau berdiri di hadapan raja ×2 kemudian melakukan sembah takzim. </p> <p>1^ ×2</p> <p>(iv) 1 Selepas itu, beliau bangkit berdiri ×2 dan terus membisu. </p> <p>1^ ×2</p>

Dalam Contoh 36, kesemua klausa yang terdapat dalam gabungan klausa kompleks di atas merupakan klausa peningkatan dan hanya lima klausa yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* iaitu klausa [×3], [×4], [×5], [×6] dan [×7]. Klausa [×6] dan [×7] pula dipecahkan daripada klausa kompleks TS dan dijadikan sebuah ayat baharu pada TT(iv) yang ditebalkan.

Makna peningkatan yang dibawa oleh klausa-klausa tersebut berada di bawah kategori tempoh masa kerana konteks ayat menunjukkan perturutan perbuatan Baidaba. Oleh itu, penterjemah telah memulakan klausa kompleks TT(iv) dengan kata bantu “selepas itu” untuk menunjukkan kesinambungan dengan perbuatan pada klausa sebelum.

Contoh 37:

BA/A62
فَإِنْ يَكُنْ مِنْ ضَمِيمٍ نَالَهُ كُنْتُ أَوْلَىٰ مِنْ [[[أَخَذَ بِيَدِهِ وَسَارَعَ فِي تَشْرِيفِهِ وَتَقَدَّمَ فِي الْبُلُوغِ إِلَىٰ مَرَادِهِ وَإِعْزَازِهِ]]. $\times\beta$ <i>Fa'in yakun min daym nāluhu</i> α <i>kuntu awlā</i> [[[1 <i>man akhaza biyadih</i> +2 <i>wa sāra'a fi tasyrifih</i> +3 <i>wa taqaddam fī al-bulūgh ilā marādih wa i'zāzih</i>]]. Jika ada sesuatu buruk yang terjadi, beta orang pertama yang akan menyambut tangannya dan bersegera memuliakannya dan menjadi yang terawal menyampaikan hasrat dan memuliakannya. $\times\beta^{\alpha}$ KS: 1^+2^+3
(i) $\times\beta$ Jika dia datang kerana ada suatu kezaliman [[yang menyimpannya]], α betalah orang yang paling wajar [[[1 menyambut tangannya +2 dan segera memuliakannya]]. $\times\beta^{\alpha}$ KS: 1^+2
(ii) Beta jugalah yang lebih dahulu [[[1 memperkenankan hasratnya +2 dan memuliakannya]]. KS: 1^+2

Contoh 37 di atas melibatkan hubungan taksis yang berlaku dalam klausa sematan. Walau bagaimanapun, klausa-klausa sematan dalam contoh tersebut merupakan klausa kompleks yang turut mempunyai hubungan taksis tersendiri. KS [+3] dalam TS pada data BA/A62 telah diterjemahkan sebagai satu ayat baharu berasingan seperti yang dapat dilihat pada TT(ii).

Bagi mengekalkan makna peluasan yang terkandung pada KS [+3] tersebut, penterjemah telah memasukkan kata bantu “jugalah” pada TT(ii). Selain itu, tautan kedua-dua ayat TT(i) dan TT(ii) difahami melalui subjek utama iaitu “beta”. Penterjemah memilih untuk menggunakan kembali subjek yang sama bagi membentuk kesinambungan ayat.

Contoh 38:

BA/A17
فلما رأى ذو القرنين عزمته سار إليه بأهبيته وقدم فور القبلة أمامه ودفعت الرجال تلك الخيل وتمائيل الفرسان.
$1 \times \beta$ <i>Fa-lammā ra 'ā Dhū al-Qarnayn 'azīmatah</i> 1α <i>sār ilayh bi-uhbatih</i> $\times 2$ <i>wa qaddama Fūr al-fīlah amāmah</i> $\times 3$ <i>wa dafa 'at al-rijāl tilk al-khayl wa tamāthīl al-fursān.</i>
Apabila melihat Zulqarnain keazamannya, berjalan (dia) kepadanya dengan tenteranya dan mengerahkan Fur gajah-gajah di depannya dan menolak tentera kuda-kuda itu dan patung-patung kuda.
$1(\times \beta^{\alpha})^{\times 2^{\times 3}}$
(i) $\times \beta$ Melihat kedegilan Raja Fur, $\alpha 1$ Zulqarnain pun berangkat bersama bala tenteranya.
$\times \beta^{\alpha}$
(ii) Raja Fur meletakkan pasukan bergajah di barisan paling hadapan.
(iii) Sementara tentera Zulqarnain menolak patung-patung serdadu berkuda.

Pada klausa [$1(\times \beta^{\alpha})$], subjek utama dalam klausa tersebut ialah Zulqarnain tetapi pada klausa [$\times 2$] yang ditebalkan pada TS, subjek telah berubah kepada Raja Fur. Walaupun subjek pada klausa [$\times 2$] dinyatakan dengan jelas, ada keadaan yang melibatkan penghilangan subjek dan hanya frasa kerja disebut. Keadaan ini adalah tidak asing dalam bahasa Arab memandangkan frasa kerja itu sendiri telah memiliki makna kata ganti diri nama. Oleh itu, penggabungan klausa yang mempunyai subjek berbeza merupakan perkara biasa.

Disebabkan oleh gaya bahasa Arab yang sering mencampurkan beberapa subjek berbeza tanpa menyebut secara jelas dalam satu ayat, strategi pencerakinan ayat dengan pembentukan ayat baharu menjadi satu strategi yang penting bagi memastikan pembaca tidak terkeliru.

Jika diperhatikan lebih lanjut pada klausa [$\times 3$], subjek berubah kepada “tentera Zulqarnain” seperti yang dapat dilihat pada TT(iii). Terjemahan tersebut telah didahului oleh penanda wacana “sementara” bagi mengekalkan makna peningkatan dan kaedah ayat baharu digunakan untuk menandakan peralihan subjek.

Contoh 39:

BA/A100
<p> ثم أمر بقيوده فحلت وألقى عليه من لباسه وتلقاه بالقبول. </p> <p> 1 <i>Thumma amara bi quyūdh</i> ×2 <i>fa hullat</i> ×3 <i>wa alqā ‘alayh min libāsih</i> ×4 <i>wa talaqqāhu bi al-qabūl.</i> </p> <p>Kemudian dia perintahkan dengan dilepaskan lalu terlerai dan menyerahkan kepadanya bajunya dan dia menerimanya dengan rela</p> <p>1^ ×2^ ×3^ ×4</p>
<p>(i) Baginda lalu mengarahkan rantai Baidaba dileraikan dan diberi sepasang persalinan. </p> <p>1^ ×2</p> <p>(ii) Baidaba menerimanya dengan senang hati. </p>

Contoh 39 menunjukkan kewujudan dua subjek yang berbeza dalam satu ayat. Berbeza dengan Contoh 38, kedua-dua subjek Contoh 39 digugurkan dan tidak dinyatakan dengan jelas. Hal ini kerana setiap kata kerja bahasa telah mempunyai pelaku yang tersendiri. Tiga kata kerja yang terdapat dalam TS iaitu أمر *amar* (mengarahkan), ألقى *alqā* (memberikan) dan تلقى *talaqqā* (menerima) mempunyai pelaku yang digugurkan merujuk kepada هو *huwa* (dia). Disebabkan oleh kekeliruan yang akan timbul pada pertindanan subjek, penterjemah telah mengasingkan terjemahan klausa [×4] pada TS kepada sebuah ayat baharu secara berasingan dan menyebut nama pelaku “Baidaba” secara jelas pada awal ayat.

(iii) Pengurangan Klausa

Pengurangan klausa adalah berbeza dengan pengguguran klausa. Jika proses pengguguran klausa menyebabkan keseluruhan klausa dihilangkan daripada TS pada TT, proses pengurangan pula masih mengekalkan makna klausa dalam teks tetapi dengan menurunkan tingkatan konstituen klausa kepada frasa atau perkataan.

Contoh 40:

BA/A1
قدمها بھنود بن سھوان ويُعرف بعلي بن الشاه الفارسي.
1 <i>Qaddamahā Bahnūd bin Saḥwān</i> =2 <i>wa yu‘raf bi-‘Aliyy bin al-Shāh al-Fārisī.</i> Mengemukakannya Bahnud ibn Sahawan dan dia dikenali sebagai Ali ibn Shah al-Farisi. 1^ =2
Dikemukakan oleh Bahnud ibn Sahawan, [[yang dikenali sebagai Ali ibn Shah al-Farisi]] .

Kata hubung *waw* yang terdapat pada awal klausa perincian [=2] pada TS telah diterjemahkan kepada kata hubung relatif “yang”. Penggunaan kata hubung “yang” pada awal klausa ini telah menukarkan klausa yang ditebalkan pada TT menjadi klausa sematan yang berfungsi sebagai penerang kepada kata nama Bahnud ibn Sahawan. Oleh itu, klausa yang ditebalkan tersebut tidak boleh dianggap sebagai sebuah klausa kerana telah diturunkan kepada tingkat frasa.

Contoh 41:

BA/A82
وبنوا القلاع والحصون ومهدوا البلاد وقادوا الجيوش واستجاشوا العدة وطالت لهم المدة.
1 <i>Wa banū al-qilā‘ wa al-ḥuṣūn</i> +2 <i>wa mahhadū al-bilād</i> +3 <i>wa qādū al-juyūsy</i> +4 <i>wa istajāsyū al-‘uddat</i> +5 <i>wa ṭālat lahum al-muddat.</i> Mereka telah membina benteng dan kubu dan mereka telah membuka kota dan mereka memimpin tentera dan mengumpulkan senjata dan begitu panjang tempoh masa itu buat mereka. 1^ +2^ +3^ +4^ +5
1 Mereka membangunkan benteng dan kubu, +2 meluaskan jajahan, +3 memimpin perajurit +4 dan mengumpul kelengkapan tentera dalam jangka masa yang cukup lama. 1^ +2^ +3^ +4

Klausa-klausa yang terdapat dalam Contoh 39 merupakan klausa-klausa peluasan dengan makna penambahan yang dikenali melalui perbuatan yang menerangkan hasil usaha raja-raja terdahulu. Proses terjemahan dilakukan tanpa peralihan dengan mengekalkan empat klausa awal, tetapi pada klausa [+5] penterjemah telah

menurunkan tingkat klausa tersebut pada TT dengan menterjemahkan klausa [+5] sebagai frasa keterangan masa seperti yang ditebalkan pada TT.

4.5 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, jelas bahawa kata hubung *waw* tidak semata-mata memberi makna penggabungan atau peluasan, tetapi turut mempunyai makna perincian dan peningkatan. Perbezaan pada makna kata hubung *waw* dapat dikenali melalui konteks ayat yang pelbagai yang didapati dalam novel *Kalilah Dan Dimnah*.

Disebabkan oleh terdapat variasi makna pada penggunaan kata hubung *waw*, terjemahannya harus disesuaikan dengan kata hubung yang sesuai dalam bahasa sasaran. Seperti yang diketahui umum, kata hubung *waw* adalah paling sepadan dengan kata hubung “dan” dalam bahasa Melayu, namun ada keadaan yang perlu digunakan oleh penterjemah untuk menggunakan kreativiti dan kemahiran bagi menterjemahkan kata hubung *waw*. Selain daripada diterjemahkan kepada kata hubung dalam bahasa sasaran, ada kalanya kata hubung *waw* telah digugurkan dalam terjemahan, terutamanya dalam TT novel *Kalilah Dan Dimnah*. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh sifat teks bersifat cerita yang memerlukan unsur saspens dan dramatik bagi menarik minat pembaca.

Dalam pada itu, sifat klausa parataksis yang terbentuk melalui penggunaan kata hubung *waw* tidak perlu dikekalkan dalam proses terjemahan kerana setiap bahasa mempunyai gaya bahasa tersendiri dalam menyampaikan sesuatu dengan cara yang lebih berkesan. Oleh itu, dapat kita lihat pada analisis strategi terjemahan, penterjemah telah menukarkan klausa parataksis kepada klausa hipotaksis. Selain itu, terdapat juga teks yang diterjemahkan

BAB 5 :RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Pada bab ini, pengkaji akan menyimpulkan rumusan berdasarkan keseluruhan analisis kajian yang telah dijalankan pada Bab 4. Pengkaji juga mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu yang ingin menjalankan kajian lanjut berkaitan dengan klausa kompleks dan terjemahan.

5.2 Rumusan


Kajian ini telah dijalankan untuk menjawab tiga persoalan utama yang menjadi titik tolak iaitu apakah fitur parataksis yang terdapat dalam teks sumber, apakah terjemahan fitur parataksis dalam teks sumber dan bagaimana fitur parataksis tersebut diterjemahkan oleh penterjemah. Berpandukan 100 ayat pertama yang mengandungi kata hubung *waw* yang menghubungkan klausa parataksis, kajian analisis deskriptif telah dilaksanakan.

5.2.1 Rumusan Fitur Parataksis Teks Sumber

Hasil analisis data yang telah dikumpul menunjukkan penggunaan kata hubung *waw* sebanyak 203 kali daripada 100 ayat yang telah dijadikan data. Taburan kekerapan penggunaan *waw* adalah berbeza. Jumlah yang paling sedikit bagi klausa kompleks dalam satu ayat ialah satu, manakala jumlah paling banyak ditemui sebanyak sembilan klausa.

Penggunaan *waw al-‘atf* (*waw* kata hubung) mendominasi keseluruhan *waw* manakala *waw al-hāl* (*waw* adverba) hanya digunakan sebanyak sepuluh kali daripada keseluruhan 203 klausa. Kesemua *waw* ini telah dianalisis dan penulis mendapati

bahawa makna peluasan mendominasi keseluruhan kajian dengan sebanyak 134 kali kekerapan (66%), kemudian makna peningkatan sebanyak 58 kali (28.6%) dan paling sedikit ialah makna perincian 11 klausa (5.4%). Dapatan ini menunjukkan bahawa kata hubung *waw* boleh mempunyai fungsi dan makna yang pelbagai dan fungsi ini dikenali melalui konteks ayat. Dapatan ini adalah selari dengan apa yang disimpulkan oleh Dickins (2017) berdasarkan dua kajian utama mengenai kata hubung bahasa Arab iaitu Quirk et. al (1985) dan Saeed & Fareh (2006). Menurut Dickins (2017), kedua-dua kajian merupakan antara kajian yang terkedepan dalam menyenaraikan makna-makna yang diwakili oleh kata hubung *waw*. Senarai makna tersebut dapat dilihat melalui Rajah 5.1 seperti berikut:



Rajah 5.1 Makna Kata Hubung *Waw* Berdasarkan Quirk Et. Al (1985) dan Saeed & Fareh (2006) oleh Dickins (2017)

Berdasarkan Rajah 5.1 di atas, dapat difahami bahawa makna penambahan dan pertentangan adalah sama dengan makna peluasan dan makna komentar berada bawah makna perincian. Manakala makna-makna tolak-ansur, keserentakan, turutan dan kesyambungan dikategorikan sebagai makna peningkatan.

Selain itu, peratusan kekerapan fitur parataksis bagi kata hubung *waw* menunjukkan bahawa makna peluasan digunakan paling banyak dalam teks sumber. Memandangkan fungsi asal kata hubung *waw* iaitu untuk menggabungkan elemen ayat bagi tujuan penambahan, atau dengan nama lain, makna peluasan. Oleh hal yang demikian, klausa peluasan paling banyak didapati dalam teks. Penulis mendapati majoriti klausa peluasan yang terdapat dalam teks digunakan untuk menambah latar belakang cerita sama ada latar belakang masa, tempat dan juga watak-watak. Di samping itu, kekerapan makna peluasan turut berpunca daripada sifat teks Arab yang menggabungkan banyak elemen yang mempunyai makna lebih kurang sama dalam satu ayat melalui kata hubung *waw*. Antara ciri tersebut ialah pengulangan berkait (*associative repetition*), pengulangan bersinonim (*synonym repetition*) dan persetaraan berantai (*chained coordination*) (Dickins, 2017).

Dapatan ini turut bertepatan dengan hasil analisis yang dijalankan oleh Atsani Wulansari (2017). Daripada sejumlah 311 klausa kompleks yang diekstrak daripada novel *The Snow of Kilimanjaro*, karangan Ernest Hemingway, menunjukkan bahawa daripada tiga makna pengembangan parataksis, makna peluasan paling mendominasi makna klausa. Manakala Suardana, Sedeng & Utama (2020) telah menyimpulkan sebab utama pemilihan klausa peluasan dalam cerita rakyat Bali, Pan Balang Tamak, adalah untuk memberikan informasi tentang watak dan latar belakang cerita di samping menerangkan apa perkara yang sepatutnya terjadi dengan menggunakan makna peluasan pertentangan.

5.2.2 Rumusan Terjemahan Fitur Parataksis Teks Sumber

Terjemahan yang paling banyak digunakan untuk menterjemahkan kata hubung *waw* ialah “dan”. Terjemahan ini merupakan terjemahan yang paling sepadan jika

tidak melihat kepada konteks. Hal ini kerana kedua-dua kata hubung *waw* dan “dan” pada asasnya menunjukkan makna penggabungan.

Selain terjemahan “dan”, kaedah ayat baharu menjadi pilihan kedua penterjemah dalam menterjemah kata hubung *waw* iaitu sebanyak 65 kali. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada struktur ayat bahasa Arab yang terlalu kompleks sehingga menimbulkan kecelaruan tatabahasa (*grammatical intricacy*). Matthiessen (2002) menyatakan bahawa kecelaruan tatabahasa terjadi seiring dengan penambahan jumlah klausa kompleks. Di samping itu, penggunaan ayat baharu yang digunakan oleh penterjemah adalah bersesuaian dengan sifat teks novel yang penuh dengan naratif. Kaedah terjemahan ayat baharu berupaya untuk menimbulkan rasa saspens dan sifat ingin tahu kepada pembaca agar cerita kelihatan lebih menarik.

Bagi kaedah terjemahan selain daripada kata hubung “dan” dan ayat baharu, taburan kekerapan adalah tidak tinggi dan digunakan tidak lebih daripada sepuluh kali. Walau bagaimanapun, penting untuk dinyatakan di sini bahawa terdapat beberapa terjemahan kata hubung *waw* telah menjadi sebab kepada perubahan sifat klausa daripada parataksis kepada hipotaksis. Kata hubung *waw* yang diterjemahkan kepada “sehingga”, “kerana” dan “supaya” akan menjadikan klausa yang mengikuti kata hubung yang dinyatakan tersebut sebuah klausa terikat. Oleh itu, status antara dua klausa yang setara dalam TS telah berubah menjadi tidak simetri dalam TT. Perubahan status taksis klausa boleh diperhatikan dalam contoh seperti berikut:

Contoh 42:

BA/A26
<p>فوعدهم من نفسه الإحسان ومنحه الله أكتافهم فاستولى على بلادهم وملك رجلا من ثقاته وأقام بالهند حتى استوسق له ما أراد من أمرهم واتفاق كلمتهم. </p> <p> 11 <i>Fa wa 'adahum min nafsihī al-iḥsān</i> 1+2 <i>wa manaḥahu allah aktāfahum</i> ×2 <i>fa istawlā 'alā bilādihim</i> ×3 <i>wa mallaka rajulan min thiqātih</i> ×4 <i>wa aqāma</i> <i>bi al-Hind</i> ×4×β <i>ḥattā istawsaqa lahu mā arāda min amrihim wa ittifaq</i> <i>kalimatihim.</i> </p> <p>Lalu menguasai atas negara mereka dan melantik seorang lelaki daripada kepercayaan dan menetap di India sehingga stabil apa yang ingin dia arahkan dan persetujuan..</p> <p>$1(1^+2)^+ \times 2^+ \times 3^+ \times 4(\alpha^+ \times \beta)$</p>
<p>(i) 1 Sebaliknya, baginda menawarkan mereka pengampunan +2 dan menjadi rakyatnya. </p> <p>$1^+ + 2$</p> <p>(ii) α Baginda melantik seorang pemuda kepercayaannya ×β supaya tinggal di India ×γ1 sehingga urusan yang berkepentingan rakyat selesai diatur ×γ+2 dan menepati kehendak mereka. </p> <p>$\alpha^+ \times \beta^+ \gamma(1^+ + 2)$</p>

Pada Contoh 41 di atas, dapat diperhatikan sejumlah tiga klausa parataksis yang dihubungkan oleh kata hubung *waw* iaitu [1+2], [×3] dan [×4α]. Melalui perbandingan TS dan TT, penulis mendapati bahawa klausa [×4α] telah diubah status taksis klausa kepada hipotaksis dalam TT. Kata hubung *waw* telah diterjemahkan kepada kata tugas “supaya” yang mempunyai makna seerti dengan “agar”. Penterjemahan ini menjadikan klausa sebelum [×4α] dalam TS iaitu [×3] sebuah klausa utama yang mengikat klausa “supaya tinggal di India”.

Hasil kajian analisis penulis mendapati bahawa hanya sembilan klausa yang mengalami peralihan taksis. Pada pengamatan penulis juga, sekiranya kaedah ayat baharu tidak digunakan, lebih banyak klausa yang berubah status taksis akan diperoleh pada analisis kajian. Hal ini disebabkan oleh penterjemah kerap menggunakan kata tugas seperti “sementara”, “apabila” dan penanda wacana seperti “oleh sebab itu” pada awal ayat dalam kaedah ayat baharu dan penterjemahan melalui kaedah ini menyebabkan hubungan kebergantungan antara klausa telah terputus sekali gus menggugurkan status taksis.

Jika dinilai melalui kategori makna logik-semantik, klausa perincian dan peningkatan lebih kerap diterjemahkan menggunakan kaedah ayat baharu. Bagi klausa perincian, kaedah ini berkemungkinan untuk memberi penerangan yang lebih jelas. Penterjemah telah menggunakan kata ganti diri nama atau menyebut kembali subjek pada awal ayat baharu bagi mengelakkan kesamaran timbul.

Bagi klausa peningkatan, memandangkan fungsi makna peningkatan adalah berkait rapat dengan tempoh masa, maka penggunaan ayat baharu adalah lebih kepada untuk mengawal jalan cerita supaya lebih difahami oleh pembaca.

Manakala klausa peluasan, majoriti terjemahan kata hubung *waw* telah disepadankan dengan kata hubung “dan”, bersesuaian dengan fungsi utama “dan” iaitu untuk menggabungkan klausa serta menambah informasi baharu. Bagi klausa peluasan yang lebih daripada satu, penggunaan gabungan “dan” dan tanda baca koma telah digunakan. Perkara ini adalah titik perbezaan antara bahasa Arab dan Melayu kerana bahasa Arab akan menggabungkan setiap klausa baharu dengan kata hubung *waw* tetapi bahasa Melayu, kata hubung “dan” hanya akan diletakkan sebelum klausa atau elemen terakhir sahaja, manakala bagi klausa-klausa terdahulu, tanda baca koma akan digunakan untuk memisahkan antara klausa.

Selain daripada gabungan kata hubung “dan” dan tanda baca koma, penterjemah turut menggabungkan kata nama melalui kata hubung “dan”. Penggabungan ini telah membawa kepada pengguguran frasa kerja yang menjadi predikat kepada kata nama yang digabungkan. Apabila frasa kerja dihilangkan daripada klausa, keadaan ini akan menyebabkan konstituen klausa turun satu tingkat kepada konstituen frasa dan akhirnya menghilangkan hubungan taksis antara klausa.

5.2.3 Rumusan Strategi Terjemahan Fitur Parataksis

Hasil akhir daripada analisis data, penulis mendapati penterjemah melakukan beberapa strategi dalam terjemahan beliau. Penterjemah cuba untuk mengekalkan makna terjemahan tetapi dalam kebanyakan keadaan, peralihan pada hubungan taksis turut berlaku. Huraian ini adalah bertepatan dengan dakwaan bahawa majoriti ayat bahasa Arab adalah berbentuk parataksis berbanding hipotaksis (Johnstone, 1987).

Pemerhatian utama yang dilakukan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan strategi yang diguna pakai oleh penterjemah ialah dengan melihat peralihan-peralihan yang berlaku pada unsur-unsur klausa kompleks iaitu jenis taksis, makna klausa dan jumlah klausa.

Pada sudut jenis taksis, hanya peralihan daripada parataksis kepada hipotaksis yang diperoleh memandangkan keseluruhan data kajian yang dipilih merupakan klausa parataksis. Pengenalpastian peralihan ini telah dinilai melalui penggunaan kata hubung yang membawa makna hipotaksis seperti yang dinyatakan tadi iaitu “sehingga” dan “kerana”. Peralihan ini dilakukan berkemungkinan daripada kemudahan untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan klausa hipotaksis berbanding penyampaian maklumat dengan klausa parataksis. Perlu diingatkan bahawa klausa-klausa hipotaksis adalah terikat dan tidak setara pada aspek status. Oleh itu, bagi tujuan penghujahan dan penerangan mengenai sebab-akibat adalah lebih sesuai menggunakan hipotaksis. Jika klausa parataksis dikekalkan, kekeliruan mungkin akan timbul kerana tujuan tidak dapat disampaikan dengan baik.

Seterusnya, pengkaji menilai peralihan terjemahan daripada sudut makna klausa. Peralihan pada sudut makna klausa tidak begitu banyak dilakukan oleh penterjemah. Hal ini mungkin disebabkan oleh penterjemah cuba untuk mengekalkan makna asal

teks bagi memastikan makna umum teks tidak begitu menyeleweng daripada teks asal.

Di samping melakukan peralihan pada hubungan taksis, penterjemah turut membahagikan ayat teks sumber yang panjang kepada beberapa bahagian. Strategi ini merupakan rentetan daripada penggunaan kaedah ayat baharu yang telah dinyatakan pada Bab 4 dan pengkaji telah mengkategorikan strategi ini di bawah peralihan jumlah klausa. Hal ini adalah bertepatan dengan Li & Yu (2021) yang turut memperoleh dapatan yang sama dalam kajian mereka mengenai terjemahan teks Cina ke bahasa Inggeris. Penterjemah bahasa Cina telah melakukan kaedah pencerakinan klausa kompleks teks Cina sama ada dengan menambah atau mengurangkan klausa.

Terdapat tiga pembahagian pada peralihan jumlah klausa iaitu penambahan klausa, penambahan ayat dan pengurangan klausa. Tiada pengurangan ayat didapati kerana data yang diekstrak daripada novel adalah satu per satu ayat, bukannya beberapa kelompok ayat yang bersambung.

Penambahan klausa merupakan satu strategi yang unik kerana penterjemah telah menjadikan terjemahannya menjadi lebih terperinci dan eksplisit. Penambahan klausa berlaku disebabkan oleh penterjemah telah menambah frasa kerja dalam sesebuah klausa. Contoh penambahan klausa yang dilakukan oleh penterjemah dapat diperhatikan pada Contoh 42 berikut:

Contoh 43:

BA/A72
ولم يتأسف على ما لم يعن التوفيق ببقائه ولم يحزنه ما تجري به المقادير في ملكه ولم يدهش عند مكروه.
1 <i>Wa lam yata'assaf 'alā mā lam yu'in al-tawfiq bi baqā'ih</i> +2 <i>wa lam yuhzinhu mā tajrī bihi al-maqādīr fī milkih</i> +3 <i>wa lam yudhisy 'ind makrūh.</i> Dan tidak sesal dia ke atas apa yang tidak membantu taufik untuk kekekalannya dan tidak menyedihkan dia apa yang berlaku padanya takdir pada miliknya dan tidak terkejut pada malapetaka. $1^{\wedge} + 2^{\wedge} + 3$
(i) Dia tidak sesal dengan nikmat yang tidak ditakdirkan kekal buatnya. (ii) 1 Tidak pula sedih dengan ketentuan takdir yang berlaku pada milikannya +2α dan tidak gelisah $\times\beta$ ketika sesuatu [[yang tidak diinginkan]] menyimpannya. $1^{\wedge} + 2(\alpha^{\wedge} \times \beta)$

Pada Contoh 42, klausa [+3] TS telah dikembangkan menjadi sebuah klausa kompleks pada TT. Penterjemah telah menambah satu klausa baharu iaitu klausa [$\times\beta$] pada TT(ii) dan penambahan ini telah membentuk klausa kompleks baharu. Penggunaan kata tugas “ketika” pada klausa tersebut memberi petunjuk kepada kita bahawa klausa itu merupakan sebuah klausa hipotaksis. Oleh itu, dapat difahami bahawa strategi ini melibatkan penambahan kedua-dua jenis taksis sama ada klausa parataksis atau klausa hipotaksis.

Seterusnya, strategi penambahan ayat yang merupakan kaedah sama yang telah dinyatakan pada kaedah ayat baharu. Apa yang perlu dinyatakan di sini ialah penambahan ayat baharu ini sebenarnya tidak memutuskan seratus peratus makna dengan ayat sebelum. Walaupun hubungan taksis antara klausa telah hilang, namun penterjemah masih cuba mengekalkan makna klausa dengan menggunakan penanda wacana atau gaya pengulangan bagi memastikan makna tidak berubah jauh. Penjelasan mengenainya ditunjukkan seperti dalam contoh berikut:

Contoh 44:

BA/A17
<p> فلما أحسَّت بالحِراة أَلقت من كان عليها وداستهم تحت أرجلها ومضتْ مهزومةً هاربةً لا تلوي على شيء ولا تمر بأحد إلا وطئته. $\times\beta$ <i>Fa-lammā aḥassat bi al-ḥarārah</i> $\alpha 11$ <i>alqat man kān ‘alayhā</i> $\alpha 1+2$ <i>wa dāsathum taht arjulihā</i> $\alpha \times 21$ <i>wa maḍat mahzūmatan hāribatan</i> $\alpha \times 2=2\alpha 1$ <i>lā talwī ‘alā syay’in</i> $\alpha \times 2=2\alpha+2$ <i>wa lā tamurru bi aḥad</i> $\alpha \times 2=2 \times \beta$ <i>illā waṭi’at’hu.</i> Apabila terasa dia (gajah) kepanasan, dia mencampak sesiapa yang berada di atasnya dan pergi melarikan diri, tidak menghiraukan apa-apa dan tidak melalui di hadapan sesiapaupun melainkan dia memijaknya. $\times\beta^{\alpha}(1(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \times 2(1^{\wedge}=2(\alpha(1^{\wedge}+2)^{\wedge} \times \beta)))$</p>
<p>(i) $\times\beta$ Sebaik sahaja terasa bahang kepanasan, $\alpha 1$ gajah-gajah tadi hilang kawalan $\alpha+2$ dan menjatuhkan penunggang [[yang ada di pundaknya]] ke kaki. $\times\beta^{\alpha}(1^{\wedge}+2)$</p> <p>(ii) 1 Gajah-gajah yang kepanasan terus bertempiran, $=2$ menginjak apa saja yang ada di depannya. $1^{\wedge}=2$</p>

Klausa [$\alpha \times 21$] pada TS telah dipisahkan daripada klausa asal dan diterjemahkan kepada ayat baharu seperti yang dapat diperhatikan pada klausa yang ditebalkan dalam TT(ii). Disebabkan sebuah ayat baharu telah dibentuk, maka hubungan taksis telah digugurkan. Walau bagaimanapun, penterjemah telah menyebut kembali subjek iaitu “gajah-gajah yang kepanasan” sebagai satu usaha untuk terus mengekalkan kesinambungan cerita dan memastikan titik yang ingin disampaikan pada teks sumber tetap tercapai. Di samping pengulangan atau kata ganti diri nama, penanda wacana turut digunakan oleh penterjemah pada awal ayat baharu. Penanda wacana ini seperti “selepas itu”, “seterusnya”, dan “sementara itu”.

Strategi penambahan ayat juga dapat diperhatikan pada klausa-klausa yang mempunyai pelaku atau subjek yang berbeza tetapi klausa ini tetap digabungkan dalam satu ayat pada TS.

Contoh 45:

BA/A55
وصرّفهم وهم يدعون له بالسلامة.
1 <i>Wa şarafahum</i> ×2 <i>wa hum yad‘ūn lahu bi al-salāmah.</i> Meninggalkan dia mereka dan mereka mendoakan untuknya dengan kebaikan. 1 [^] ×2
(i) Baidaba pun berpaling meninggalkan mereka.
(ii) Anak-anak muridnya mendoakan keselamatan tuan guru mereka.

Klausa [×2] telah digabungkan kepada klausa [1] tetapi kedua-dua klausa mempunyai subjek yang berbeza. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa penterjemah telah mengasingkan kedua-dua klausa kepada dua ayat yang berbeza.

Manakala sudut yang ketiga pada peralihan jumlah klausa, penterjemah melakukan pengurangan klausa. Pengurangan klausa bermaksud konstituen klausa telah diturunkan kepada tingkat frasa dan sekali gus menghilangkan hubungan taksis antara klausa. Tidak terlalu banyak contoh yang didapati pada strategi pengurangan klausa tetapi majoriti keadaan yang menyebabkan klausa dikurangkan ialah penggabungan frasa nama melalui kata hubung “dan”.

5.3 Cadangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan rumusan kajian ini, pengkaji ini mengutarakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan kajian pada masa akan datang:

1. Memperluas skop pemilihan data dan tidak terhad kepada 100 ayat sahaja. Selain itu, pemilihan data daripada teks novel yang berbeza juga boleh dilakukan.
2. Meneliti kedua-dua jenis taksis iaitu parataksis dan hipotaksis pada teks sumber agar dapat melihat kecenderungan teks sumber dan teks terjemahan. Sekiranya hanya klausa parataksis ingin dikaji, pengkaji mencadangkan agar meluaskan

jenis kata hubung dan tidak terbatas pada kata hubung *waw* semata-mata. Kata hubung *fā'*, *thumma* dan *aw* juga boleh diambil sebagai data kajian.

3. Selain daripada membandingkan teks sumber dan teks terjemahan yang telah diterjemahkan, teks asal novel boleh diterjemahkan oleh penterjemah amatir dan melihat aspek kesalahan dan ketepatan terjemahan melalui perbandingan terjemahan pakar dan amatir.
4. Kajian ini hanya memerhatikan pada tahap klausa sahaja. Kajian seterusnya boleh mengambil data yang lebih banyak pada peringkat wacana dan menilai pada sudut koherensi ayat. Hal ini kerana penterjemah kerap menggunakan kaedah ayat baharu dalam terjemahannya.
5. Pentingnya para penterjemah merujuk kepada teori yang tuntas dalam melakukan penterjemahan dan mengaplikasi strategi yang pelbagai demi untuk menghasilkan terjemahan yang sepadan.
6. Meneliti fenomena terjemahan parataksis dalam sumber terjemahan lain yang sinonim dalam masyarakat Melayu terutamanya al-Quran dan hadis. Melihat apakah strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah parataksis teks kudus berkenaan dan adakah strategi yang digunakan menghasilkan terjemahan yang sepadan?
7. Mencadangkan aktiviti terjemahan yang berkesan oleh pakar bidang untuk bahan-bahan kesusasteraan Arab ke bahasa Melayu untuk menambahkan koleksi rujukan penting dalam bidang ini. Terjemahan rujukan primer seperti *Kalilah* dan *Dimnah* akan menyumbang kepada percambahan bidang kajian sastera perbandingan antara budaya.

Penutup

Kajian fitur parataksis melalui pemerhatian kata hubung *waw* telah menunjukkan makna-makna yang boleh terkandung pada kata hubung ini tanpa dibataskan pada satu makna sahaja. Melalui dapatan analisis kajian, dapat dilihat bahawa kata hubung *waw* yang dikaji melalui kaca mata Linguistik Fungsional Sistemik boleh berfungsi dengan ketiga-tiga makna pengembangan.

Apabila diteliti daripada sudut terjemahan, kata hubung *waw* mempunyai makna yang lebih luas. Hal ini dapat dibuktikan melalui terjemahan fitur parataksis yang menunjukkan kepelbagaian terjemahan kata hubung *waw*. Meskipun majoriti terjemahan kata hubung *waw* diterjemahkan kepada kata hubung “dan”, terjemahannya tetap disesuaikan mengikut makna dan konteks ayat. Justeru, memahami makna ayat secara keseluruhan adalah satu perkara penting dan mustahak bagi memastikan terjemahan yang lebih sejadi dan sampai makna.

Oleh itu, diharapkan terdapat lebih banyak kajian mengenai kata hubung *waw* dijalankan agar dapat membantu memberi input yang berguna kepada para pelajar bahasa Arab dan membuka mata agar tidak terikat kepada satu fahaman semata-mata.

BIBLIOGRAFI

- A. Abrafi & O. Kwasi. (2017). The Expansion Relations of Clause Complexing (CC) in the Editorials of the Daily Graphic. *Journal of Literature, Languages and Linguistics*. 30, 12-26.
- Abdullah bin Ibn al-Muqaffa'. (1989). *Āthār Ibn al-Muqaffa'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Adika, D., Djatmika, D., & Santosa, R. (2018). Sistem Proyeksi Cerita-cerita Rakyat Nusantara di Indonesia. *Jurnal Bahasa Lingua Scientia*, 10(1), 159-182. <https://doi.org/10.21274/lis.v10i1.740>
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu kemas kini*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Teori asas nahu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arnida Abu Bakar, Lubna Abd Rahman, & Nurhasma Muhamad Saad. (2018). Strategi Penterjemahan Teks Sastera “*Kalilah Dan Dimnah*” Arab-Melayu. *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa 2018* (hlm. 275-283). Universiti Sains Malaysia
- Al-Hindawi, Fareed Hameed & El-Abadi, Hani Kamel. (2016). Systemic Functional Analysis of English and Arabic: A Contrastive Study. *AL-USTATH Special Issue of the International Scientific Conference*, (hlm. 193-214).
- Azman Che Mat. (2016). Analisis Sintaksis-Semantik dalam Penterjemahan Karya Sastera Prosa Arab-Melayu. In book: *Isu-Isu dalam Terjemahan Karya Sastera* (pp. 84), Edition: 1, Chapter: 5, Publisher: Penerbit Universiti Sains Malaysia, Editors: Goh Sang Seong.
- Baker, M. (2001). *In other words*. Routledge.
- Chafé, W. L. (1979). *The flow of thought and the flow of language*. In T. Givon (Ed.), *Syntax and semantics. Discourse and syntax*, 12, 159-181. New York: Academic Press.

- Delara Singh. (1959). *Ibn al-Muqaffa', hayātuhu, āthāruhu wa nufudz al-afkār al-Fārisiyyah fī al-lughoh al-'Arabiyyah*. [Disertasi PhD]. American University of Beirut.
- Dickins, J. (2017). The pervasiveness of coordination in Arabic, with reference to Arabic>English translation. *Languages in Contrast*, 17(2), 229-254.
- Ditters, E. (1991). A modern standard Arabic sentence grammar. *Bulletin d' Etudes Orientales*, 22, 197 - 236.
- El-Shiyab, S. (1990). *The structure of argumentation in Arabic: Editorials as a case study*. [Disertasi PhD]. Heriot-Watt University.
- Fahd Mohammed Sagheer Eid. (2017). Systemic Analysis of News Tackling of Al Jazeera Arabic and Al Jazeera English: A Paradigmatic Dimension. *International Journal of English and Education*, 6(3), 71-80.
- Fatimah Alkohlani. (2015). The Arabic Sentence: Towards A Clear View. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2, 28 - 37.
- Ghazala, H. (2004). Stylistic-semantic and grammatical functions of punctuation in English-Arabic translation. *Babel*, 50(3), 230 - 245. doi:<https://doi.org/10.1075/babel.50.3.03gha>
- Ghusoon Subhi Khalil. (2011). *Parataxis, Hypotaxis, Style and Translation*. Majallah Kuliyyah al-Tarbiyah al-Asāsiyyah, 68.
- Halliday, M. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Arnold.
- Halliday, M. A. K. (2002 [1977]) Text as semantic choice in social contexts. In J. Webster (ed.) *Linguistic Studies of Text and Discourse. Volume 2 in the Collected Works of M. A. K. Halliday*, 23–81. London and New York: Continuum.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. Longman.
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. (2014). *Halliday's Introduction to Functional Grammar* (4th ed.). Routledge.

- Mohamad Hussin & Hakim Kamal. (2021). Translation of al-Quran into Malay Language in the Malay World. *IJISH (International Journal of Islamic Studies and Humanities)*, 4(1), 32-50. doi:<https://doi.org/10.26555/ijish.v4i1.3322>.
- Mohamad Hussin & Idris Mansor. (2020). Metaphor translation procedures and their application in translating amthāl al-Hadith into Malay with reference to Newmark's theory. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 18 (1) 29-55. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340079>
- Ibn Hishām. (t.t). *Mughni al-labīb 'an kutub al-A 'arīb* (p. 436). Dār al-Fikr.
- Ibn Jinnī, A. (1983). *al-Khaṣā'is* (3rd ed.) Jilid 1. Dār al-Kutub.
- Ibn Qāsim al-Marādi. (t.t.). *Al-janā al-dāniy fī hurūf al-ma'āni* (p. 28). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya bahasa Melayu: Kepelbagaian unsur hubungan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnstone, B. (1987). Parataxis in Arabic: Modification as a model for persuasion. *Studies in Language*. 11(1). pp.85- 98 .
- Karimah Sasi. (2013). *Tajalliyāt al-ramz fī Kalīlah wa Dimnah li Ibn al-Muqaffa'*. [Tesis Master]. University of Larbi Ben M'hidi Oum El Bouaghi.
- Khairul Amin Mohd Zain. (2011). *Perbandingan fungsi waw dalam terjemahan surah Al-Mulk*. [Tesis Master]. Universiti Putra Malaysia.
- Kim, M. (2007). *A discourse based study on theme in Korean and textual meaning in translation*. [Disertasi PhD]. Macquarie University.
- Li, X. & Wu, C. (2017). Coherence in Hong Lou Meng and its English translations: an exploratory investigation. *Functional Linguistic*. 4(1). 1-14.
- Li, X. & Yu, H. (2021). Parataxis or hypotaxis? Choices of taxis in Chinese--English translation. *Lingua*, 1-15. <https://doi.org/10.1016/j.lingua.2020.103026>

- Manfredi, M. (2008). *Translating Text and Context: Translation Studies and Systemic Functional Linguistics: Vol. 1. Translation Theory*. In. Donna Rose Miller (Ed.). <http://amsacta.unibo.it/archive/00002441/>
- Matthiessen, C.M.I.M. (2002). *Combining clauses into clause complexes: a multifaceted view*. In: Bybee, J., Noonan, M. (Eds.), *Complex Sentences in Grammar and Discourse: Essays in Honor of Sandra A. Thompson*. Benjamins, Amsterdam, pp. 237--322.
- Meiseles, G. (1979). Informal written Arabic: A preliminary evaluation of data. *Israel Oriental Studies*, 6, 73 - 313.
- Mesouda Sulaimani. (2020). Wasā'il al-Ittisāq: Dirāsah taṭbīqiyyah (Nuṣṣ min kitāb “Kalīlah wa Dimnah” li Ibn al-Muqaffa‘ anmūzajan). *al-Mumārasāt al-Lughawīyyah*. 11(3), 126-141.
- Mohd Khairuddin. (2011). Retorik partikel waw dalam al-Qur'an dan kesannya terhadap penterjemahan makna al-Qur'an ke dalam bahasa melayu. [Disertasi PhD]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nizwan Musling. (2014). Kalilah wa Dimnah [Review of the book Kalilah wa Dimnah by Ibn al-Muqaffa‘]. *‘Ulum Islamiyyah Journal*, 14, 241-246. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2006). Gaya hipotaksis dan parataksis dalam kerangka Nahu Fungsian-Sistemik. *Jurnal Bahasa*. 6(4), 610-626.
- Nik Safiah, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Norsyazwan, Syed Nurulakla, & Muhd Zulkifli. (2021). Masalah penterjemahan kolokasi Arab dalam Kalilah Wa Dimnah. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 36-49.
- Nuri Nur Latifah. (2013). *Al-insyā' al-ṭalabīy fī usṭūrah Kalīlah wa Dimnah li Ibn al-Muqaffa‘*. [Disertasi PhD]. UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Puriyadi. (2010). Nilai etika dalam Kalilah wa Dimnah karya Ibn Al-Muqaffa‘. *Ilmu Ushuluddin*. 9(1), 1-23.

- Ryding, K. C. (2005). *A Reference Grammar of Modern Standard Arabic*. Cambridge University Press.
- Salmi Sakinah, Taj Rijal, & Abdelmuniem Ahmed Mohamed. (2020). Analisis makna eksplisit penterjemahan peribahasa Arab-Melayu dalam buku Kalilah Wa Dimnah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. 4(4), 79-89.
- Setyaji, A., Tarjana, S. S., Nababan, M. R., & Tri Wiratno. (2019). Translation analysis of taxis in “The Old Man and the Sea” novel (Systemic Functional Linguistics Approach. *Theory and Practice in Language Studies*. 9(2), 245-254.
- Siti Hadijah Mappeneding. (2017). *Kalilah Dan Dimnah*. Alasfiyaa Sdn Bhd.
- Sridevi Srinivass. (2009). Methods and procedures for a Systemic Functional Linguistic analysis: An investigation into clause complexing relations. *Journal of Modern Languages*. 19(1), 131-156.
- Stetkevych, J. (2006). *The modern Arabic literary language*. Georgetown University Press.
- Suardana, I Ketut, Sedeng, I Nyoman & Sutama, Putu. Expansion Clauses Application in Pan Balang Tamak Text. *e-Journal of Linguistics*. 14(1), 151-163. <https://doi.org/10.24843/e-jl.2020.v14.i01.p15>.
- Ṭāriq Quraisy. (2018). Athar dilālāt waw al-‘atf fī al-Quran al-Karīm fī ikhtilāf al-mujtahidīn. *Majallah ‘Ulūm al-Lughah al-‘Arabiyyah wa Ādābihā*. 2(13). 255-268.
- Tawfeek Abdou Saeed Mohammed. (2011). *A taxonomy of problems in Arabic-English translation: A Systemic Functional Linguistics approach*. [Disertasi Tidak Diterbitkan]. University of Western Cape.
- Taylor Torsello, C. (1996) “Grammatica e traduzione”, in G. Cortese (a cura di), *Tradurre i linguaggi settoriali*, Torino: Edizioni Libreria Cortina, 87-119.
- Thompson, G. (2013). *Introducing functional grammar*. Routledge.

Wahida Mansor, Arnida A. Bakar & Lubna Abd. Rahman. (2019). *Prosedur Modulasi Dalam Terjemahan Arab-Melayu Karya Kalilah Wa Dimnah* [Kertas Persidangan]. International Seminar on Islam and Science, USIM Nilai.

Williams, M. P. (1989). *A Comparison of Textual Structures of Arabic and English Written Texts: A Study of Comparative Orality in Arabic*. West Yorkshire: University of Leeds.

Wulansari, A. (2017). The analysis of clause complex in the snow of Kilimanjaro: A systemic functional discourse analysis. In Conference on Language and Language Teaching (pp. 429-434).

Universiti Malaysia